



# 2023

LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN LABUAN

# ISI KANDUNGAN

M/S

1.	KATA ALU-ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PL .....	1 - 2
2.	VISI, MISI, OBJEKTIF, DAN PIAGAM PELANGGAN PL .....	3
3.	FUNGSI-FUNGSI PL .....	4
4.	AHLI LEMBAGA PENGARAH .....	5
5.	AHLI JAWATANKUASA AUDIT .....	6
6.	AHLI MAJLIS PENASIHAT .....	7
7.	SEKTOR PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF .....	8
8.	SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN) .....	9
9.	SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN) .....	10
10.	SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERBANDARAN) .....	11
11.	CARTA ORGANISASI .....	12
12.	PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN .....	13
13.	PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN PENGURUSAN .....	21
14.	PENGUATKUASAAN DAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG .....	56
15.	PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR .....	69
16.	PELABURAN, PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KOMUNITI .....	109
17.	PERKHIDMATAN PERBANDARAN .....	140
18.	PELANCONGAN, ACARA DAN PROGRAM .....	161
19.	PENGURUSAN KEWANGAN, ASET DAN KUTIPAN HASIL .....	178
20.	LAPORAN PENYATA KEWANGAN .....	189



# KATA ALU-ALUAN

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN LABUAN

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat meneruskan usaha dan tanggungjawab dalam membangunkan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan ke arah kemajuan dan kesejahteraan yang lebih mampan. Tahun 2023 menandakan satu lagi langkah penting dalam perjalanan Perbadanan Labuan (PL) sebagai agensi peneraju pembangunan wilayah ini. Seiring dengan visi dan misi organisasi, PL terus komited dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan berintegriti kepada masyarakat serta memastikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan dalam membantu memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam tahun ini, PL terus mengorak langkah ke hadapan dengan memperkukuhkan perancangan strategik berdasarkan Pelan Strategik Perbadanan Labuan 2022-2026. Lima (5) teras utama yang digariskan menjadi panduan dalam memastikan pembangunan yang mampan dan inklusif, sejajar dengan Dasar Pembangunan Negara. Keutamaan diberikan kepada projek-projek infrastruktur, ekonomi, sosial dan alam sekitar yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menarik lebih banyak pelaburan ke WP Labuan.

Tahun 2023 turut menyaksikan kejayaan pelbagai projek pembangunan yang telah siap dan yang sedang dalam pelaksanaan. Antara projek utama yang berjaya direalisasikan termasuklah program peningkatan infrastruktur asas, baik pulih kemudahan awam, pembangunan perumahan, serta inisiatif bagi memperkasakan ekonomi setempat. Pada masa yang sama terdapat enam (6) projek yang sedang dilaksanakan iaitu Pembinaan *Sanitary Landfill Cell*, Naik Taraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan, Bangunan Blok A, Dewan Komuniti, Penyelenggaraan Bangunan Blok A dan Tapak Pesta, Kerja-kerja Penambahbaikan Surau di LIGC, dan Kerja-kerja Pembaikan *Grand Stand*. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen PL dalam memastikan WP Labuan terus berkembang sebagai sebuah wilayah yang dinamik dan berdaya saing.

Selain itu, PL juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kebajikan masyarakat, khususnya dalam mendepani cabaran ekonomi pasca pandemik. Pelbagai program bantuan dan sokongan telah diperkenalkan bagi membantu golongan yang terjejas, termasuk inisiatif keusahawanan, bantuan kebajikan, dan program peningkatan kemahiran. PL juga tidak ketinggalan dalam memperkasakan modal insan dengan memberi penekanan kepada latihan dan pembangunan kompetensi warga kerja agar lebih cekap dan produktif dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Dalam aspek pelancongan dan kebudayaan, PL terus giat mempromosikan WP Labuan sebagai destinasi pilihan melalui pelbagai program dan acara berprestij antaranya *Labuan International Sea Challenge* (LISC) 2023, Borneo Arts Festival (BAF), *Remembrance Day* dan banyak lagi program yang telah diadakan. Walaupun berdepan dengan cabaran global, kita tetap optimis bahawa sektor pelancongan akan kembali pulih dan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi tempatan. Oleh itu, kerjasama erat dengan pelbagai pihak termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO)

serta komuniti setempat akan terus diperkukuhkan bagi memastikan kemampuan pembangunan di WP Labuan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama berganding bahu dalam memastikan PL terus mencapai kecemerlangan. Kejayaan yang kita kecapai hari ini adalah hasil usaha kolektif seluruh warga kerja PL, rakan-rakan strategik dan sokongan padu daripada masyarakat WP Labuan. Semoga tahun 2023 membawa lebih banyak kejayaan dan kemajuan kepada kita semua. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan semangat dan tekad yang lebih kuat demi kesejahteraan WP Labuan.

Sekian, terima kasih.

**TUAN HAJI RITHUAN BIN HAJI MOHD ISMAIL**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Labuan



# VISI

Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan mampan dan sejahtera menjelang 2026.

# MISI

Memastikan pembangunan terancang bagi menyejahterakan rakyat melalui :

- Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- Pembangunan ekonomi yang berterusan.
- Peningkatan prasarana yang berkualiti.
- Penyediaan perkhidmatan perbandaran yang efisien.

# OBJEKTIF

- Menjadikan Perbadanan sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa. Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.
- Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di Wilayah Persekutuan Labuan.
- Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia.
- Menjadikan Perbadanan Labuan sebagai agensi Perancang dan Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap, berkesan, dan berdikari.

# PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan mesra serta melaksanakan program pembangunan yang berkualiti selaras dengan Dasar Pembangunan Negara.

# FUNGSI-FUNGSI PERBADANAN LABUAN

Mengikut Seksyen 4, Akta 609 – Akta Perbadanan Labuan 2001:

- (a) Memajukan dan merangsang Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan, kawasan bebas duti dan pusat perdagangan.
- (b) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (c) Memajukan, merangsang dan mengusahakan perkembangan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti rekreasi dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (d) Memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (e) Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (f) Melaksanakan segala fungsi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
- (g) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) dalam Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (h) Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.

## AHLI LEMBAGA PENGARAH



**YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANIFAH BIN AMAN @ HANIFF AMMAN**  
Pengerusi



**ENCIK SIMSUDIN BIN SIDEK**  
Timbalan Pengerusi



**YBHG DATO' INDERA NORIDAH  
BINTI ABDUL RAHIM**  
Ahli



**YBHG. DATO' SRI LIEW SHAN WEN**  
Ahli



**ENCIK AZLAN BIN ABDUL RASHID**  
Ahli



**ENCIK MOHD TALAL BIN HJ ABU BAKAR**  
Ahli

## AHLI JAWATANKUASA AUDIT



**YBHG DATO' SRI LIEW SHAN WEN**  
Pengerusi



**ENCIK MOHD TALAL BIN HJ ABU BAKAR**  
Ahli



**ENCIK AZLAN BIN ABDUL RASHID**  
Ahli

# AHLI MAJLIS PENASIHAT



**YBHG DATUK HJ. BASHIR  
BIN HJ ALIAS**  
Pengerusi



**YBHG. DATUK WONG KII YII**  
Ahli



**PUAN NISWATI BINTI TARJI**  
Ahli



**PUAN NORIHA BINTI YAKUP**  
Ahli



**ENCIK SEAH KIAT LEONG  
@SIA KIAT LEONG**  
Ahli



**ENCIK ANDY HERRIWADY  
JA'AFAR @ HARRIS**  
Ahli



**ENCIK TAN SOON KIAT**  
Ahli

## SEKTOR PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**HJ. RITHUAN BIN HJ. MOHD ISMAIL**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**HJ. SUHAIMI SAINAN**  
Pejabat Penasihat Undang-undang



**DAYANG SALMAH BINTI ABBAS**  
Jabatan Hal Ehwal Korporat



**DAYANG MONIRA MOHD. YUSOFF**  
Jabatan Audit Dalam



**ISKANDAR BIN RAIMAN**  
Unit Integriti

## SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)



**DATO' DR. HJ. OTHMAN CHE JUSOH**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pengurusan)



**MOHD. EBNO SUHAILI**  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



**JUNAIDI MOHAMMAD**  
Jabatan Pengurusan Maklumat



**NORINA IGNATIUS BEATTY @ MORIN**  
Jabatan Kewangan



**ABD. AZIZ HAMZAH**  
Jabatan Khidmat Pengurusan



**HASLIZAH BINTI HASSAN**  
Perpustakaan Awam Labuan

# SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN)



**IBRAHIM TAMBI**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pembangunan)



**ERNIE MOHAMAD**  
Jabatan Pelaburan & Sosio Ekonomi



**MUHAMMAD ZULHILMI JEFFRY CHAN**  
Jabatan Pembangunan & Kejuruteraan



**MURSIDIN BIN ISMAIL**  
Jabatan Perancangan & Kawalan Bangunan



**MAHATHIR BIN ABD HAMID**  
Jabatan Pelancongan, Kebudayaan  
& Kesenian



**MADUN BIN ABD WAHAB**  
Unit Penyelarasan, Pemantauan,  
Penilaian Impak (3P)

# SEKTOR PEJABAT TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERBANDARAN)



**FADZILAH HJ. MAHMUD**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Perbandaran)



**GILBERT CHIN HSING LIN**  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran



**NORSIAH BINTI UDIN**  
Jabatan Penilaian,  
& Pengurusan Harta




**HELMI BALI**  
Jabatan Pelesenan



**MUSA BARIONG**  
Jabatan Penguatkuasaan

# CARTA ORGANISASI





# **PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN**

## 1. Penarafan Bandar Pintar Malaysia Berdasarkan Standard Ms Iso 37122:2019 (*Sustainable Cities And Communities – Indicators For Smart Cities*) Bagi Tahun 2023 – *Early Adopter*

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi WP Bil.16 Tahun 2023, Datuk Pengerusi memohon semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersiap sedia dengan pelaksanaan penarafan bandar pintar. Perbadanan Labuan (PL) telah menyertai sesi forum bagi penarafan bandar pintar bertaraf *Early Adopter* pada 13 Julai 2023 bertempat di Bangi Resort Hotel.

PBT yang mendapat status sebagai '*Early Adopter Smart City*' akan diberi:



Oleh itu, PL telah menyertai 'Penarafan Bandar Pintar Berdasarkan Standard MS ISO 37122:2019 (*Sustainable Cities And Communities – Indicators For Smart Cities*) Bagi Tahun 2023 – *Early Adopter*, bermula 15 Julai 2023 hingga 31 Ogos 2023.

Pemarkahan lulus yang ditetapkan ialah 80% dan kriteria penilaian bagi penarafan *Early Adopter* ialah seperti berikut:

- i. Pelan Tindakan Bandar Pintar
- ii. Jawatankuasa Bandar Pintar
- iii. Initial Dashboard / Mini Commad Center
- iv. Pematuhan kepada 10 Indikator MS ISO 37122:2019

Bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia pada 9 November 2023, WP Labuan telah berjaya mendapat anugerah *Smart City Early Adopter 2023* oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia. Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Encik Ibrahim Bin Tambi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) PL dan Encik Mursidin Bin Ismail, Pengarah Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan (JKPB) PL telah mewakili PL untuk menerima anugerah tersebut iaitu berupa sijil pengiktirafan dan cek cura bernilai RM200,000.00.



Gambar 1: Encik Ibrahim Bin Tambi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) PL dan Encik Mursidin Bin Ismail, Pengarah Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan (JKPB) PL Selesai Menerima Sijil Pengiktirafan dan Cek Cura.



Gambar 2: Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berjaya mendapat anugerah Smart City Early Adopter 2023.



Gambar 3 : Sijil Pengiktirafan Smart City Early Adopter 2023.

## 2. Pelaksanaan & Penilaian Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets 2.0) WP Labuan Tahun 2023 - Pencapaian Bandar Mampan: 80% Keputusan Penilaian

MURNInets merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development*). Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk bandar.

PLANMalaysia telah menjalankan kajian penambahbaikan MURNInets yang dikenali kini sebagai MURNInets 2.0 pada tahun 2017. MURNInets 2.0 merangkumi 6 dimensi, 22 tema dan 43 penunjuk. PL dengan kerjasama jabatan/ agensi kerajaan yang berkaitan, adalah salah satu PBT pembekal data secara terperinci mengenai dapatan data dan keperluan setiap penunjuk yang diguna pakai.

Pada tahun 2023, penilaian MURNInets bagi WP Labuan telah berjaya mendapat indeks 'Mampan' dengan peratus skor 80.81%.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKOR DIMENSI						INDEKS KEMAMPAN	
	D1	D2	D3	D4	D5	D6	2022	2023
DB Kuala Lumpur	0.83	0.88	0.93	1.00	0.70	0.89	86.84%	Mampan
Perbadanan Putrajaya	0.83	0.88	1.00	1.00	0.71	1.00	96.61%	Mampan
Perbadanan Labuan	0.58	0.83	0.94	0.96	0.60	0.96	80.81%	Mampan
<b>PERATUS SKOR</b>	<b>0.75</b>	<b>0.80</b>	<b>0.96</b>	<b>0.99</b>	<b>0.67</b>	<b>0.95</b>	<b>88.09%</b>	<b>Mampan</b>

**3** PBT

- MAMPAN (80% Ke Atas)
- SEDERHANA MAMPAN (50%-79%)
- KURANG MAMPAN (49% Ke Bawah)

PETUNJUK	
D1	Ekonomi Berdaya Saing
D2	Kualiti Persekitaran Mampan
D3	Komuniti Sejahtera
D4	Gunatanah dan Sumber Asli Optimum
D5	Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien
D6	Urus Tadbir Efektif



Rajah 1 : Jadual Indeks Kemampanan bagi Tiga PBT Wilayah Persekutuan.



Gambar 4: Sesi Verifikasi Data bersama PBT Wilayah Persekutuan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan PL.


### 3. Program Pertanian Bandar Wilayah Persekutuan Tahun 2023

BILANGAN PROGRAM : 4 PROGRAM  
PERUNTUKAN JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN : RM85,000.00

#### PROJEK KEBUN KOMUNITI BAHARU

Menaik Taraf Kaedah Tanaman Secara Vertical Farming

Kg. Bebuloh Laut




90%

Masih dalam proses bekalan

#### PROJEK KEBUN KOMUNITI SEDIA ADA

Menaik Taraf Infrastruktur Asas Kebun Komuniti Sedia Ada

Kg. Ganggarak (En Zaidi)




90%

Masih dalam proses bekalan

Projek Rumah Cendawan (membekal cendawan)

Kg. Sungai Bedaun




100%

Masih dalam proses bekalan

Projek Rumah Cendawan (membekal cendawan)

Kg. Kilan/Pulau Akar



100%

20 Disember 2023

#### I. Program Pertanian Bandar Wilayah Persekutuan



Gambar 5: Menaik Taraf Kaedah Tanaman Secara Vertical Farming.



Gambar 6: Menaik Taraf Infrastruktur Asas Kebun Komuniti Sedia Ada.



Gambar 7: Projek Rumah Cendawan Kampung Kilan/Pulau Akar.



Gambar 8: Projek Rumah Cendawan Kampung Sungai Bedaun.

#### 4. Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) Tahun 2023 (KPKT)



Rajah 2: Senarai Program Kemampanan Komuniti Bandar Tahun 2023.



Gambar 9: Program Kayuhan Sihat Komuniti.



Gambar 10: Program Beach Cleaning Bersama-sama Komuniti dan Belia Kitani 2023.



Gambar 11: Program Kayak dan Kemampanan Komuniti Labuan.



Gambar 12: Program Gotong-royong dan Kitar Semula Perumahan Kerajaan Kakitangan Awam Bukit Kuda dan Kampung Setempat.

## 5. Statistik Pelancongan Ke WP Labuan

Kedatangan pelawat ke Labuan telah meningkat dari 963,637 pelawat pada tahun 2022 ke 1,212,610 pada tahun 2023. Peningkatan ini memberi impak positif kepada sektor ekonomi dan industri pelancongan di Labuan. PL telah mengorak langkahkan dengan mengadakan pelbagai program dan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan persatuan bagi menarik pengunjung dan pelancong datang ke Labuan.

**DATA KEMASUKAN PELAWAT DAN PELANCONG BAGI TAHUN 2023**

DEMOGRAPHY		DOMESTIK				ANTARABANGSA				JUMLAH
MOD PENGANGKUTAN		UDARA		LAUT		UDARA		LAUT		
PINTU MASUK KETIBAAN		LAPANGAN TERBANG	TERMINAL FERI KENDERAAN	TERMINAL FERI PENUMPANG (DARI SABAH DAN SARAWAK)	TERMINAL FERI PENUMPANG (BRUNEI)	LAPANGAN TERBANG	TERMINAL FERI KENDERAAN	TERMINAL FERI PENUMPANG (DARI SABAH DAN SARAWAK)	TERMINAL FERI PENUMPANG (BRUNEI)	
BULAN	JANUARY	17,777	41,403	22,205	1,033	373	481	90	1,610	84,972
	FEBRUARY	16,277	32,748	15,941	836	909	346	76	1,994	69,127
	MARCH	20,676	40,487	21,768	800	840	334	93	2,439	87,437
	APRIL	16,954	39,219	22,257	1,084	827	462	146	2,341	83,920
	MAY	18,621	39,786	22,108	963	1,109	389	47	1,731	84,754
	JUNE	17,889	38,611	19,651	905	1,163	464	17	1,649	80,349
	JULY	27,200	41,371	20,088	841	1,069	233	63	1,304	92,169
	AUGUST	17,894	36,774	19,240	887	1,207	417	60	2,376	78,855
	SEPTEMBER	18,958	40,274	19,542	756	1,693	469	56	1,514	83,262
	OCTOBER	19,002	36,362	16,441	721	1,133	307	81	1,298	75,345
NOVEMBER	17,870	39,809	19,271	826	1,224	412	99	1,717	81,228	
DECEMBER	19,039	45,341	24,225	1,119	1,244	468	172	3,986	95,594	
BILANGAN KETIBAAN		228,157	472,185	242,737	10,771	12,791	4,782	1,000	23,959	996,382
BILANGAN KETIBAAN (MENGIKUT MOD PENGANGKUTAN)		<b>228,157</b>	<b>725,693</b>			<b>12,791</b>	<b>29,741</b>			
BILANGAN KETIBAAN (MENGIKUT DEMOGRAFI)		<b>953,850</b>				<b>42,532</b>				
JUMLAH KESELURUHAN		<b>996,382</b>								



# PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN PENGURUSAN

# 1. Pembangunan Organisasi Dan Pengurusan

## I. Maklumat Perjawatan

Perbadanan Labuan (PL) mempunyai sebanyak 593 jawatan yang merangkumi jawatan tetap, kontrak dan MySTEP yang berkhidmat di organisasi ini. Rajah berikut menunjukkan kedudukan perjawatan mengikut pecahan bagi tahun 2023 seperti di Jadual 1:



Rajah 1: Maklumat Perjawatan Tahun 2023.

KUMPULAN	TETAP	DIISI	KOSONG	KONTRAK	MySTEP	PENCEN
Pengurusan Tertinggi	1	1	-	-	-	-
Pengurusan dan Profesional	48	48	-	6	2	-
Pelaksana	443	409	34	71	22	15
<b>Keseluruhan</b>	<b>492</b>	<b>458</b>	<b>34</b>	<b>77</b>	<b>24</b>	<b>15</b>

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Mengikut Pecahan bagi Tahun 2023.

## II. Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai

PL juga bertanggungjawab dalam urusan kenaikan pangkat pegawai PL mengikut kriteria yang telah ditetapkan melalui Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat PL. Pegawai yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 2, iaitu:

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/ GRED ASAL	GRE KENAIKAN PANGKAT	TARIKH
1.	Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail	Pegawai Tadbir Gred N54	Gred Utama C	1 Oktober 2023
2.	Dato' Dr. Haji Othman bin Che Jusoh	Pegawai Tadbir Gred N52	N54	6 Oktober 2023
3.	Puan Ernie binti Mohamad	Pegawai Tadbir Gred N48	N52	15 Julai 2023
4.	Encik Gilbert Chin Hsing Lin	Pegawai Tadbir Gred N48	N52	2 Ogos 2023
5.	Puan Mazanah binti Taib	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	F44 (TBK)	3 April 2023
6.	Puan Suzana binti Asli	Akauntan Gred WA41	WA44 (TBK)	5 Mei 2023

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/ GRED ASAL	GRE KENAIKAN PANGKAT	TARIKH
7.	Puan Julianah binti Jumat	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
8.	Puan Kalthom binti Abdul Karim	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
9.	Puan Shaberinah binti Ahad	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
10.	Puan Stella Juanin	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
11.	Puan Veronica Daylie Anak Vincent Tambang	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
12.	Puan Floreta Mojikon	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	1 Januari 2023
13.	Puan Comel bin Momin	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	13 Januari 2023
14.	Puan Anita Thomas Kimsin	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	14 Januari 2023
15.	Puan Azwin binti Omar	Setiausaha Pejabat N29/30	N32 (TBK 1)	2 Jun 2023
16.	Puan Rubiah binti Yusop	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N22	N26 (TBK 2)	9 Januari 2023
17.	Puan Mahani binti Mohd Daud	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N22	N26 (TBK 2)	23 Januari 2023
18.	Puan Noraila binti Lakim	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N19	N22 (TBK 1)	1 April 2023
19.	Puan Faridah binti Ahmad@ Tambak	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N19	N22 (TBK 1)	16 Ogos 2023

Jadual 2: Senarai Pegawai yang Terlibat dengan Kenaikan Pangkat.

### III. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pegawai PL

Seramai 42 orang pegawai PL dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang bagi penilaian Tahun 2023 seperti dalam jadual 3, iaitu:



Jadual 3: Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Penilaian Tahun 2023.

**SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)  
TAHUN NILAIAN 2023 BAGI PERBADANAN LABUAN (PL)**

BIL.	NAMA PEGAWAI	JABATAN
1.	Puan Asbella@Ella Hazwanie binti Mudin Pegawai Undang-Undang, Gred L44	Pejabat Penasihat Undang-Undang
2.	Encik Nor Aizan bin Mait Jurutera, Gred J44	Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan
3.	Encik Vickson E Tabak Arkitek Landskap, Gred J41	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
4.	Encik Azman bin Awang Tengah Penolong Pegawai Penilaian, Gred W36	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5.	Puan Stella binti Juanin Setiausaha Pejabat, Gred N32	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
6.	Encik Mohamad Fadzuan bin Junaib Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Gred U29	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
7.	Puan Norsuharni binti Hashim Penolong Jurutera, Gred JA29	Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan
8.	Encik Marjan bin Suin Pereka Tari, Gred B29	Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian
9.	Puan Rosni binti Aliskah Pembantu Tadbir (P/O), Gred N26	Unit Perpustakaan Awam
10.	Encik Anjam bin Acho Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
11.	Puan Suzienany binti Ithnin Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Penguatkuasaan
12.	Encik Mohd Redzal bin Abd Hassan Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi
13.	Encik Mohd Asmadi bin Sabtu Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
14.	Encik Farizal bin Sabli Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan
15.	Puan Siti binti Idris Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
16.	Puan Norlina binti Kasim Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22	Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan
17.	Encik Awang Adi bin Suhaini Pembantu Laut, Gred A22	Jabatan Khidmat Pengurusan
18.	Encik Mohd. Rizal bin Usin Juruteknik Komputer, Gred FT19	Jabatan Pengurusan Maklumat
19.	Encik Ali bin Bakir Pembantu Laut, Gred A19	Jabatan Khidmat Pengurusan
20.	Encik Azman Lawi bin Sudirman Pembantu Penguatkuasa, Gred KP19	Jabatan Penguatkuasaan
21.	Encik Rezwandy bin Rusaland Pembantu Penguatkuasa, Gred KP19	Jabatan Penguatkuasaan
22.	Encik Wan Azri Chua@Md Ghadaffi Artis Budaya, Gred B19	Jabatan Hal Ehwal Korporat
23.	Puan Farizah binti Musa Artis Budaya, Gred B19	Jabatan Kewangan
24.	Puan Siti Fatimah binti Musim Pembantu Setiausaha Pejabat, Gred N19	Pejabat Pengerusi
25.	Encik Ahmad Jais bin Halon Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Pelesenan

BIL.	NAMA PEGAWAI	JABATAN
26.	Encik Fan May Lin@Ajamain Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Khidmat Pengurusan
27.	Encik Yaakob bin Adol Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
28.	Encik Ahmad bin Musa Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
29.	Encik Basir bin Mumin Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
30.	Encik Karim bin Zainal Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
31.	Encik Abu Bakar bin Lani Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
32.	Encik Wang Mit bin Bakar Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
33.	Encik Jumahat bin Ag. Osman Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
34.	Encik Mohamad Said@Sarhini bin Attar Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
35.	Encik Haron bin Kamarol Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
36.	Encik Harun bin Kamar Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
37.	Encik Mohd Khairulnizam bin Jikiria Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
38.	Encik Yusran bin Asat Pembantu Awam, Gred H11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
39.	Encik Muliadi bin Samat Pembantu Operasi, N11	Jabatan Pelaburan dan Sosio Ekonomi
40.	Encik Shamsuddin bin Hamid Pembantu Operasi, Gred N11	Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)
41.	Encik Idris bin Hussin Pembantu Operasi, Gred N11	Jabatan Kewangan
42.	Encik Mohd Fadzilla bin Junaidi Pemandu Kenderaan, Gred H11	Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian

Jadual 4: Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Penilaian Tahun 2023.

#### IV. Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2023

Seramai tiga (3) orang pegawai PL telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPWP) pada Tahun 2023. Senarai nama pegawai PL yang menerima anugerah berkenaan adalah seperti dalam Jadual 5 dan Gambar 1:

BIL.	NAMA PEGAWAI	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT
1.	Encik Abd Aziz bin Hamzah	Bintang Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)
2.	Encik Helmi bin Bali	Bintang Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)
3.	Puan Mariani binti Abd Ghani	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)

Jadual 5: Penerima Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Pegawai Perbadanan Labuan Tahun 2023.



Gambar 1: Penerima Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Pegawai Perbadanan Labuan Tahun 2023.

## V. Pengurusan Persaraan

PL juga terlibat dalam memproses persaraan pegawai, iaitu pesara wajib, pilihan dan terbitan dan seramai 16 orang pegawai yang terlibat. Senarai pegawai yang bersara bagi tahun 2023 adalah seperti dalam Jadual 6, iaitu:

BIL.	NAMA PEGAWAI	TARIKH BERSARA
1.	Encik Abas bin Jinsin	12 Januari 2023
2.	Encik Tanin bin Bagul	3 Mac 2023
3.	Encik Mohamad Shahdan bin Kassim	7 Mac 2023
4.	Encik Sulong bin Lakat	4 Mei 2023
5.	Encik Juni bin Jumat	8 Mei 2023
6.	Encik Sherrif bin Omar	13 Jun 2023
7.	Encik Alias bin Mail@Ismail	20 Jun 2023
8.	Encik Jumat bin Lamit	10 Julai 2023
9.	Tuan Haji Arbaai@Ahmad Arbaai bin Wahab	6 Ogos 2023
10.	Encik Jaafar bin Daud	11 Ogos 2023
11.	Dato' Dr. Haji Othman bin Che Jusoh	7 Oktober 2023
12.	Encik Husin bin Jaman	27 Oktober 2023
13.	Puan Simai binti Jamil	28 Oktober 2023
14.	Encik Saidil bin Ahmad	12 November 2023
15.	Encik Madun bin Abd Wahab	21 November 2023
16.	Encik Razalan bin Awang Damit	1 Disember 2023

Jadual 6: Senarai Pegawai yang Bersara bagi Tahun 2023.

## 2. Pembangunan Modal Insan

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) PL memainkan peranan utama dalam menyelaraskan pelaksanaan pembangunan modal insan PL sama ada secara dalaman atau anjuran agensi luar. Pada tahun 2023, penetapan tiga (3) hari berkursus bagi setiap pegawai telah dicapai sebanyak 99% sekali gus memenuhi keperluan dalam pemarkahan penarafan bintang. Sebanyak 70 perancangan kursus, taklimat dan wacana ilmu yang dirancang telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Peserta kursus terdiri daripada pegawai-pegawai PL pelbagai jabatan dan gred.

### I. Prestasi Kehadiran Latihan

#### LAPORAN BERKURSUS TAHUN 2023

JAWATAN	BIL. PEGAWAI	JUMLAH PEGAWAI HADIR KURSUS				JUMLAH PEGAWAI YANG HADIR KURSUS
		0 HARI	1 HARI	2 HARI	3 HARI >	
Pengurusan Tinggi	4	0	0	0	4	4
P&P(Tetap)	43	0	0	2	41	43
P&P(Kontrak)	7	0	0	0	7	7
SOKONGAN I (TETAP)						
Sokongan 29-38	82	0	0	0	82	82
Sokongan 19-27	121	0	2	2	117	121
Sokongan(Kontrak) 29-38	2	0	0	0	2	2
Sokongan(Kontrak) 19-27	47	0	0	0	47	47
SOKONGAN II						
Sokongan II(Tetap)	188	0	6	1	181	188
Sokongan II(Kontrak)	26	0	0	1	25	26
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>520</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>6</b>	<b>506</b>	<b>520</b>
<b>Peratus %</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>1.5%</b>	<b>1.2%</b>	<b>97.3%</b>	<b>100%</b>
<b>Peratusan % Pegawai PL Yang Telah Mencapai 3 Hari Dan Ke Atas : 97.3%</b>						

## PERATURAN KEHADIRAN KURSUS PEGAWAI PERBADANAN LABUAN 2023



Carta 1: Prestasi Kehadiran Kursus Pegawai PL Tahun 2023.

## II. Pelan Pelaksanaan Latihan

PERKARA	PERANCANGAN KURSUS	STATUS PELAKSANAAN
		TELAH LAKSANA
Kursus Individu Anjuran Luar	Berdasarkan Permohonan daripada Individu Melalui Pengarah Jabatan	50
		100%
Kursus Anjuran PL	30	30
		100%
Kursus Kerohanian/ Wacana Ilmu	8	8
		100%

Jadual 7: Prestasi Pelaksanaan Latihan.

## 3. Retreat/kursus/bengkel/latihan

### I. Program Cabaran Kecergasan PL

Program Cabaran Kecergasan PL ini telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 2020. Program ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, kualiti penyampaian perkhidmatan serta mengeratkan tali silaturrahim sekali gus menyemat dalam diri pegawai akan pentingnya penjagaan kesihatan dalam kehidupan seharian. JPSM berkolaborasi bersama-sama Kelab Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan (KSKK) dan PL dengan jayanya telah melaksanakan beberapa program sepanjang tahun ini antaranya Hiking Santai KSKK Vol.2 dan Karnival Sukan PL 2023 dengan menggunakan peruntukan Unit Latihan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.





Gambar 3: Kejohanan Futsal Karnival Sukan pada 23 Julai 2023.



Gambar 4: Wacana Ilmu Mahabbah Rasul Satu Kewajiban bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul.



Gambar 5: Taklimat Elaun Kemudahan Elaun Bertukar Wilayah.



Gambar 6: Seminar Sumber Manusia: Kemudahan Cuti, Tatatertib dan Faedah Persaraan Bersama-Sama Jabatan Perkhidmatan Awam.

## II. Latihan Dan Aktiviti Penguatkuasaan

BIL.	TARIKH	PERKARA	TEMPAT
1.	10 Julai 2023 - 17 Julai 2023	Asas berkuda	Unit berkuda, Perbadanan Putrajaya.
2.	19 Ogos 2023 - 20 Ogos 2023.	Asas berkuda	Sadad Equestrian, Kg.Batu Manikar W.P Labuan
3.	10 Disember 2023 - 23 Disember 2023	Kursus Sangkutan	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jadual 10: Jadual Pelaksanaan Latihan Penguatkuasaan.



Gambar 7: Tujuh (7) orang peserta termasuk Pengarah Jabatan menyertai Kursus Cara dan Asas Menunggang yang dikawal selia oleh pegawai dan anggota Unit Berkuda, Perbadanan Putrajaya.



Gambar 8: Kursus Asas Berkuda Di Sadad Equestrian, Hotel Palm Beach, Kg. Batu Manikar, Wilayah Persekutuan Labuan.



Gambar 9: Program Bekerja Sambil Belajar di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

### III. Program *Retreat* Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Program ini telah diadakan pada 24 November hingga 27 November 2023 di Kundasang Guest House, Kundasang Sabah. Seramai 28 orang staf daripada pelbagai peringkat telah menghadiri program tersebut dengan pengisian program seperti yang berikut:

BIL.	PROGRAM
1.	Perbincangan Cadangan Pengezonan Semula Zon Kutipan Sampah, Menetapkan jadual kutipan mengikut kawasan dan Menetapkan waktu operasi kutipan
2.	Sesi Percambahan Minda Pemeriksaan Tugas Penyeliaan dan Pembahagian Zon Penyelenggaraan Pembersihan dan Tandas Awam
3.	Sesi Percambahan Minda Pemeriksaan Tugas Penyeliaan dan Pembahagian Zon Kawasan seliaan Penyelia Untuk Penyelenggaraan Lanskap
4.	Sesi Tayangan Video Penyelenggaraan Perkhidmatan, Kawasan Tapak Pelupusan Sampah dan Penyelenggaraan Lanskap
5.	Penetapan Takwim Penyediaan Dokumen Perolehan (Tender, Sebut harga, Perolehan Terus serta Cadangan Penambahbaikan Perkhidmatan dan Lanskap di WP Labuan
6.	Lawatan ke JIC Seng Nursery, Kundasang

Jadual 11: Jadual Pengisian Program *Retreat* Jabatan Perkhidmatan Perbandaran pada 24 – 27 November 2023.



Gambar 10: Para Pegawai dan staf JPP yang terlibat dalam Program *Retreat*.



Gambar 11: Para Peserta Sedang Membentangkan Kertas Cadangan.



Gambar 12: *Nursery* yang Menjadi Salah Satu Lokasi Lawatan *Retreat*.





Gambar 13: Beberapa Spesies Bunga Yang Menarik Dan Sesuai Menghiasi Lanskap di WP Labuan.

#### 4. Laporan Kajian Mengenai Kepuasan Bekerja Warga Perbadanan Labuan Tahun 2023


PL telah mengadakan satu kajian mengenai kepuasan bekerja warga PL. Jumlah responden yang terlibat ialah sebanyak 146 orang. Hasil kajian ini meliputi beberapa perkara seperti kerjasama antara pihak pengurusan dan pekerja, persekitaran bekerja secara keseluruhan, agihan tugas adil untuk memenuhi objektif organisasi, pegawai diberi penjelasan secara tepat dan terbuka, ruangan untuk mengemukakan idea-idea, semangat kerja berpasukan serta rasa sayang akan organisasi adalah tinggi dalam kalangan warga PL. Hasil pecahan kajian mengenai kepuasan bekerja warga PL adalah seperti dalam Carta 2, iaitu:

**Jantina :**  
268 Respon



**Kumpulan Jawatan dan Gred :**


267 Respon



- Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)
- Kumpulan Sokongan I (Gred 19-38)
- Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)


**Umur :**

267 Respon



- 18 - 29
- 30 - 39
- 40 dan ke atas

## JABATAN / UNIT



Carta 2: Laporan kajian mengenai kepuasan bekerja warga Perbadanan Labuan Tahun 2023.

## 5. Penerimaan Pekeliling Perkhidmatan Dan Surat Edaran Oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Dan Perbadanan Labuan

PL bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Awam Malaysia, pemanjangan surat edaran dan kertas pertimbangan PL adalah seperti yang berikut:

- i. Kertas Pertimbangan Pemberian Penghargaan Dalam Bentuk Tunai Secara One-Off Kepada Pegawai Dan Kakitangan PL Untuk Tahun 2022.
- ii. Kertas Pertimbangan Pemberian Kemudahan Bayaran Balik Pembelian Cermin Mata Bagi Kakitangan PL yang Berkelayakan.
- iii. Kertas Pertimbangan Mengenai Cadangan Penambahbaikan Penyediaan Kemudahan Perubatan Untuk Pegawai Dan Kakitangan PL.
- iv. Surat Edaran Pembayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam Kerajaan Tahun 2023
- v. Surat Edaran dan Ceraian PP.1.3.1, PP.1.3.3 dan PP.1.3.4 : Penambahan Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat Dan Penambahbaikan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat
- vi. Kertas Pertimbangan Mengenai Cadangan Pindaan Keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat Perbadanan Labuan dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perbadanan Labuan.

## 6. Pengukuhan Integriti

### I. Pengurusan Aduan Integriti

PL mengambil tindakan terhadap semua aduan atau maklumat mengenai salah laku jenayah dan pelanggaran tata kelakuan serta etika organisasi. PL turut mengesan dan mengesahkan aduan tersebut agar tindakan susulan yang sewajarnya diambil.



Rajah 2: Bilangan Aduan Integriti diterima oleh PL.

### II. Tindakan Tatatertib

Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pegawai-pegawai yang diletakkan di bawah bidang kuasanya selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].



Rajah 3: Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.

### III. Program Pengukuhan Integriti

Sepanjang tahun 2023, sebanyak lima (5) program integriti telah dilaksanakan oleh Unit Integriti PL dengan kerjasama JPSM PL, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia.

BIL.	NAMA PROGRAM	MEDIUM PERANTARAAN	TARIKH
1.	Taklimat Antirasuah Jawatankuasa Perolehan PL.	Bersemuka	7 Februari 2023
2.	Program Terapi Minda PL Siri 1.	Bersemuka	10 April 2023
3.	Taklimat Putuskan Rantaian Rasuah PL.	Bersemuka	20 Jun 2023
4.	Program Pemerksaan Antirasuah & Integriti Syarikat Perniagaan.	Bersemuka	24 Ogos 2023
5.	Program Terapi Minda PL Siri 2.	Bersemuka	4 September 2023

Jadual 12: Program Integriti yang Telah Dilaksanakan oleh PL bagi Tahun 2023.

Program Integriti ini diadakan adalah untuk membangunkan modal insan peserta dalam mengamalkan nilai-nilai murni, meningkatkan tahap integriti dan motivasi warga PL demi mencapai budaya kerja yang cemerlang serta memperkukuh sahsiah peribadi. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyampaikan mesej antirasuah dan integriti kepada syarikat-syarikat agar mereka dapat membantu dan memberikan sumbangan kepada masyarakat supaya lebih peka dan dapat menghindari budaya rasuah.

Antara koleksi gambar bagi program-program sepanjang tahun 2023:

Antara koleksi gambar bagi program-program sepanjang tahun 2023:



Gambar 14: Taklimat Antirasuah Jawatankuasa Perolehan PL pada 7 Februari 2023.



Gambar 15: Program Pemerkasaan Antirasuah dan Integriti Syarikat-syarikat Perniagaan Labuan pada 24 Ogos 2023.



Gambar 16: Program Terapi Minda PL pada 10 April 2023 dan 4 September 2023.

#### IV. Pematuhan Peraturan

PL telah melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan terhadap pematuhan peraturan selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa seperti yang termaktub dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] serta peraturan di bawah Perintah-Perintah Am. Antara aktiviti yang dijalankan seperti yang berikut:

- i. Menyediakan laporan analisis ketidakhadiran bertugas pegawai dan kakitangan PL setiap bulan dan laporan pemantauan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan PL.
- ii. Pemeriksaan Pembiayaan Komputer/Telefon Pintar dan Pembiayaan Kenderaan Kemudahan Pinjaman PL berdasarkan permohonan yang diterima.
- iii. Menyediakan prosedur tidak hadir bertugas, meminda atau mengemukakan sijil cuti sakit palsu dan pengurusan kes jenayah.

#### V. Tadbir Urus

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat PL diadakan tiga (3) kali setahun yang dipengerusikan oleh YBrs. Ketua Pegawai Eksekutif PL. Objektif mesyuarat dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan komitmen kerajaan merangkumi semua sektor dalam pembanteras rasuah sekali gus meningkatkan imej negara.
- ii. Menjana sinergi dalam memastikan sistem pentadbiran kerajaan dapat digerakkan dalam persekitaran sifar toleransi terhadap rasuah.
- iii. Memperkukuh kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan berdaya saing.



Jadual 13: Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) PL.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi PL (OACP) diadakan dua (2) kali setahun. Objektif mesyuarat ini untuk memantau prestasi pelaksanaan pelan-pelan tindakan, menyediakan laporan ringkas suku tahun dan laporan penuh pencapaian OACP untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JAR Peringkat PL. Dengan berpaksikan visi memperkasakan warga PL yang berintegriti dan bebas rasuah, pelan ini mengandungi empat (4) misi utama PL yang menyasarkan semua bidang keutamaan iaitu perbandaran, pembangunan, pengurusan dan perolehan. Sebanyak 39 pelan tindakan dirangka meliputi jangka masa yang pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan negara bebas rasuah selaras dengan matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan ini menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif OACP PL dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Pelan ini sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut perubahan semasa.

## 7. Pengurusan Kualiti Dan Inovasi

Aktiviti-aktiviti pengauditan dalaman yang telah dilaksanakan adalah seperti Pengauditan Pengurusan Aset Tak Alih PL, Pengauditan Pengurusan Pasar Sentral PL, Pengauditan Pengurusan Kewangan-Pengurusan Perbelanjaan dan Pengauditan Pengurusan Bayaran Lebih Masa serta Laporan Pengauditan Pengurusan Labuan International Golf Club.

Selain itu, Pasukan Audit Kualiti telah menjalankan auditan MS ISO 9001:2015 pada 9 Oktober 2023 hingga 20 Oktober 2023. Pasukan Audit Kualiti terdiri daripada 20 orang Juruaudit terlatih yang dibahagikan kepada lima (5) kumpulan.



Gambar 17: Penceramah, Ketua Juruaudit dan Juruaudit MS ISO yang menghadiri *Retreat* Pemantapan Juruaudit yang diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu.

PL telah melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan kualiti organisasi dengan mengadakan program-program seperti yang berikut:


### I. Kursus Perkhidmatan Kaunter

Kursus Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan telah diadakan pada 11-13 Ogos 2023 di Kota Kinabalu, Sabah melibatkan 15 petugas kaunter dengan memfokuskan pengurusan pelanggan yang efisien, penampilan dan imej petugas barisan hadapan serta kaedah perkhidmatan kaunter cekap.



Gambar 18: Kursus Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan bersama pegawai INTAN yang diketuai oleh TKPE (Pengurusan), Encik Othman bin Che Jusoh bersama 15 orang petugas kaunter PL.

Kajian Kepuasan Pelanggan Kaunter Setempat PL telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 menggunakan Sistem QueueBee di dua (2) lokasi, iaitu Kaunter Setempat Blok B, Wisma PL dan Kaunter UTC Labuan. Hasil kajian kepuasan pelanggan kaunter PL adalah seperti jadual yang berikut:



Carta 3: Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Kaunter PL Tahun 2023.

## II. *Retreat* Pemantapan Juruaudit Kualiti

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran kepada 17 juruaudit yang telah dilantik dari setiap jabatan. Kumpulan Juruaudit ini berperanan dalam membantu PL untuk mengenal pasti dan menambah baik sistem penyampaian sedia ada. *Retreat* ini telah diadakan pada 14-16 Jun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah.



Gambar 19: *Retreat* Pemantapan Juruaudit Kualiti PL bersama Juruperunding daripada Syarikat Emjay Training & Consultancy.

## III. Pertandingan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pertandingan ini pula bertujuan untuk membudayakan persekitaran dan ruang pejabat yang kondusif agar warga PL dapat bekerja dengan selesa dan teratur. Penilaian pertandingan melibatkan semua jabatan di dua (2) blok bangunan utama, iaitu Wisma PL dan Menara PL pada 13 Disember 2023. Pertandingan ini memberikan fokus kepada budaya dan amalan di jabatan dalam rutin kerja sebagai salah satu penanda aras penilaian. Jabatan Kewangan sekali lagi telah dinobatkan sebagai pemenang dan berjaya mengekalkan gelaran EKSA Terbaik sebelum ini serta menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00.



Gambar 20: Sesi Bergambar Jabatan Kewangan PL bersama Pegawai Penilai EKSA daripada Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



Gambar 21: Jabatan Kewangan dinobatkan sebagai Pemenang EKSA Terbaik bagi Tahun 2023.



Gambar 22: Salah Satu Penilaian EKSA di Bilik Fail Jabatan Kewangan.

#### IV. Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)

Audit Pemantauan daripada SIRIM Malaysia ke atas Sistem Pengurusan Kualiti PL telah diadakan pada 4-5 Disember 2023. Fokus auditan menitikberatkan berkaitan pencapaian objektif kualiti, pengurusan risiko, aduan awam dan penilaian terhadap kepuasan pelanggan PL. Secara keseluruhan, PL konsisten mengamalkan standard pengurusan kualiti SIRIM bagi tahun 2023.



Gambar 23: Sesi Penilaian Audit SIRIM bersama Pegawai PL.

### 8. Pengurusan Rekod

#### I. *Retreat* Klasifikasi Fail

Pada tahun ini, PL telah memulakan langkah ke arah penggunaan aplikasi Digital Document Management System (DDMS) dalam sistem pengurusan rekod organisasi. Melalui sistem ini, pengurusan rekod akan dilaksanakan secara elektronik (penggunaan aplikasi ICT) terutama dalam aspek meningkatkan akses dokumen dan mengurangkan penggunaan kertas. Antara syarat awal yang perlu dipatuhi dengan membangunkan satu daftar fail yang dikenali sebagai Klasifikasi Fail PL. Oleh itu, satu retreat telah diadakan pada 13-15 Oktober 2023, di Kota Kinabalu, Sabah bagi menyediakan draf ini sebelum dikemukakan kepada Arkib Negara Malaysia bagi tujuan semakan.



Gambar 24: Kursus Pembangunan Klasifikasi Fail bersama Pegawai daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia.



Gambar 25: *Retreat* Klasifikasi Fail di Kota Kinabalu, Sabah.

## II. Pelupusan Rekod

PL Labuan telah menganjurkan dua siri Pasukan Petugas Pelupusan Rekod, iaitu pada 10-14 Julai 2023 dan 3-5 Oktober 2023 yang melibatkan 12 jabatan. Antara faedah program ini untuk menjimatkan ruang dan kos penyimpanan rekod, memudahkan pengesanan dan pencapaian rekod yang efisien serta pemindahan rekod bernilai ke Arkib Negara Malaysia sebagai khazanah warisan negara. Hasil daripada pelupusan aset ini sebanyak 2,428 fail telah dikenal pasti dan disenaraikan untuk dilupuskan.



Gambar 26: Aktiviti Pengasingan Fail di Menara PL.



Gambar 27: Aktiviti Pengasingan Fail di Stor Sepusat PL.



Gambar 28: Aktiviti Mengemaskini Senarai Fail yang Hendak Dilupuskan dalam Borang Pelupusan.



Gambar 29: Pasukan Petugas Pelupusan Rekod PL bersama Jabatan Arkib Negara Malaysia, Cawangan Sabah.

### III. Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP)

Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) ini merupakan program khas yang memberikan pengiktirafan ke atas tadbir urus terbaik di semua peringkat agensi kerajaan. Objektif pelaksanaan AKKP untuk menilai sejauh mana komitmen Ketua Pegawai Eksekutif PL selaku Ketua Keselamatan terhadap aspek keselamatan fizikal (bangunan), aspek keselamatan dokumen (rekod) dan aspek keselamatan peribadi yang dilaksanakan oleh PL.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mewujudkan persaingan antara agensi kerajaan agar sentiasa konsisten dalam mengamalkan, melaksana dan menguatkuasakan keselamatan perlindungan pada tahap yang terbaik sehingga dapat diberikan pengiktirafan di peringkat tertinggi. Hasil auditan pada 17 Oktober 2023, PL secara umumnya telah memenuhi beberapa standard keselamatan yang ditetapkan namun perlu melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa.



Gambar 30: Sesi Pembukaan Audit bersama Pegawai Inspektorat daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

## 9. Pengurusan Maklumat

### I. Pembangunan Sistem Amaran Awal Bencana Wilayah Persekutuan Labuan

Sistem Amaran Awal Bencana Wilayah Persekutuan Labuan yang dibangunkan dan dicadangkan oleh Perbadanan Labuan ini merangkumi 16 lokasi pemasangan pole. Pembangunan ini turut melibatkan pembangunan aplikasi maklumat dan amaran melalui secara laman web serta telefon pintar.

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kawasan tumpuan dan lokasi yang sering dikunjungi orang awam. Pembangunan ini adalah untuk memberi kemudahan orang awam untuk mendapat amaran awal jika berlaku sebarang bencana. Kemudahan ini juga boleh digunakan sebagai alat bantu hebahan kepada orang awam yang turut dipantau bersama agensi Penguatkuasaan Kerajaan.



**Lokasi Pusat Kawalan:**

- 1 Perbadanan Labuan.
- 2 Bilik Gerakan Polis DiRaja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan.
- 3 Pejabat Operasi Angkatan Pertahanan Awam Labuan.

**Lokasi Smart Siren Pole**

- 1 Kg. Batu Manikar.
- 2 Kg. Pohon Batu.
- 3 Kg. Sg. Miri.
- 4 Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.


**Lokasi Pemasangan Skrin Paparan**

- 1 Terminal Feri Antarabangsa Labuan.
- 2 Medan Selera Labuan.

**Lokasi Smart Pole**

- 1 Kg. Layang-layangan.
- 2 Kg. Patau-patau.
- 3 Terminal Feri Antarabangsa Labuan.
- 4 Pasar Sentral Labuan.
- 5 Taman Botanical.
- 6 Dataran Labuan.
- 7 Kg. Tanjung Aru.
- 8 Kg. Sg. Labu.
- 9 Kg. Bebuloh.
- 10 Kg. Sg. Lada.
- 11 Hab Halal Labuan.
- 12 Kg. Ranca-rancha.

Pembangunan ini turut bersama-sama dengan pembangunan aplikasi secara laman web bagi memudahkan pemantauan dan pengawalan dilaksanakan.



Rajah 4: Paparan muka depan Sistem Amaran Awal Bencana WP Labuan.



Gambar 31: Smart / Siren Pole

## II. Penyelarasan Program-program Utama PL

PL telah menyediakan kemudahan dan perkakasan ICT bagi program-program yang telah dijalankan oleh Perbadanan Labuan (PL). Kemudahan seperti skrin paparan, penyediaan talian Internet dan perkakasan ICT bagi tujuan mesyuarat, pembentangan serta acara-acara pentas.

Program-program utama yang melibatkan PL ialah, Hari Bertemu Pelanggan Agensi Kerajaan, Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Borneo Art Festivals, Majlis Rahmah Mesra Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tidak terkecuali lawatan-lawatan kerja rasmi daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

### III. Penyelenggaraan Perkakasan, Kemudahan Pengkomputeran, Sistem sistem dan Data-data PL

Aspek penyelenggaraan secara berkala untuk kemudahan komputer pejabat sebanyak 150 unit termasuk komputer riba. Selain itu, PL berperanan untuk membuat penyelenggaraan, pemeriksaan dan pembersihan 180 unit pencetak bagi menjamin ketersediaan perkakasan untuk digunakan oleh pegawai-pegawai PL.

Pemantauan perkakasan yang dipantau, iaitu suis rangkaian, penyambung kuasa dan termasuk sambungan rangkaian tanpa wayar di antara Wisma, Menara serta Pasar Sentral Labuan.

Pemasangan rangkaian tanpa wayar ini melibatkan jaringan rangkaian di antara Wisma PL, Menara PL dan UTC Labuan. Keperluan ini adalah bagi meningkatkan kualiti rangkaian Internet PL tanpa gangguan talian. Kaedah yang digunakan bagi sambungan rangkaian adalah lebih baik daripada sambungan yang sedia ada. Penambahbaikan ini juga mampu untuk meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan kepada pelanggan PL.

PL juga melaksanakan tugas-tugas kemas kini dan semakan serta pengujian data-data PL. Pemeriksaan data PL termasuk semakan data pendua yang dihantar ke Pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Center) yang ditempatkan di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu dilaksanakan secara harian. Manakala, penyelenggaraan, pemeriksaan dan pengujian perkakasan di lokasi tersebut bersama-sama pihak penyedia dilaksanakan dua kali setahun.

### IV. Program Sabah Garage Digital Wilayah Persekutuan Labuan

PL telah menyelaraskan program Sabah Garage Digital peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang dianjurkan oleh MAMPU Sabah. Program yang dijalankan ini menumpukan kepada dua aplikasi yang disediakan oleh pihak MAMPU, iaitu sistem pengurusan mesyuarat dalam talian, Sistem MyMesyuarat dan sistem pengurusan kehadiran secara elektronik, iaitu Sistem SpotMe turut dibentangkan semasa program ini dijalankan.

Program ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari agensi kerajaan seluruh Wilayah Persekutuan Labuan.



Gambar 32: Sesi taklimat Sistem MyMesyuarat oleh pihak MAMPU.



Gambar 33: Sesi taklimat Sistem SpotMe oleh pihak MAMPU.

## 10. Mesyuarat-mesyuarat

### I. Jawatankuasa Audit Perbadanan Labuan

Jawatankuasa Audit Perbadanan Labuan dianggotai oleh:

Pengerusi : YBhg. Dato' Sri Liew Shan Wen  
Ahli : Encik Azlan bin Abdul Rashid  
Encik Mohd Talal bin Haji Abu Bakar

Mesyuarat Jawatankuasa Audit ini telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2023 yang bertujuan untuk membincangkan penemuan-penemuan audit agar dapat memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti warga Perbadanan Labuan agar sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Pemerhatian yang dibangkitkan hendaklah diambil secara proaktif dan efisien agar kelemahan dan ketidakpatuhan tidak berulang.



Gambar 34: YBhg. Dato Sri Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Audit serta Wakil Pengurusan PL yang menghadiri mesyuarat JKA Bilangan 4 Tahun 2023 yang diadakan di Menara Perbadanan Labuan.

### II. Mesyuarat Perbadanan Labuan

Sub perenggan 6(1), Jadual Pertama Akta 609 menetapkan bahawa Anggota Perbadanan Labuan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali dalam setahun bagi memastikan segala fungsi dan kuasa yang diletak hak ke atas Perbadanan Labuan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Pelaksanaan apa-apa keputusan dan dasar yang dibuat melalui mesyuarat tersebut adalah dipertanggungjawabkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang mempunyai kuasa pengawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat lain Perbadanan Labuan. Sebanyak enam (6) sesi Mesyuarat Perbadanan Labuan telah sempurna diadakan sepanjang tahun 2023 seperti yang berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-193 [Bil. 1 Tahun 2023]	14 Julai 2023
2.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-194 [Bil. 2 Tahun 2023]	18 Ogos 2023
3.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-195 [Bil. 3 Tahun 2023]	11 September 2023
4.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-196 [Bil. 4 Tahun 2023]	9 Oktober 2023
5.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-197 [Bil. 5 Tahun 2023]	1 November 2023
6.	Mesyuarat Perbadanan Labuan ke-198 [Bil. 6 Tahun 2023]	20 November 2023

### III. Mesyuarat Pengurusan PL

Mesyuarat Pengurusan PL berperanan untuk membincangkan isu-isu berkaitan penetapan polisi pentadbiran dan pengurusan pejabat PL. Mesyuarat Pengurusan PL telah diadakan sebanyak 11 kali seperti dalam jadual yang berikut:

PERKARA	TARIKH
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 1 Tahun 2023	14 Julai 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 2 Tahun 2023	21 Februari 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 3 Tahun 2023	21 Mac 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 4 Tahun 2023	19 April 2023

PERKARA	TARIKH
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 5 Tahun 2023	29 Mei 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 6 Tahun 2023	26 Jun 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 7 Tahun 2023	20 Julai 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 8 Tahun 2023	22 Ogos 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 9 Tahun 2023	20 September 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 10 Tahun 2023	31 Oktober 2023
Mesyuarat Pengurusan PL Bilangan 11 Tahun 2023	19 Disember 2023

Jadual 14: Mesyuarat Pengurusan PL Tahun 2023.

#### IV. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JPICT) PL

Sepanjang tahun 2023, Mesyuarat JPICT telah bersidang sebanyak empat kali, iaitu pada 6 Februari 2023, 6 Jun 2023, 24 Julai 2023 dan 23 November 2023. Objektif mesyuarat ini dijalankan adalah untuk membincangkan pembangunan sistem baharu, penyelenggaraan, penambahbaikan perkakasan dan pelaporan penggunaan sistem yang berkaitan dengan pengkomputeran.

Mesyuarat ini dilaksanakan bagi memastikan keseluruhan keperluan fizikal, perisian atau aplikasi yang berkaitan dengan pengkomputeran PL perlu selaras dengan keperluan semasa dan memberi implikasi yang terbaik.

Mesyuarat JPICT PL dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL dan ahli-ahli terdiri daripada Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Unit serta pegawai-pegawai Jabatan Pengurusan Maklumat, PL selaku urus setia mesyuarat.

#### V. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web PL

Mesyuarat ini telah diadakan pada 8 Ogos 2023 yang bertujuan untuk pelaporan berkaitan dengan kerja-kerja teknikal yang dilaksanakan di Laman Web PL. Pelaporan berkaitan dengan insiden atau ancaman ke atas laman web turut akan dilaporkan di samping pelaporan berkaitan dengan ketersediaan laman web untuk diakses dari pelbagai medium, iaitu responsif kepada semua peranti pengkomputeran seperti komputer pejabat, telefon pintar dan lain-lain.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Maklumat PL dan ahli-ahli terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Pengurusan Maklumat, PL.

#### VI. Mesyuarat Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan pada Tahun 2023

Perlantikan Ahli Majlis Penasihat (AMP) Perbadanan Labuan adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 6, Akta Perbadanan Labuan, (Akta 609), tahun 2001. Keahlian AMP adalah terdiri pemimpin-pemimpin masyarakat setempat dan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali dalam setahun. Memandangkan pada tahun 2023, perlantikan keenam-enam ahli-ahli AMP bagi tempoh dua (2) tahun hanya berkuatkuasa bermula 19 Jun 2023, kekerapan jumlah mesyuarat tidak dapat memenuhi KPI yang telah ditetapkan.

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Bil. 1/2023	2 Ogos 2023	Bilik Cemerlang, Wisma PL
2.	Mesyuarat Bil. 2/2023	29 September 2023	
3.	Mesyuarat Bil. 3/2023	31 Oktober 2023	
4.	Mesyuarat Bil. 4/2023	26 Disember 2023	

Jadual 15: Pelaksanaan Mesyuarat Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Tahun 2023.

## VII. Mesyuarat Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan pada Tahun 2023

BIL.	PERKARA	OBJEKTIF	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan	Membincangkan kelulusan permohonan Lesen Premis Perniagaan yang berisiko dan hal berkaitan pelesenan.	18 Januari 2023 (Bilangan 1)
			2 Mac 2023 (Bilangan 2)
			4 April 2023 (Bilangan 3)
			15 Mei 2023 (Bilangan 4)
			16 Ogos 2023 (Bilangan 5)
			10 Oktober 2023 (Bilangan 6)
			3 November 2023 (Bilangan 7)
			29 November 2023 (Bilangan 8)
2.	Mesyuarat Lembaga Pelesenan Wilayah Persekutuan Labuan	Membincangkan kelulusan permohonan dan hal berkaitan Lesen Penjualan Minuman yang Memabukkan	10 Januari 2023 (Bilangan 1)
			11 April 2023 (Bilangan 2)
			27 September 2023 (Bilangan 3)
			5 Disember 2023 (Bilangan 4)

Jadual 16: Pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan Pelesenan bagi Tahun 2023.

## 11. Keanggotaan Perbadanan Labuan

Subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609] menetapkan keanggotaan Perbadanan Labuan adalah seramai enam (6) orang anggota yang dilantik oleh Menteri. Komposisi Keanggotaan Perbadanan Labuan terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan empat (4) orang Anggota lain yang masing-masingnya dilantik untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan layak dilantik semula untuk tempoh yang berikutnya tertakluk kepada ketetapan menteri.

BIL.	PERKARA	JAWATAN	TARIKH MULA DAN TAMAT LANTIKAN	CATATAN
1.	YB Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman (Ahli Dewan Negara)	Pengerusi	19/6/2023 sehingga 18/6/2025	Lantikan Baharu
2.	Encik Simsudin bin Sidek (Ahli politik)	Timbalan Pengerusi	19/6/2023 sehingga 18/6/2025	Lantikan Baharu
3.	YBhg. Dato'Indera Noridah binti Abdul Rahim (Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan)	Ahli	28/9/2023 sehingga 25/9/2025	Lantikan Baharu
4.	YBhg. Dato'Sri Liew Shan Wen (Ahli perniagaan)	Ahli	19/6/2023 sehingga 18/6/2025	Lantikan Baharu
5.	Encik Azlan bin Abdul Rashid (Pengarah Bahagian Pembangunan Ekuiti, Kementerian Ekonomi)	Ahli	13/6/2022 sehingga 12/6/2024	Lantikan masih berkuat kuasa
6.	Encik Mohd. Talal bin Hj. Abu Bakar (Ketua Seksyen Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Seksyen Sektor Perkhidmatan, Kementerian Kewangan)	Ahli	16/10/2023 sehingga 15/10/2025	Lantikan Baharu

Jadual 17: Senarai Keanggotaan Perbadanan Labuan.

## I. Tugas Dan Tanggungjawab Anggota Perbadanan Labuan

Anggota Perbadanan Labuan merupakan badan tertinggi pembuat keputusan dan dasar berkaitan fungsi dan kuasa yang dijalankan oleh Perbadanan Labuan selaras dengan Akta 609. Selain itu, tertakluk kepada had fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 609, pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh menteri dari semasa ke semasa.




# **PENGUATKUASAAN DAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG**

# 1. Pengurusan Aduan Awam


Pada Januari hingga November 2023, Perbadanan Labuan (PL) telah menerima sebanyak 1,553 jumlah aduan. Hingga kini, penyelesaian aduan dalam tempoh 15 hari ialah 86.1% (1,429 aduan). Jumlah ini telah mencapai sasaran Key Performance Indicators (KPI) yang ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), iaitu sebanyak 85% berbanding tahun lepas yang hanya mencatat sebanyak 79.3%.

Di peringkat PL, aduan awam akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Aduan Awam (JKPA) PL. Di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) pula, Laporan Aduan PL dibentangkan dalam Mesyuarat Panel 3P (Penyampaian, Penilaian dan Perkhidmatan) bersama-sama agensi di bawah JWP yang turut dihadiri oleh pegawai daripada BPA dan Jabatan Perdana Menteri.


Secara keseluruhan, jumlah perbandingan aduan berdasarkan kategori, statistik saluran penerimaan aduan dan statistik tempoh penyelesaian aduan adalah seperti dalam Graf 1, Graf 2 dan Rajah 1.



Graf 1: Statistik perbandingan aduan awam berdasarkan kategori pada tahun 2021 hingga November 2023.



Graf 2: Statistik saluran penerimaan aduan awam tahun 2023.




Rajah 1: Statistik tempoh penyelesaian aduan awam hingga November 2023.

## 2. Kawalan Penguatkuasa

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Penguatkuasaan Perbadanan Labuan telah menjalankan pelbagai operasi dan aktiviti yang berkaitan dengan skop tugas yang ditetapkan.

### I. Operasi Dan Tindakan Yang Diambil Mengikut Unit-Unit Dalam Jabatan Penguatkuasaan

Jumlah Operasi Jabatan Penguatkuasaan adalah seperti yang berikut:



Carta 1: Jumlah Operasi Mengikut Unit Jabatan Penguatkuasa yang Telah Dilaksanakan dan Mencapai Sukatan Kerja Tahunan yang Ditetapkan bagi Tahun 2023.

## II. Operasi Penguatkuasaan Tahun 2023

BIL.	OPERASI
1.	Operasi bersepadu sambungan haram Kg Gersik bersama Sabah Electricity Sdn Bhd.
2.	Operasi perobohan setingan Bersama-sama Pengarah Tanah dan Galian, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, BOMBA, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Imigresin Malaysia.
3.	Operasi setingan tanah Majlis Ugama Islam Sabah.
4.	Operasi kenderaan buruk bersama-sama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia.
5.	Operasi Pusat Hiburan Bersama Jabatan Alam Sekitar.
6.	Operasi bersepadu Bersama-sama Agensi Penguatkuasaan Jawi Pencegahan Jenayah Syariah.


Jadual 1: Senarai Operasi Bersama Agensi-agensi Luar.



Gambar 1: Operasi Bersama-sama Pelbagai Agensi Penguatkuasaan.

3. STATISTIK TINDAKAN PENGELUARAN KOMPAUN PENGUATKUASAAN

STATISTIK KOMPAUN PENGUATKUASAAN




Carta 3: Statistik Tawaran Kompaun dikeluarkan dan Jumlah Bayaran Kompaun bagi Tahun 2021 Sehingga 2023.

BIL.	PERKARA	KESALAHAN	UNIT TERLIBAT	KEPING
1.	Undang Undang Kecil Mencegah Kekotoran 1992.	Apa-apa halangan kebersihan di siarkaki awam.	Unit Bandar, Luar Bandar, Pasar	116
2.	Ordinan Pelesenan Perdagangan 1964, [Sabah Bab.144]	Pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelesenan Perbadanan Labuan.	Unit Lesen	444
3.	Akta Pengangkutan Jalan 1995, [Akta 333]	Kesalahan berkaitan parkir awam.	Unit Letak Kereta	18,277

Jadual 2: Jumlah Tawaran Kompaun Penguatkuasaan Dilaksanakan.

**CARTA PERATUSAN TINDAKAN KOMPAUN MENGIKUT UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI PADA TAHUN 2023**



Carta 4 : Peratusan Tindakan Kompaun Mengikut Undang-undang yang diguna pakai Bagi Tahun 2023.

I. Kempen Penguatkuasaan pada Tahun 2023.

## STATISTIK PEMBAYARAN KOMPAUN PADA KEMPEN PENGURANGAN SEMPENA HARI WILAYAH TAHUN 2021 SEHINGGA 2023



Carta 5: Statistik Pembayaran Kompaun dari Tahun 2021 hingga 2023.



Gambar 2: Suasana Kempen Penjualan Kupon Dan Pengurangan Bayaran Kompaun Bersempena Dengan Hari Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2023 Di Kawasan Pejabat Unit Letak Kereta Jabatan Penguatkuasa (Terminal Teksi UTC).

## 4. Kawalan Pelesenan


Kawalan pelesenan bertujuan untuk mengurus, memproses dan mengeluarkan lesen berdasarkan akta dan undang-undang yang diguna pakai.

### I. Permohonan Lesen (Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar dan Iklan)

BIL.	KATEGORI LESEN	JENIS LESEN	UNIT TERLIBAT		
			BAHARU	PEMBAHARUAN	PERTUKARAN MAKLUMAT
1.	Berisiko	Lesen premis perniagaan	20	10	1
		Lesen hiburan	0	60	0
		Lesen Hotel	0	54	0
		Lesen pemberi pinjam wang	0	5	0
		Lesen penyimpanan minyak	0	7	0
		Lesen penjualan minuman yang memabukkan	31	11	0
2.	Berisiko Sederhana	Lesen premis perniagaan	944	3	75
		Lesen Premis Makanan	175	3	18
		Lesen penjaja	923	1,521	111
		Lesen pasar	32	625	66
		Lesen iklan	23	48	51
<b>Jumlah</b>			<b>2,148</b>	<b>2,347</b>	<b>322</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>4,817</b>		

Jadual 3: Jumlah Permohonan Lesen Aktiviti Premis Perniagaan dan Iklan bagi Tahun 2023.

### CARTA BILANGAN PERMOHONAN LESEN



Carta 5: Bilangan Permohonan Lesen bagi Tahun 2023.

## II. Permohonan Permit Siar Kaki dan Buskers (Perbandingan Tahun 2023 dengan Tahun 2022)

BIL.	JENIS PERMIT	KATEGORI	BILANGAN PERMOHONAN	
			BAHARU	PEMBAHARUAN
1.	Siar kaki	Meja (premis makanan)	7	44
		Kaki Lima (Jualan promosi)	34	8
		Pengubahsuaian bangunan	9	-
2.	Buskers	Pemuzik	11	23
		Kostum maskot	1	1
<b>Jumlah</b>			<b>62</b>	<b>76</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>138</b>	

Jadual 4: Bilangan permohonan permit penggunaan siar kaki dan buskers bagi tahun 2023.

BIL.	JENIS PERMIT	KATEGORI	BILANGAN PERMOHONAN	
			BAHARU	PEMBAHARUAN
1.	Siar kaki	Meja (premis makanan)	3	22
		Kaki Lima (Jualan promosi)	1	29
		Pengubahsuaian bangunan	1	10
2.	Buskers	Pemuzik	17	11
		Kostum maskot	6	4
<b>Jumlah</b>			<b>28</b>	<b>76</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>104</b>	

Jadual 5: Bilangan permohonan permit penggunaan siar kaki dan buskers bagi tahun 2022.



Gambar 3: Aktiviti buskers.

### III. Inisiatif dan Bantuan

Mesyuarat PL Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 18 Ogos 2023 telah bersetuju untuk memberikan pengurangan 50% sewaan meja pasar awam bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

BIL.	JENIS MEJA PASAR AWAM	JUMLAH MEJA	KADAR SEWA BULANAN (TERMASUK RM5.00 FI PENYELENGGARAAN)	
			SEDIA ADA	SELEPAS PENGURANGAN
1.	Sayur / buah / kuih / barang-barang lain	223	RM35.00	RM20.00
2.	Ikan	90		
3.	Ayam	14		
4.	Daging	3		

Jadual 6: Jumlah meja di Pasar Sentral UTC Labuan pada Tahun 2023.

### IV. Bazar Ramadan

BIL.	LOKASI	JUMLAH PENJAJA
1.	Labuan Walk	208
2.	Anjung selera Durian Tunjong	24
3.	Tempat letak kereta, Anjung Budaya PL	35
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>267</b>

Jadual 7: Jumlah Penjaja Bazar Ramadan PL pada Tahun 2023.



Gambar 4: Bazar Ramadhan Labuan Walk di Sekitar Kawasan Bekas Hotel Labuan.

### V. Program Aktiviti Penjaja bersempena dengan Hari Keramaian

Sebanyak 19 program aktiviti penjaja bersempena dengan Hari Keramaian telah diadakan sepanjang tahun 2023.

BIL.	PENGANJUR	HARI KEREMAIAN	TARIKH	LOKASI
1.	Persatuan Peniaga Kecil 1 Malaysia WP Labuan	Karnival Usahawan Persatuan Peniaga Kecil 1 Malaysia WP Labuan	20 - 24 Januari 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan (KSLA)
		Karnival Usahawan Peniaga Kecil 1 Malaysia Siri 2	29 November - 3 Disember 2023	Kawasan tempat letak kereta Medan Selera Labuan
		Program Karnival Usahawan Peniaga Kecil 1 Malaysia Siri Final	26 - 29 Oktober 2023	Kawasan Kompleks KSLA
2.	Persatuan Pantaran Biskita WP Labuan	Pertandingan Gasing Sebernoe	27 - 29 Januari 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA
3.	Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Sabah dan WP Labuan	Program Usahawan 2023	3 - 5 Februari 2023	Kawasan tempat letak kereta Medan Selera Labuan
			2 - 4 Jun 2023	
			6 - 8 Oktober 2023	
4.	Labuan Society	Program Pertandingan Tarian Singa dan Modern Dance	9 - 12 Februari 2023	Kawasan tempat letak kereta Medan Selera Labuan
5.	Perbadanan Labuan	Program Jualan bersempena dengan SHWP 2023	17 - 19 Februari 2023	Kawasan Pantai Taman Damai Layang-Layangan
			24 - 26 Februari 2023	
6.		Labuan International Sea Challenge 2023	9 - 14 Mei 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA
7.	Amanda Entertainment	Pearl Island Battle of The Band	9 - 12 Mac 2023	Kawasan KSLA
8.	Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Harmoni	Program Karnival Perpaduan	25 - 28 Mei 2023	Kawasan tempat letak kereta Medan Selera Labuan
9.	Jabatan Belia dan Sukan	Program Jelajah Fit Malaysia	19 dan 20 Ogos 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA
10.	Persatuan Boling Padang WP Labuan	Kejohanan "Lawn Bowls" Labuan Merdeka Open Fours 2023	31 Ogos - 3 September 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA
11.	Persatuan Boling Padang Labuan	Labuan Ambang Open Fours 2024	28 Disember 2023 - 1 Januari 2024	Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Labuan
12.	Persatuan Seni dan Kebudayaan Labuan (PERSKALA)	Program Victoria Music Festival 2023	8 - 10 September 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan
				ii. Kawasan KSLA

BIL.	PENGANJUR	HARI KERAMAIAAN	TARIKH	LOKASI
13.	MOTAC	Orang Kuat dan Ninja Warrior Labuan 2023	15 - 17 September 2023	Kawasan KSLA
14.	Persatuan Ragbi Labuan	Karnival Rugby Labuan Ke-21 dan Aktiviti Ragbi	29 September - 3 Oktober 2023	Kawasan Dataran Labuan
15.	Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Pasar Sentral	Karnival Meriahnya Labuan 2023	11 - 15 Oktober 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA
16.		Hari Karnival Penjaja Pasar Sentral	16 - 19 November 2023	Kawasan tempat letak teksi dan Pasar Sentral Labuan
17.	Pertubuhan Permotoran Dua Roda Labuan	Labuan International Bike Week 2023	3 - 5 November 2023	Tempat letak kereta Medan Selera Labuan
18.	Persatuan Bola Sepak Labuan (LAFA)	Kejohanan Bola Sepak Veteran, Piala Datuk Hassan Sani, LAFA 2023	10 - 13 November 2023	Kawasan Dataran Labuan
19.	Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (Cawangan Bandar Labuan)	Program Pesta Kulintangan Labuan 2023	7 - 10 Disember 2023	i. Kawasan tempat letak kereta Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan ii. Kawasan KSLA

Jadual 8: Senarai Aktiviti Penjaja bersempena dengan Hari Keramaian.



Gambar 1: Operasi Bersama-sama Pelbagai Agensi Penguatkuasaan.

## 5. Lawatan Kerja Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Dbkl)

Lawatan kerja yang diadakan pada 15 September 2023 ini bertujuan untuk mempelajari kaedah pengurusan serta penguatkuasaan lesen perniagaan yang dilaksanakan oleh DBKL.



Gambar 6: Sesi Taklimat dan Bergambar Antara Jabatan Pelesenan Perbadanan Labuan (PL) bersama Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

## 6. Kajian Semula Dan Penambaihan Undang-undang

Peruntukan undang-undang yang komprehensif serta relevan dengan keadaan semasa WP Labuan merupakan aspek yang diberikan penekanan utama dalam memastikan kelancaran pelaksanaan fungsi dan kuasa PL. Kajian semula terhadap peruntukan undang-undang sedia ada sentiasa dibuat dari semasa ke semasa bagi menilai keberkesanan penguatkuasaannya. PL telah menyediakan beberapa draf undang-undang baharu untuk digubal bagi pemakaiannya di WP Labuan. Selain itu, terdapat undang-undang yang perlu dibuat pindaan dan pemansuhan berdasarkan keperluan semasa. Melalui pemakaian undang-undang yang baharu, undang-undang yang dipinda dan dimansuhkan itu kelak, PL akan dapat mengawal dan mengatur selia segala perkara berkaitan hal ehwal pembangunan dan perbandaran dalam WP dengan lebih baik dan berkesan.

BIL.	DRAF PERUNDANGAN	TUJUAN
1.	Draf Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Labuan) – (baharu).	Mengadakan peruntukan-peruntukan yang spesifik berkaitan pembinaan bangunan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
2.	Rang Undang-Undang Akta Perbadanan Labuan (Pindaan).	Meminda Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609] selaras dengan keperluan semasa.
3.	Draf Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Labuan) – (baharu).	Mengadakan peruntukan-peruntukan yang spesifik berkaitan kawalan perancangan dan pembangunan dalam Wilayah Persekutuan Labuan.
4.	Rang Undang-Undang Pelesenan Perdagangan (Pemansuhan).	Memberhentikan kuat kuasa Ordinan Pelesenan Perdagangan [Sabah Bab 144] di dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan membatalkan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Penggubahsuaian Ordinan Pelesenan Perdagangan) 1985 [P.U. (A) 356/1985].
5.	Draf Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Pengkompaunan Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2020 – (baharu).	Mengadakan peruntukan-peruntukan yang spesifik berkaitan pengkompaunan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.
6.	Draf Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Pengkompaunan Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2020 – (baharu).	Mengadakan peruntukan-peruntukan yang spesifik berkaitan pengkompaunan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

Jadual 9: Kajian Semula dan Penambahbaikan Undang-undang.



# **PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

# 1. Permohonan Kelulusan Pembangunan Tanah Melalui Unit Pusat Setempat (One Stop Centre)


Unit Pusat Setempat atau *One Stop Centre* (OSC) ialah unit yang ditubuhkan untuk menerima dan memproses permohonan lengkap bagi enam (6) jenis permohonan pembangunan tanah yang utama, iaitu:

- i. Pelan Kebenaran Merancang,
- ii. Pelan Pecah Sempadan/Bahagian/Tukar Syarat Tanah,
- iii. Pelan Bangunan,
- iv. Pelan Rumah Sesebuah,
- v. Pelan Ubah Suai Bangunan; dan
- vi. Pelan Kerja Tanah.


Perbadanan Labuan (PL) melalui Unit OSC akan memastikan tindakan pengurusan permohonan mendapatkan kelulusan rasmi bagi setiap pembangunan tanah di WP Labuan diuruskan dengan teratur selaras dengan pelaksanaan OSC berdasarkan arahan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Mesyuarat Urus Setia Pusat Setempat atau lebih dikenali sebagai Mesyuarat OSC ialah mesyuarat khas yang dihadiri oleh jabatan/ agensi teknikal yang terlibat dalam proses permohonan pembangunan tanah.

Mesyuarat OSC yang diadakan sekali dalam setiap bulan ini bertujuan untuk membincangkan permohonan-permohonan pembangunan tanah yang telah diterima dan seterusnya diberi perakuan sama ada Lulus, Lulus Bersyarat atau Tolak. Pada tahun 2023, Mesyuarat OSC yang diadakan telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 16 kali.



Carta 1: Bilangan Mesyuarat OSC Bagi Tahun 2020 Sehingga 2023.



Carta 2: Jumlah Penerimaan berserta Lulus dan Tolak bagi Permohonan Pembangunan Tanah Tahun 2023.


TAHUN 2023				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Kebenaran Merancang (Pelan Susun Atur dan Pelan Landskap).	55	47	8
2.	Pelan Pecah Sempadan/Pecah Bahagian/Cantuman Tanah dan Tukar Syarat Tanah.	10	10	0
3.	Pelan Bangunan.	17	16	1
4.	Pelan Ubah Suai Bangunan.	23	20	3
5.	Pelan Rumah Sesebuah.	2	2	0
6.	Pelan Kerja Tanah.	3	3	0

Jadual 1: Jenis Permohonan Pembangunan Tanah Bagi Tahun 2023.

## 2. Kawalan Bangunan

PL bertanggungjawab dalam memantau dan mengawal selia setiap pembinaan atau renovasi bangunan di WP Labuan agar mematuhi segala syarat atau keperluan teknikal dan keselamatan bangunan.

Setiap pembinaan atau renovasi bangunan yang akan dijalankan oleh pemilik projek, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan perlu dikemukakan kepada Unit Kawalan Bangunan melalui Unit OSC; untuk dikaji dan diteliti terlebih dahulu sebelum kelulusan penuh dikeluarkan oleh PL.




Carta 3: Jumlah Penerimaan Permohonan Kawalan Bangunan pada Tahun 2021 sehingga 2023.

PERMOHONAN	2021	2022	2023
Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF).	12	13	14
Pendaftaran Rumah Kampung.	294	263	255
Pendaftaran Gerai Kampung/Kedai Runcit.	14	7	9
Pendaftaran Bekalan Air/Elektrik.	110	94	96
Permit Bangunan Sementara (Tapak Cuci Kereta).	18	62	16
Permit Bangunan Sementara (Menara/Pemancar Telekomunikasi).	41	42	118 (berdasarkan rekod CIPM)
Ulasan Lesen Perniagaan.	651	463	679

Jadual 2: Jenis-jenis Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan.

### 3. Kawalan Perancangan

Peranan penting jabatan ini juga ialah mengawal selia perancangan dalam memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna di seluruh WP Labuan, melalui penyelarasan dan kawalan perancangan.




Carta 4: Jumlah Penerimaan Permohonan Ulasan Kawalan Perancangan pada Tahun 2021 Sehingga 2023.

PERMOHONAN	2021	2022	2023
Tanah Kerajaan Secara TOL.	10	16	13
Izin Lalu Tanah.	3	2	2
Lanjut Tempoh Pajakan.	5	2	6
Angkut Tanah.	0	3	2
Pertanyaan Perancangan.	59	127	108
Tanah Kerajaan.	10	14	17
Tukar Syarat Tanah.	4	1	2

Jadual 3: Jumlah Penerimaan Permohonan Ulasan Kawalan Perancangan pada Tahun 2021 Sehingga 2023.

## 4. Pemantauan Bersepadu Pembangunan Tanpa Kelulusan

Salah satu tugas kawal selia yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan (JPKB) ialah Pemantauan Bersepadu PL bersama-sama agensi teknikal dan agensi penguatkuasa ke tapak dan premis yang menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa kelulusan rasmi atau kebenaran bertulis daripada PL.



Carta 5: Bilangan Pemantauan Bersepadu Pembangunan Tanpa Kelulusan pada Kelulusan pada Tahun 2021 Sehingga 2023.



Gambar 1: Pemantauan Bersepadu Pegawai Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan PL Bersama Agensi Penguatkuasa.

## 5. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan (JEPWPL) Kali Ke-02 Bil.01/2023

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perancang WP Labuan (JEWPL) yang kedua diadakan pada 7 Disember 2023 dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim. Ahli-ahli tetap mesyuarat yang telah hadir sama ialah seperti berikut:

- i. Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
- ii. Pengerusi Perbadanan Labuan
- iii. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) JWP
- iv. Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan
- v. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
- vi. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia),
- vii. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

- viii. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Perbadanan Labuan
- ix. Pengarah Kerja Raya (JKR) WP Labuan
- x. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) WP Labuan
- xi. Penasihat Undang-Undang JWP
- xii. Ketua Pengarah Labuan Financial Services Authority
- xiii. Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemical Methanol Sdn Bhd
- xiv. Pengarah Jabatan Perancangan Dan Kawalan Bangunan, Perbadanan Labuan (sebagai Setiausaha JEWPL);

Manakala, ahli-ahli jemputan mesyuarat pula adalah daripada Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Pejabat Tanah dan Galian WP Labuan, Jabatan Wilayah Persekutuan (Dasar dan Perancangan Strategik) serta Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Dua (2) kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat JEPWPL Kali Ke-02, Bil.01/2023, iaitu:

- i. Kertas Pertimbangan Persetujuan Ke Atas Draf Rancangan Struktur Labuan Dan Kelulusan Penganjuran Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Rancangan Struktur Labuan 2040 Oleh PLANMalaysia,
- ii. Kertas Pertimbangan Keahlian Mesyuarat Bagi Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam (JSTP) Rancangan Struktur Labuan (RSL) 2040 Oleh PL.



Gambar 2: Mesyuarat JEPWPL Ke-02 Bil.01/2023 dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10.

## 6. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Draf Akhir Rancangan Tempatan (RT) Labuan 2040.

Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 merangkumi penggubalan dua dokumen pemajuan iaitu Rancangan Struktur Labuan 2040 dan Rancangan Tempatan Labuan 2040.

Kajian ini disediakan bertujuan untuk memastikan PL mempunyai dokumen perancangan yang diwartakan bagi membolehkan pelaksanaan sepenuhnya kuasa PL selaku pihak berkuasa perancang tempatan dalam memandu dan mengawal selia pembangunan fizikal di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Labuan.

Penyediaan dokumen warta Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan adalah perlu dan selaras dengan peruntukan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976), Subseksyen 8(1) dan 12(1).

Keperluan penyediaan Rancangan Pemajuan Labuan 2040 ini juga adalah berdasarkan kepada tiga (3) perkara berikut:

- a) Menyediakan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang diwartakan bagi menggantikan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Labuan 2030 yang telah disediakan pada tahun 2010. Penyediaan kedua-dua dokumen ini adalah sebelum pemakaian Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) yang dikuatkuasa pada 1 Januari 2011. Kedua-dua dokumen ini tidak diwartakan dan menjadi dokumen pentadbiran PL;
- b) Keperluan kepada penyelarasan dengan dasar-dasar serta strategi pembangunan baru di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan dan negara serta komitmen negara di peringkat antarabangsa; dan
- c) Perubahan pada corak guna tanah semasa hasil daripada pembangunan di Labuan, pembangunan komited serta strategi pembangunan masa hadapan.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Draf Akhir Rancangan Tempatan Labuan 2040 telah diadakan pada 17 April 2023 dan dipengerusikan oleh Encik Ibrahim Bin Tambi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PL.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Seksyen Perancangan Strategik Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Seksyen Perbandaran JWP, Pejabat Projek Zon Tengah PLANMalaysia, Perunding UEP Sdn Bhd, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Labuan Financial Services Authority (LFSA) dan jabatan/ agensi kerajaan yang terlibat.

Pembentangan Draf Akhir RT Labuan 2040 ialah merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pengenalan
- ii. Konsep dan Strategi Pembangunan
- iii. Peta Cadangan Guna Tanah
- iv. Cadangan Pembangunan
- v. Rumusan.

Mesyuarat bersetuju menerima Draf Akhir RT Labuan 2040 yang telah dibentangkan oleh pihak perunding dengan beberapa pindaan berdasarkan pembedulan dan ulasan yang telah diberikan.



Gambar 3: Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Draf Akhir Rancangan Tempatan Labuan 2040 pada 17 April 2023

## 7. Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Wp Labuan 2030 – Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar WP Labuan

Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030 dibentuk berdasarkan kepada 25 Dasar, 76 Tindakan dan 118 sasaran indikator di dalam MySmart Wilayah 2030 dan sebanyak 28 program dan 50 sub-program telah dikenal pasti untuk menggariskan Langkah-langkah strategik yang selaras dengan matlamat dan fokus Pelan Tindakan Bandar Labuan 2030.

PL selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan Bandar Pintar Labuan, akan merealisasikan segala perancangan di dalam Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030 demi memastikan pembangunan bandar pintar yang komprehensif dan bersifat inklusif.

Oleh yang demikian, JPKB PL selaku jabatan yang bertanggungjawab dalam menyelaras dan menyediakan Pelan Tindakan Bandar Pintar WP Labuan telah mengadakan sesi Perbincangan Penyediaan Blueprint Bandar Pintar Labuan Bil.01/2023 pada 24 Februari 2023.

Perbincangan ini telah dihadiri oleh JWP, PLANMalaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Lembaga Pelabuhan Labuan, Malaysia Airports Sdn Bhd, LDA (Labuan) Holdings Sdn Bhd, jabatan-jabatan Kerajaan WP Labuan, dan kesemua jabatan dalaman PL.

Objektif Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030:

- i. Memastikan ekonomi yang berdaya saing dan relevan selaras dengan kemajuan teknologi digital.
- ii. Memperkukuh dan meningkatkan penyediaan infrastruktur digital yang menyokong pembangunan bandar pintar.
- iii. Memperkasakan penglibatan setiap lapisan masyarakat dalam proses pembangunan ke arah mewujudkan persekitaran yang berdaya huni dan masyarakat digital yang kompeten dan berbakat.
- iv. Mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan beretika.

Bagi memastikan semua urusan berkaitan pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Pintar WP Labuan dapat dibincangkan dan dipantau, satu platform perlu ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar WP Labuan yang selaras dengan persetujuan Mesyuarat Pasca Kabinet Bil.05/2020

Fungsi Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar WP Labuan ialah:

- i. Membincangkan hala tuju dan pelaksanaan program bandar pintar selaras dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan.
- ii. Membincangkan pengurusan sumber kewangan, peruntukan, kerjasama dalam pelaksanaan program bandar pintar.
- iii. Memantau, menyelaras dan melaporkan kemajuan pelaksanaan program bandar pintar selaras dengan sasaran kerja dan fasa pelaksanaan.
- iv. Membincangkan isu dan cabaran perancangan dan pelaksanaan bandar pintar dan memberi khidmat nasihat.
- v. Meluluskan cadangan projek bandar pintar.
- vi. Menyelaras ruang kerjasama dan kolaborasi bersama pihak berkepentingan.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar WP Labuan Bil.1/2023 telah diadakan pada 22 Ogos 2023 bersamaan 5 Safar 1445H yang dihadiri oleh jabatan dan agensi luar yang berkaitan serta kesemua jabatan dalaman PL.

3 agenda utama mesyuarat yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut :

- i. Pembentangan Draf Akhir Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030
- ii. Makluman Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar Labuan
- iii. Makluman Pelaksanaan Penarafan Bandar Pintar Malaysia Tahun 2023



Gambar 4: Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Bandar Pintar WP Labuan Bil.1/2023 yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL.

Terdapat tujuh (7) komponen dalam pelaksanaan Bandar Pintar WP Labuan dan setiap satu komponen terdapat beberapa projek sebagai inisiatif:

BIL.	KOMPONEN	BIL. INISIATIF	NAMA PROJEK
1.	<i>Smart Governance</i>	9 Projek	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. e-Brocure</li> <li>ii. Gerbang Labuan</li> <li>iii. Sistem Aplikasi Bersepadu PL</li> <li>iv. Labuan Intelligent Command Centre (LICC)</li> <li>v. Perkongsian dan Integrasi Data WP Labuan</li> <li>vi. Pembangunan Labuan Urban Observatory (LUO)</li> <li>vii. Pelaksanaan Sistem e-Submission</li> <li>viii. Pelaksanaan Malaysia Urban-Rural (MURNInet) National Indicators Network For Sustainable Development</li> <li>ix. Digitalisasi Perkhidmatan Kerajaan</li> </ol>
2.	<i>Smart Economy</i>	12 Projek	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. e-Certificate</li> <li>ii. Pendaftaran Syarikat Online (COR@L)</li> <li>iii. Platform Digital Perkhidmatan Pelaburan Labuan</li> <li>iv. Statistical Management System (SMS)</li> <li>v. Digital Payment (Lepay System)</li> <li>vi. Sistem Semakan, Kod Respon Pantas (QR Code) dan Pembayaran Atas Talian</li> <li>vii. Pusat R&amp;D dalam Penilaian Projek</li> <li>viii. COSMOS Labuan (Sistem eContract / e-Maintenance)</li> <li>ix. Public Information System @ Digital Information Boards (news/ events/ promotion)</li> <li>x. Tourism Apps (Scenic Spots, Digital Storyline Jejak Warisan, Pakej, Check In)</li> <li>xi. Membangunkan Augmented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR)(Pelancongan)</li> <li>xii. Program Pembangunan Usahawan Digital (Go e-Commerce)</li> </ol>

BIL.	KOMPONEN	BIL. INISIATIF	NAMA PROJEK
3.	<i>Smart Living</i>	5 Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem Pemantauan Pintar bagi tindak balas kecemasan dan pencegahan jenayah (sub model Labuan Intelligent Command Centre (LICC))</li> <li>ii. Aplikasi Teleperubatan (geo location kemudahan, maklumat kesihatan, komunikasi secara telefon atau video secara Remote Patient Monitoring Systems)</li> <li>iii. Pendigitalan Rekod Kesihatan</li> <li>iv. Klinik Maya</li> <li>v. Digital Library (e-Library)</li> </ul>
4.	<i>Smart Environment</i>	12 Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Smart Disaster System Labuan</li> <li>ii. Penerapan Pembangunan Rendah Karbon</li> <li>iii. Smart Street Lighting Penggantian Lampu Jalan High Pressure Sodium Vapor (HPSV) kepada LED di W.P Labuan</li> <li>iv. Projek Retrofitting di bangunan – bangunan milik Perbadanan Labuan/ bangunan Kerajaan</li> <li>v. Pusat Kitar Semula Pintar</li> <li>vi. Pembangunan Sistem PSWM Pilot Smart Waste Management/ iSmart Waste Monitoring (NetBin) – Smart Bin &amp; GPS Fleet</li> <li>vii. Membangunkan Pusat Kompos</li> <li>viii. Waste to energy (WTE)</li> <li>ix. Smart Electric Meter</li> <li>x. Pengurusan Air Pintar - Water Leakage Detector System / Smart Sensor Real Time (Leakage &amp; water quality)</li> <li>xi. Program Urban Farming</li> <li>xii. Pembangunan Sistem Inventori Pokok</li> </ul>
5.	<i>Smart People</i>	4 Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. TVET dan STEM</li> <li>ii. Digital Classroom</li> <li>iii. Pusat Inovasi Komuniti, Kemahiran &amp; Internet</li> <li>iv. Inkubator Bandar Pintar Labuan</li> </ul>
6.	<i>Smart Mobility</i>	5 Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Parking Guidance Information System</li> <li>ii. Penyediaan Water Taxi</li> <li>iii. Pelaksanaan Smart &amp; Green Public Transport (Membangunkan Kemudahan Pengangkutan Awam Pintar dan Mesra Alam)</li> <li>iv. Sistem Pengurusan Trafik Bersepadu (ITS)</li> <li>v. Sistem Tempahan &amp; Pembayaran Secara Atas Talian bagi Pengangkutan Awam (Cashless)</li> </ul>
7.	<i>Smart Digital Infrastructure</i>	3 Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Labuan Wifi</li> <li>ii. Menaik taraf Infrastruktur Komunikasi dan Ketersediaan Rangkaian <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan kelajuan dan sambungan internet</li> <li>- Meningkatkan tahap liputan rangkaian dan In Building Coverage (IBC)</li> </ul> </li> <li>iii. Wilayah 5G Labuan</li> </ul>

Jadual 4: Komponen dalam Pelaksanaan Bandar Pintar WP Labuan.

## 8. Pemerkasaan Komuniti Labuan Geopark Tahun 2023

### I. Sesi Libat Urus Pendidikan Labuan Geopark

Tempat: Bilik Mesyuarat Inovasi , Wisma PL  
Tarikh: 18 Oktober 2023

Jabatan / Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Jabatan Pendidikan Negeri
- iii. Jabatan Muzium
- iv. MOTAC
- v. SMK Ranca-ranca
- vi. SK. Sg. Bedaun
- vii. Persatuan Wanita Tani (NGO)



Gambar 5: Mesyuarat mengenai Sesi Libat Urus Pendidikan Labuan Geopark.

### II. Sesi Libat Urus Pemerkasaan Komuniti Labuan Geopark Kg. Bebuloh.

Tempat: Sekolah Kebangsaan Bebuloh, Kg. Bebuloh WP Labuan  
Tarikh: 8 November 2023

Jabatan / Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Jabatan Pendidikan Negeri
- iii. Jabatan Muzium
- iv. Pengerusi Zon MPP
- v. Persatuan Wanita Tani (NGO)

Program dihadiri oleh Ketua Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 3 WP Labuan, 3 pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG Sabah), 3 pegawai Jabatan Muzium Labuan serta 1 wakil NGO. Program melibatkan 30 orang pelajar dan 15 orang guru sekolah. Sekolah kebangsaan Bebuloh merupakan sekolah perintis program pemerkasaan komuniti Labuan Geopark melalui institusi pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan. Program diisi dengan aktiviti pameran Labuan Geopark dan Muzium Labuan serta sesi taklimat.

Taklimat disampaikan oleh pegawai JMG Sabah, guru penyelaras sekolah angkat Labuan Geopark iaitu dari SK Sg. Bedaun dan wakil muzium Labuan. Program dilaksanakan sebagai inisiatif menyampaikan maklumat berkenaan pembangunan Labuan Geopark dan kepentingannya. Pelajar turut didedahkan dengan mengenali ciri geologi yang terdapat di dalam tapak Labuan Geopark.



Gambar 6: Penglibatan daripada pelajar-pelajar SK Bebuloh WP Labuan.



Gambar 7: Penerangan Mengenai Geopark Diberikan Kepada Para Pelajar.



Gambar 8: Taklimat disampaikan oleh pegawai JMG Sabah.

### III. Aktiviti Gotong Royong Komuniti Labuan Geopark Di Geotapak Layangan

Tempat: Tapak Panel Info Geotapak Tanjung Layangan, Kg Layangan, WP Labuan  
 Tarikh: 13 November 2023

Jabatan / Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Jabatan Muzium
- iii. Komuniti Setempat
- iv. NGO

Pembersihan kawasan ini diperlukan untuk memberi kemudahan kepada pengunjung melawat tapak dengan selamat dan selesa. Bagi tujuan pengindahan, pokok lanskap bersesuaian turut ditanam sebanyak 10 batang pokok yang sesuai di kawasan tersebut.



Gambar 9: Kerja-kerja Pembersihan di Tapak Geopark.

### IV. Kursus Pengukuhan Komuniti Geoguide Labuan Geopark

Tempat: Pulau Rusukan Besar  
 Tarikh: 18 November 2023

Jabatan / Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Geoguide Labuan Geopark
- iii. Labuan Rusukan Besar Resort (Swasta)

Program pengukuhan komuniti Geoguide adalah bertujuan untuk menjadikan pasukan geoguide yang terdapat di WP Labuan saling mengenali antara satu sama lain dan saling bertukar pandangan semasa program. Program ini memberi peluang kepada geoguide tempatan yang belum berpeluang mengunjungi tapak geopark di Pulau Rusukan Besar dan Pulau Kuraman. Program ini sekaligus menyokong pemain industri pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan di Labuan.



Gambar 10: Taklimat disampaikan oleh pegawai JMG Sabah.



Gambar 11: Pasukan PL dan Geoguide Labuan di Pulau Kuraman.

## V. Sesi Libat Urus Pemerkasaan Komuniti Labuan Geopark Kg. Lubok Temiang.

Tempat:

- i. Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang,
- ii. Muzium Chimney
- iii. Tapak Geopark Tanjung Kubong
- iv. Tarikh: 22 November 2023

Jabatan / Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Pengerusi Zon MPP
- iii. Jabatan Pendidikan Negeri
- iv. Jabatan Muzium
- v. Persatuan Wanita Tani (NGO)

Program dihadiri oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang bersama guru dan pelajar seramai 100 orang. Turut hadir ialah Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk SubZon 4 WP Labuan, 2 pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG Sabah), 6 pegawai Jabatan Muzium Labuan serta 3 wakil NGO iaitu Persatuan Wanita Tani selaku penganjur bersama.

Program melibatkan 100 orang pelajar dan guru sekolah termasuk fasilitator yang terlibat. Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang merupakan sekolah kedua pelaksanaan program pemerkasaan komuniti Labuan Geopark melalui institusi pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan selepas Sekolah Kebangsaan Bebuloh.

Program diisi dengan aktiviti pameran Labuan Geopark dan Muzium Labuan serta sesi taklimat selain memberi fokus kepada usaha melahirkan saintis muda/ Geoguide Cilik di peringkat pendidikan rendah.

Taklimat disampaikan oleh pegawai JMG Sabah, sekolah angkat Labuan Geopark dan Muzium Labuan.

Program dilaksanakan sebagai inisiatif menyampaikan maklumat berkenaan pembangunan Labuan Geopark dan kepentingannya. Pelajar turut dibawa melawat ke tapak Geopark budaya dan geologi yang terdapat di sekitar Kg. Lubok Temiang.



Gambar 12: Penerangan Mengenai Geopark disampaikan oleh Pegawai JMG Sabah kepada Para Pelajar SK Lubok Temiang.



Gambar 13: Guru dan pelajar SK Lubok Temiang Mengadakan Lawatan ke Tapak Geopark.

## VI. Projek Menaik Taraf Galeri Geopark Di Sekolah Angkat Labuan Geopark Sekolah Kebangsaan Sg. Bedaun

Tempat: Sekolah Kebangsaan Sg. Bedaun  
Tarikh: 28 November 2023

Agensi terlibat:

- i. Perbadanan Labuan
- ii. Jab. Pendidikan Negeri
- iii. Jabatan Muzium

Sekolah Kebangsaan Sg. Bedaun merupakan sekolah angkat Labuan Geopark. Sekolah ini tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi di sudut geopark. Bagi menjadikan maklumat geopark dapat disampaikan dengan lebih menarik dan interaktif, peralatan audio dan visual dibekalkan termasuk bahan pameran.



Gambar 14: Guru dan pelajar SK Sungai Bedaun bersama PL dan Muzium Labuan.

## 9. Projek-projek Pembangunan Yang Siap Dilaksanakan

Sebanyak 31 projek pembangunan siap dilaksanakan pada tahun 2023, iaitu:

### i. Kerja Naik Taraf Anjung Selera WP Labuan

Terdapat enam (6) Anjung Selera di Labuan yang terlibat dengan kerja naik taraf ini di bawah peruntukan RMKe-12. Empat (4) telah siap pada tahun 2022. Manakala dua (2) lagi, iaitu di Kampung Patau-Patau dan Kampung Batu Manikar telah siap pada 2023 dengan kos keseluruhan berjumlah RM165,000.00.

### ii. Projek PEMERKASA

PL telah mendapat peruntukan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan) melalui Tabung Penyelenggaraan Wilayah Persekutuan (TWWP), Inisiatif Belanjawan dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM), Peruntukan Kumpulan Wang Covid (KWC)(TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada tahun ini sebanyak enam (6) projek telah siap dengan kos berjumlah RM1,540,000.00.

Projek ini melibatkan skim perumahan di Taman Mutiara Damai (Kos Rendah), Taman Mutiara Permai (Kos Sederhana), Taman Sungai Bedaun, Ganggarak Permai dan Rumah Mesra Rakyat Sg. Bangat. Kerja-kerja yang dilaksanakan ialah memperbaiki bumbung, mengecat semula bangunan, penggantian paip pembedungan, membina pagar, memperbaiki jalan, pendawaian semula elektrik, memasang lampu, memperbaiki lif, menaik taraf tempat letak kereta, penstabilan cerun dan membina pagar.

### iii. Projek Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan

Peruntukan khas ini melibatkan pembinaan naik taraf jalan sedia ada kepada jalan konkrit. Terdapat dua (2) projek yang mendapat manfaat daripada peruntukan ini iaitu, jalan menuju Kuil Thirumurugan di Jalan Sawangan Cina dan Simpang Melingsung di Kg. Sungai Bedaun. Kos bagi kedua-dua projek ini berjumlah RM250,000.00.

### iv. Naik Taraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan

Komponen yang terlibat ialah dua blok (Blok B1 dan B2) rumah kakitangan di Durian Tunjung telah dibaikpulih dengan peruntukan RMKe11. Pelaksanaan projek ini melibatkan kos sebanyak RM4.4juta. Projek ini melibatkan pembesaran rumah sedia ada sebanyak 32 unit menjadi 16 unit sahaja.

### v. Naik Taraf Kemudahan Infrastruktur dan Rekreasi Awam Dataran Labuan

Projek ini telah disiapkan pada Februari 2023 dengan kos bernilai RM2,250,937.00 di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11. Projek ini merupakan naik taraf pencahayaan dan landskap kejur serta lembut di Dataran Labuan. Kerja-kerja naik taraf yang telah siap ini telah terbukti dapat menggamit hati penduduk di pulau kecil ini. Buktinya, kawasan ini menjadi lokasi istimewa tempat berkumpul keluarga untuk berbuka puasa setiap hari pada bulan Ramadan, tempat berehat dan berkumpul dalam melaksanakan pelbagai aktiviti.

#### **vi. Baik Pulih *Clubhouse* di LIGC**

Kerja-kerja ini telah siap pada Jun 2023, dan tempoh menambah baik kecacatan hingga akhir Disember 2023. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM211,313.90 sahaja dengan menggunakan peruntukan PL.

#### **vii. Pendawaian Elektrik dan Pemasangan Meter di Pasar Sentral**

Bagi memberikan kemudahan kepada peniaga ayam dan daging di Pasar Sentral, cadangan memasang meter individu telah dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe-12. Kerja-kerja ini termasuk pendawaian semula elektrik ke setiap meja jualan bagi memudahkan mereka menyediakan peti sejuk beku masing-masing. Kerja-kerja ini melibatkan kos sebanyak RM296,800.00.

#### **viii. Baik Pulih Rumah**

Sebanyak 16 unit rumah telah dibaik pulih pada tahun 2023 yang melibatkan kos sebanyak RM272,000.00. Projek ini melibatkan semua rumah daif yang telah dikenal pasti di seluruh WP Labuan.

#### **ix. Kerja Baik Pulih Lif di Bangunan UTC**

Kerja baik pulih ini dinamakan sebagai kerja-kerja pemodenan (*modernisation*) dua (2) unit mesin angkat (*lift*) dengan kos sebanyak RM228,000.00. PL mendapat peruntukan dari RMKe-12 untuk melaksanakan projek ini.

#### **x. Kerja-Kerja Menaik Taraf di Pasar Sentral**

Melalui peruntukan RMKe-12, kerja-kerja menaik taraf bilik sejuk di Pasar Sentral siap dilaksanakan dengan melibatkan kos sebanyak RM627,000.00. Antara komponen terlibat ialah naik taraf sistem pendingin hawa, bilik sejuk dan pembersihan saluran paip pembedungan.

#### **xi. Baik Pulih Rumah di Taman Ganggarak Permai**

Projek dikategorikan sebagai penyelenggaraan kerana sebelum ini unit-unit ini masih kosong dan akan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kerja ini melibatkan blok Jasmin dengan kos sebanyak RM1.0 juta.

#### **xii. Kerja Baik Pulih Jalan di Jalan Dataran**

Kerja-kerja baik pulih jalan aspal ini adalah kesinambungan dengan projek naik taraf di Dataran Labuan yang berjarak 200 meter. Kos baik pulih ini berjumlah RM336,000.00.

#### **xiii. Kerja Baik Pulih Jalan di Rumah Kakitangan PL**

Projek ini ialah projek sokongan kepada kerja-kerja naik taraf perumahan kakitangan Perbadanan Labuan Blok B di Durian Tunjung yang telah siap terlebih dahulu. Kos penyiapannya berjumlah RM220,000.00.

#### **xiv. Penyediaan Tong Roro Sampah dan E-Waste**

Penyediaan tong sampah jenis roro untuk sampah domestik dan e-waste melibatkan perolehan berjumlah RM379,000.00. Tong-tong ini ditempatkan di beberapa lokasi yang dapat diakses oleh orang ramai seperti di Pasar Sentral.

#### **xv. Naik Taraf Laluan Berbumbung**

Kerja-kerja baik pulih bumbung laluan menuju Ujana Kewangan dari Kompleks Sukan Laut Antarabangsa, melibatkan jarak laluan sepanjang 250meter. Kos bagi penyiapan ini berjumlah RM155,000.00 sahaja.

#### **xvi. Pembinaan Gerai Baharu**

Sebanyak empat (4) unit gerai baharu telah di bina di Kampung Patau-patau 2 bagi menyokong aktiviti ekonomi penduduk setempat. Kos pembinaan ini melibatkan sejumlah RM271,000.00.

#### **xvii. Membekal dan Memasang Fireman Intercom**

Projek berjumlah RM120,000.00 ini merupakan projek sekali beri (*one-off*) bagi meningkatkan tahap keselamatan kakitangan di bangunan Menara Perbadanan Labuan setinggi 11 tingkat.

#### **xviii. Membekal Alat Pemadam Api**

PL telah membekal dan memasang alat pemadam api di setiap rumah di Taman Perumahan Sungai Bedaun yang memiliki 320 unit. Pemasangan alat pemadam api baharu merupakan penggantian alat sedia ada dan ini juga merupakan salah satu tindakan pencegahan kebakaran di kawasan perumahan tersebut. Pembekalan dan pemasangan alat pemadam api ini melibatkan kos sebanyak RM80,000.00.

#### **xix. Baik Pulih Dewan Serbaguna Taman Perumahan Sungai Bedaun**

Baik pulih ini melibatkan sistem keselamatan, iaitu gelung hose, sistem perpaipan, pam dan tangki air di Dewan Serbaguna Taman Perumahan Sungai Bedaun. Baik pulih ini sebagai tanggungjawab sosial dan kemudahan komuniti di persekitaran taman tersebut. Kos sebanyak RM190,000.00 telah dibelanjakan bagi tujuan ini.

#### **xx. Baik Pulih Astaka di Kampung Bukit Kalam**

Kerja-kerja baik pulih bumbung tambahan untuk astaka di Kampung Bukit Kalam bagi kegunaan penduduk kampung dan sekitarnya melibatkan kos sebanyak RM80,000.00. Kerja-kerja ini siap pada penghujung 2023.

#### **xxi. Baik Pulih Astaka di Padang Majal**

Kerja-kerja baik pulih astaka di Padang Majal, Kg. Pohon Batu yang melibatkan kos sebanyak RM70,000.00. Kerja-kerja ini perlu bagi membaiki astaka sedia ada yang telah lama. Kemudahan yang terdapat di padang ini menjadi pilihan bukan sahaja komuniti kampung bahkan penduduk WP Labuan.

## 10. Projek-projek Pembangunan Dalam Pelaksanaan

Pada tahun ini sebanyak enam (6) projek sedang dilaksanakan seperti dalam Jadual 6:

BIL.	PROJEK	KOS (RM/JUTA)	LOKASI	KOMPONEN UTAMA
1.	Pembinaan Sanitary <i>Landfill Cell</i>	25.9	Tapak Pelupusan Sampah, Kg. Bukit Kalam	Membina <i>landfill cell</i> dan naik taraf loji pembersihan <i>leachate</i>
2.	Naik Taraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan, Bangunan Blok A	10.9	Blok A1, A2, A3 & A4 Rumah Sewa Perbadanan Labuan dan rumah projek	Menaik taraf rumah di Blok A, rumah pangsa PL dan membina baharu rumah sesebuah
3.	Dewan Komuniti	1.88	Kg. Patau-Patau 1	Membina dewan komuniti baharu
4.	Penyelenggaraan Bangunan Blok A dan Tapak Pesta	2.0	Anjung Budaya dan Pantai Layang-Layangan	Menyelenggara bangunan sedia ada
5.	Kerja-kerja Penambahbaikan Surau di LIGC	0.25	<i>Labuan International Golf Club</i>	Membaiki kemudahan surau
6.	Kerja-kerja Pembaikan <i>Grand Stand</i>	0.20	Dataran Labuan	Melibatkan pembaikan tandas dan <i>grand stand</i>
7.	Kerja-Kerja Membaik Pulih Gazebo	0.05	Pantai Rekreasi WP Labuan	Baik pulih tujuh (7) unit Gazebo di pantai Kg. Sg. Lada dan Kg. Batu Manikar
8.	Baik pulih lampu	0.07	Kg. Bebuloh Laut	Lampu di gelanggang futsal

Jadual 5: Senarai Projek Pembangunan Dalam Pelaksanaan


## 11. Kerja-kerja Penyelenggaraan

Perbelanjaan penyelenggaraan merupakan perbelanjaan yang diberikan kepada PL dengan menggunakan peruntukan mengurus. Perincian perbelanjaan dibahagikan kepada beberapa aspek yang berikut:

- i. Elektrikal;
- ii. Mekanikal;
- iii. Bangunan; dan
- iv. Jalan/Infrastruktur.

Sebanyak RM5.7juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut pada tahun 2023. Carta di bawah menunjukkan pecahan perbelanjaan bagi setiap kerja yang dilaksanakan.

## Pecahan Perbelanjaan Penyelenggaraan



Carta 6: Pecahan Perbelanjaan Penyelenggaraan.

### I. Membaik Pulih dan Penyelenggaraan Jalan Sekitar WP Labuan Menggunakan Peruntukan MARRIS

Pada tahun ini, sebanyak tujuh (7) buah projek baik pulih jalan telah disiapkan dengan menggunakan peruntukan MARRIS yang melibatkan kos sebanyak RM1.882 juta. Senarai projek yang telah siap adalah seperti dalam Jadual 7. Manakala satu (1) projek masih dalam penyediaan untuk ditawarkan. Selain itu, empat (4) projek yang telah siap tahun lepas telah selesai proses pembayaran muktamad. Penyelenggaraan lain-lain sepanjang tahun melibatkan peruntukan ini berjumlah RM225,000.00.

Kesemua projek tersebut merangkumi penyelenggaraan di kawasan, bandar, perumahan dan perindustrian di WP Labuan.

MARRIS ialah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia yang digunakan bagi tujuan merekodkan data-data jalan raya seluruh Malaysia. Manakala peruntukan yang diperolehi merupakan pemberian penyenggaraan Jalan Negeri yang diagihkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan panjang jalan yang telah didaftarkan dan diperakukan oleh Jabatan Kerja Raya.

BIL.	PROJEK	KOS (RM/JUTA)	KOMPONEN UTAMA	STATUS
1.	Baik Pulih Jalan di Taman Fulliwa	0.147	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di taman perumahan.	Siap
2.	Baik Pulih Jalan di Taman Hilltop	0.396	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di taman perumahan.	Siap
3.	Baik Pulih Jalan di Taman Tan Boon How	0.477	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di taman perumahan.	Siap

BIL.	PROJEK	KOS (RM/JUTA)	KOMPONEN UTAMA	STATUS
4.	Baik Pulih Jalan di Taman Batu Arang	0.446	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di taman perumahan.	Siap
5.	Baik Pulih Jalan Aspal di Taman Mahkota Impian	0.170	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di taman perumahan.	Siap
6.	Baik Pulih Jalan Aspal di Jalan Dataran	0.355	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan.	Siap
7.	Baik Pulih Jalan Perumahan Kakitangan PL, Durian Tunjung	0.228	Membaiki jalan dengan mengaspal semula dan mengecat jalan di kawasan perumahan.	Siap

Jadual 6 : Projek Siap Peruntukan MARRIS.

## 12. Ulasan Teknikal Untuk Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Sepanjang tahun 2023, dari semasa ke semasa PL ini juga bertanggungjawab memberikan ulasan teknikal/kejuruteraan terhadap pelan-pelan bangunan dan pelan-pelan kerja infrastruktur bagi cadangan pemajuan pembangunan daripada pemaju swasta dan kerajaan. Sebelum ulasan yang akan diberikan, satu lawatan tapak diadakan bagi mendapatkan gambaran jelas keadaan semasa apa yang ada di tapak ketika permohonan dikemukakan.

Bagi kerja infrastruktur, selain menyemak dan menyiasat keadaan tapak untuk kerja-kerja tanah, jalan dan perparitan juga melibatkan seliaan bagi kerja korekan jalan untuk utiliti-utiliti awam.

## 13. Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12, PL

PL telah mengemukakan sebanyak dua belas (12) permohonan projek pembangunan dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3), tahun 2023, (RP3, 2023), RMK-12. Daripada permohonan tersebut, sebanyak lapan (8) permohonan bagi projek sambungan manakala dua (2) permohonan bagi projek cadangan baharu.

Sebanyak lapan (8) permohonan projek sambungan dan satu (1) projek baharu bagi peruntukan Projek Pembangunan PL RP3 Tahun 2023, RMK-12 telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan telah dilaksanakan pada tahun 2023 seperti dalam jadual yang berikut:

BIL.	SENARAI PROJEK RP3 (2023)
1.	Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1, WP Labuan (Sambungan).
2.	Menaik Taraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan (Sambungan).
3.	Projek Smart City Labuan Fasa 1 (Sambungan).
4.	Pembinaan Cell Sanitary Landfill dan Naik Taraf Leachate Treatment Plan (Sambungan).
5.	Menaik taraf Jambatan Patau-Patau 1, WP. Labuan (Sambungan).

BIL.	SENARAI PROJEK RP3 (2023)
6.	Menaik taraf Anjung Selera Milik Perbadanan Labuan (Sambungan).
7.	Menaik taraf Pasar Sentral Labuan (Sambungan).
8.	Pembinaan Jalan Pesisir Pantai dari Membedai ke Tanjung Aru, WP Labuan (Sambungan).
9.	Menaik Taraf Anjung Budaya Perbadanan Labuan dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-Layangan (Baharu).

Jadual 7: Senarai Projek RP3 Tahun 2023.

## 14. Laporan Penilaian Outcome Projek Siap Perbadanan Labuan

PL telah diminta untuk mengunci masuk maklumat projek dalam MyProjek bagi tujuan Laporan Penilaian *Outcome* yang bertajuk Naik taraf Kemudahan Infrastruktur dan Rekreasi Awam Dataran Labuan, WP Labuan yang telah siap pada 17 Februari 2023. Pembentangan dibuat dalam Mesyuarat Tindakan Pembangunan Peringkat JWP Bil.12/2023 pada 22 Disember 2023. Sesi Penilaian akan diadakan pada Februari 2024.

Objektif projek adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan, iaitu dengan kaedah yang berikut:

- i. Menjadikan kawasan Dataran Labuan sebagai salah satu lokasi bagi tarikan pelancongan.
- ii. Meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih efisien untuk orang awam.
- iii. Menjadikan kawasan Dataran Labuan seiring dari segi kecantikan bangunan persekitaran, kemudahan awam seperti Dataran Merdeka dan Dataran Putrajaya.
- iv. Sebagai pelengkap kepada Projek Naik Taraf Jalan Merdeka yang telah siap pada tahun 2017 dan juga *Labuan Development Blueprint 2030*.

Secara keseluruhan, projek ini telah berjaya disiapkan dengan komponen projek atau sasaran output seperti yang telah ditetapkan, iaitu:

- i. Naik taraf pentas atau astaka utama.
- ii. Naik taraf sistem pencahayaan persekitaran sedia ada.
- iii. Naik taraf permukaan lantai pejalan kaki Dataran Labuan.

## 15. Indeks Prestasi Utama, *Key Performance Indicator (KPI) Outcome* Projek Naik Taraf Kemudahan Infrastruktur Dan Rekreasi Awam Dataran Labuan, WP Labuan

### I. Sasaran Kemasukan Pelancong Domestik Dalam Setahun

*Outcome* projek ini adalah seperti yang berikut:

- i. Kedudukan astaka utama yang lebih strategik yang bersaiz (60' x 50') serta penambahan lantai kiri dan kanan pentas utama (20' x 50') untuk kegunaan acara atau program.
- ii. Laluan pejalan kaki yang dikelilingi lampu taman bagi tujuan keselamatan dan pencahayaan termasuk bangunan menggunakan *LED strip light*.
- iii. Laluan pejalan kaki seluas 4708 meter persegi yang lebih selamat, selesa dan mesra pengguna sebagai tarikan para pengunjung di sekitar Dataran Labuan.

## 16. Projek Pembangunan RP2 (2022) RMK-11 Yang Telah Disiapkan Pada Tahun 2023

BIL.	SENARAI PROJEK SIAP	KOS (RM)
1.	Naik taraf Kemudahan Infrastruktur dan Rekreasi Awam Dataran Labuan, WP Labuan.	2,650,000.00

Jadual 8: Projek yang Telah Siap pada Tahun 2023.

### I. Lokasi Projek




Gambar 15: Kerja-kerja Pembersihan di Tapak Geopark.

### II. Maklumat Projek - Sebelum & Selepas Pembinaan



Gambar 16: Sebelum Pembinaan.



Gambar 17: Selepas Pembinaan.

## 17. Mesyuarat Pemantauan Laporan Kemajuan Kerja PL

Pada tahun 2023, PL telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Pemantauan Laporan Kemajuan Kerja PL mengikut Sasaran Kerja Tahunan. Mesyuarat telah diadakan seperti yang berikut:

BIL.	TAJUK MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT / PENERUSI
1.	Mesyuarat Pemantauan Laporan Kemajuan Kerja Bilangan 1 Tahun 2023.	20 Mac 2023	Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, PL.
2.	Mesyuarat Pemantauan Laporan Kemajuan Kerja Bilangan 2 Tahun 2023.	12 Julai 2023	Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL.
3.	Mesyuarat Pemantauan Laporan Kemajuan Kerja Bilangan 3 Tahun 2023.	29 November 2023	Bilik Harmoni, Tingkat 8, Menara Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PL.

Jadual 9: Mesyuarat Pemantauan Projek yang Telah Bersidang pada Tahun 2023.

## 18. Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/perubahan Kerja (VO)/provisional Sum Perbadanan Labuan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam mempertimbangkan permohonan kelulusan Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/Provisional Sum bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh PL.

BIL.	TAJUK MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT / PENERUSI
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/ Provisional Sum Perbadanan Labuan Bil. 1/2023.	8 Februari 2023	Bilik Gemilang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh KPE, PL.
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/ Provisional Sum Perbadanan Labuan Bil. 2/2023.	12 Julai 2023	Bilik Gemilang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh KPE, PL.

BIL.	TAJUK MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT / PENERUSI
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/ Provisional Sum Perbadanan Labuan Bil. 3/2023.	19 September 2023	Bilik Gemilang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh KPE, PL.
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/ Provisional Sum Perbadanan Labuan Bil. 4/2023.	14 November 2023	Bilik Gemilang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh KPE, PL.
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT)/Perubahan Kerja (VO)/ Provisional Sum Perbadanan Labuan Bil. 5/2023.	29 November 2023	Bilik Sentosa, Tingkat 9, Menara Perbadanan Labuan. Dipengerusikan oleh TKPE (Pembangunan).

Jadual 10: Senarai Mesyuarat EOT/VO/Provisional Sum PL yang Bersidang pada Tahun 2023.

## 19. Lawatan Turun Padang (TUPA) Projek-projek Pembangunan YB Menteri/Timbalan Menteri/Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah/Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan, JWP/Ketua Pegawai Eksekutif/Timbalan KPE Perbadanan Labuan

BIL.	TARIKH	TEMPAT / PENERUSI
1.	12 Mei 2023 (Jumaat) bersama-sama Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) JPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL.</li> <li>ii. Pembinaan Cell Sanitary Landfill dan Naik Taraf Leachate Treatment Plan, WP Labuan.</li> <li>iii. Pembinaan Jalan Pesisir Pantai dari Membedai ke Tanjung Aru, WP Labuan.</li> </ul>
2.	19 Mei 2023 (Jumaat) bersama-sama Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) JWP	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menaik Taraf Anjung Selera Milik PL.</li> <li>ii. Pembinaan Cell Sanitary Landfill dan Naik Taraf Leachate Treatment Plan, WP Labuan.</li> <li>iii. Solar Farm di Tg. Kubong.</li> <li>iv. Kawasan rumah di Kg. Ganggarak (Banjir Kilat).</li> <li>v. Smart City Labuan Fasa 1 (Kg. Layang-Layangan).</li> <li>vi. Menaik taraf Anjung Budaya Perbadanan Labuan dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-Layangan.</li> <li>vii. Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) di Kiamsam.</li> <li>viii. Hutan Simpan Kekal (HSK) di Kinabenua.</li> </ul>
3.	24 Mei 2023 (Rabu) bersama-sama Ketua Penolong Pengarah ICU, JPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembinaan Blok Baharu Bagi Kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) serta lain-lain Kemudahan Asas OKU di SMK Mutiara, WP. Labuan.</li> <li>ii. Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL.</li> </ul>
4.	10 - 11 Julai 2023 (Isnin & Selasa) bersama-sama Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan, JPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menaik Taraf Anjung Selera Milik PL.</li> <li>ii. Menaik Taraf Pasar Sentral, WP Labuan.</li> <li>iii. Menaik Taraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan.</li> <li>iv. Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1, WP Labuan.</li> </ul>
5.	7 September 2023 (Khamis) bersama- sama Pengarah ICU, JPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Program Perumahan Rakyat Batu Arang, WP Labuan.</li> <li>ii. Kerja-kerja Penyelenggara/Menaik Taraf Premis Penjaja E-kasih serta Kerja-kerja Berkaitan di WP. Labuan; dan</li> <li>iii. Membina Empat (4) Unit Gerai Jualan Makanan di Kg. Patau-Patau 2, WP Labuan.</li> </ul>

BIL.	TARIKH	TEMPAT / PENERUSI
6.	22 - 23 Oktober 2023 (Ahad & Isnin) bersama-sama Ketua Pengarah, JWP	i. Projek Bekalan Air Labuan (BBL). ii. Stesen Jana Kuasa Patau-Patau.
7.	4 November 2023 (Sabtu) Bersama- sama Ketua Setiausaha Negara	i. Projek Bekalan Air Labuan (BBL); dan ii. Stesen Jana Kuasa Patau-Patau.

Jadual 11: Senarai Lawatan Turun Padang (TUPA) pada Tahun 2023.



Gambar 18: Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) JPM Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Kakitangan pada 12 Mei 2023.



Gambar 19: Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan Dan Pembangunan) JWP Bersama- sama Pegawai PL Ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL, iaitu Project House pada 19 Mei 2023.

Gambar 20: Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) JWP Bersama-sama Pegawai PL ke Kawasan Rumah di Kg. Ganggarak (Banjir Kilat) pada 19 Mei 2023.



Gambar 21: Lawatan Ketua Penolong Pengarah ICU, JPM Bersama-sama Pegawai-PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL, iaitu Tapak Project House pada 24 Mei 2023.



Gambar 22: Lawatan Ketua Penolong Pengarah ICU, JPM Bersama-sama Pegawai- PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL, iaitu pada 24 Mei 2023.



Gambar 23: Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan), JPM, Pegawai JWP, ICU, JPM Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Jambatan Patau-Patau 1, pada 10-11 Julai 2023.



Gambar 24: Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan), JPM, Pegawai JWP, ICU, JPM Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Kakitangan PL, pada 10-11 Julai 2023.



Gambar 25: Lawatan Pengarah dan Pegawai Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Jambatan Patau-Patau 2, WP Labuan (Kerja-Kerja Menyelenggara Titi/Laluan Penjalan Kaki Hj. Sulaiman Wanchi Kg. Patau-Patau Dua Serta Kerja-kerja Berkaitan Di WP Labuan) pada 7 September 2023.



Gambar 26: Lawatan Pengarah dan Pegawai-pegawai Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) Bersama-sama pegawai PL ke tapak projek Membina Empat (4) Unit Gerai Jualan Makanan di Kg. Patau-Patau 2, di WP Labuan pada 7 September 2023.



Gambar 27: Lawatan Pengarah dan Pegawai Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Membina Kiosk di Kampung Patau-Patau 2 Pada 7 September 2023.



Gambar 28: Lawatan Pegawai-pegawai Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Dewan Komuniti Kg. Patau-Patau 1, di WP. Labuan pada 7 September 2023.




Gambar 29: Lawatan Ketua Pengarah, JWP Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Jana Kuasa Elektrik (SESB), di WP Labuan pada 22 Oktober 2023.



Gambar 30: Lawatan Ketua Pengarah, JWP Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Bahagian Bekalan Air (BBA), di WP. Labuan Pada 22 Oktober 2023.



Gambar 31: Lawatan Ketua Pengarah, JWP Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Menaik Taraf Jambatan Patau-Patau 1 di WP Labuan pada 22 Oktober 2023.



Gambar 32: Lawatan Ketua Pengarah, JWP Bersama-sama Pegawai PL ke tapak projek Smart City Labuan Fasa 1 (Amaran Tsunami) di Kg. Sungai Miri WP Labuan pada 23 Oktober 2023.



Gambar 33: Lawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Bersama-sama Pegawai PL ke Tapak Projek Bahagian Bekalan Air (BBA), di WP Labuan pada 17 November 2023.



Gambar 34: Lawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Bersama-sama pegawai PL ke Tapak Projek Jana Kuasa Elektrik (SESB) di WP Labuan pada 17 November 2023.

## 20. Pembangunan Dan Penyelenggaraan Infastruktur

### I. Projek-projek Kecil

Jumlah Anggaran Kos = RM934,172.65

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	CATATAN
1.	Kerja-kerja Membaik Pulih 7 Buah Gazebo di Pantai Rekreasi Kampung Sungai Lada dan Kampung Batu Manikar, WP Labuan	49,239.20	100%
2.	Kerja-kerja Membaik Pulih Bangunan Astaka Serta Kerja Berkaitan di Kampung Pohon Batu, WP Labuan	63,143.00	100%
3.	Kerja-kerja Membina Bumbung Terbuka di Pentas Balai Raya Kampung Bukit Kalam, WP Labuan	78,858.00	100%
4.	Kerja-kerja Menaik Taraf Dewan Terbuka (Pentas) di Kampung Layang-Layangan, WP Labuan	71,856.00	100%
5.	Kerja-kerja Menaik Taraf Gelanggang Futsal Kampung Bebuloh Laut, WP Labuan	55,342.50	100%
6.	Kerja-kerja Menaik Taraf Lampu Limpah di Padang Majal Kampung Pohon Batu, WP Labuan	94,694.95	100%
7.	Menaik Taraf Gerai Penjaja Taman Mutiara, Kampung Sungai Bedaun, WP Labuan	162,279.00	
8.	Pembangunan Lestari Niaga Tanah di Kampung Pantai, WP Labuan	120,000.00	
9.	Projek Menaik Taraf Surau Kelab Golf Antarabangsa	238,760.00	

Jadual 12: Senarai Projek-projek Kecil.





Gambar 35: Projek-projek Kecil.

## II. Penyelenggaraan Jalan Kampung

Jumlah Anggaran Kos = RM181,578.40

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Simpang 37, Kampung Pohon Batu, WP Labuan	4,045.00
2.	Simpang 27, Kampung Lajau, WP Labuan	15,317.10
3.	Simpang Bunga Raya 7, Kampung Sungai Miri, WP Labuan	17,467.00
4.	Simpang 20, Kampung Batu Manikar, WP Labuan	3,533.50
5.	Simpang 22, Kampung Sungai Buton, WP Labuan	8,874.50
6.	Jalan Masuk ke Kuburan Kampung Batu Manikar, WP Labuan	12,946.00
7.	Simpang Utama ke Balai Raya Kampung Bukit Kuda, WP Labuan	9,380.00
8.	Simpang 28, Kampung Pohon Batu, WP Labuan	8,874.50
9.	Simpang No 12, Kampung Pohon Batu	8,960.50
10.	Simpang 6, Kampung Batu Manikar, WP Labuan	9,750.80
11.	Simpang Betara, Tanjung Kubung, Kampung Lubuk Temiang	2,659.20
12.	Blok 8, Kampung Layang-Layangan	7,975.00
13.	Simpang 20, Kampung Pohon Batu	4,456.90
14.	Simpang Punai/Simpang Hj Wahab, Kampung Bukit Kalam	11,521.00
15.	Lorong No.3 Merinding	4,803.00
16.	Bukit Kuda Simpang Surau	14,245.80
17.	Simpang Telaga 9, Kampung Bukit Kalam	17,786.10
18.	Simpang 6 Jalan Kolam, Kampung Batu Arang	11,062.50
19.	Jalan Simpang Surau, Kampung Bukit Kuda	7,920.00

Jadual 13: Senarai Jalan Kampung Yang Telah Dibaiki.



Gambar 36: Penyelenggaraan Jalan Kampung.

### III. Penyelenggaraan Titian Pejalan Kaki

BIL.	PERKARA
1.	Jambatan Simpang Tn. Hj. Sulaiman, Kampung Patau-Patau 2
2.	Jambatan A Kampung Bebuloh Laut
3.	Jambatan Parking C, Kampung Bebuloh Laut
4.	Jambatan Depan Rumah Ali Hj. Omar, Kampung Bebuloh Laut
5.	Jambatan Simpang Tiga Naming bte Maidin, Kampung Bebuloh Laut
6.	Jambatan Razali Kampung Ranca-Ranca
7.	Jambatan KK Rosman Kampung Ranca-Ranca

Jadual 14: Senarai Jambatan/Titian Kampung Yang Telah Dibaiki.



Gambar 37: Penyelenggaraan Titian Pejalan Kaki.

#### IV. Penyelenggaraan Kemudahan Awam

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Kerja-kerja Membina Perhentian Bas Serta Kerja-kerja Berkaitan di Jalan Kolam, WP Labuan	26,774.60

Jadual 15: Senarai Penyelenggaraan Kemudahan Awam.





Gambar 38: Penyelenggaraan Kemudahan Awam.

## V. Program Baik Pulih Rumah dan Bina Baharu (KPKT)

Program Baik Pulih Rumah di Bandar Fasa 1 tahun 2023 adalah di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi WP Labuan. Senarai nama yang terlibat seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	ALAMAT
1.	Jalunis binti Sabuting	BL 0023, Bebuloh Laut
2.	Hamijal bin Rejab	LL 0157, Blok 9, Simpang Hj. Rajab Balal, Kampung Layang-Layangan
3.	Azry Azijul bin Jarman	LL 025, Blok 8 Simpang Halidin, Kampung Layang-Layangan
4.	Rosdianah binti Mujin	Kampung Lubuk Temiang
5.	Rosli bin Arbie	LT 0549, Simpang Banting, Kampung Lubuk Temiang
6.	Teimah binti Duraman @ Rukiah Binti Rahman	LT 0181, Kampung Lubuk Temiang
7.	Spencer bin Saffrin	PP 0024, Kampung Patau-Patau 1
8.	Hassan bin Kasbullah	No. 0086, Kampung Patau-Patau 1
9.	Patiam binti Juai Karumoh	PB 0147, Simpang 7, Kg. Pohon Batu
10.	Azzuan bin Ngiru @ Matzin	Simpang 30, Kg. Sg. Buton
11.	Subly bin Juhile	Simpang 23, Kg. Sg. Buton
12.	Nur Al Awie bin Pustin	SL 0254, Jalan Kiarong, Kampung Sungai Labu
13.	Mariam binti Muhamad	LM 0149, Simpang 12, Taman Dinamik, Kg.Sg. Lada
14.	Jumat bin Saman	LM 0027, Simpang 3, Taman Anggun, Kg.Sg. Lada
15.	Asiah binti Arsad	TA 0712, Tanjung Aru Nelayan, Kampung Tanjung Aru
16.	Norasfawila binti Hamzah	Rumah PPRT, Simpang Hj. Ali, Bebuloh Darat

Jadual 16: Senarai Nama Yang Terlibat Program Baik Pulih Rumah dan Bina Baharu (KPKT).

Program Bina Baharu Rumah di Bandar Fasa 1 Tahun 2023 di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di WP Labuan. Senarai nama yang terlibat seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	ALAMAT
1.	Joshua Chang	Simpang No. 4, Kampung Sungai Bangat

Jadual 17: Senarai Nama Yang Terlibat Program Bina Baharu Rumah di Bandar Fasa 1 Tahun 2023 di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di WP Labuan.



Gambar 39: Program Bina Baharu Rumah di Bandar Fasa 1 Tahun 2023.

## VI. Projek Membina Empat Unit Gerai di Kampung Patau-Patau Dua (Projek ICU)

Program Baik Pulih Rumah di Bandar Fasa 1 tahun 2023 adalah di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi WP Labuan. Senarai nama yang terlibat seperti yang berikut:

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Membina Empat (4) Unit Gerai Jualan Makanan di Kampung Patau-Patau Dua, Wilayah Persekutuan Labuan	300,000.00

Jadual 18: Senarai Projek Membina Empat Unit Gerai di Kampung Patau-Patau Dua.



Gambar 40: Projek Membina Empat Unit Gerai di Kampung Patau-Patau Dua (Projek ICU).

## VII. Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil (P28000)

Jumlah Anggaran Kos = RM156,487.90

Terdapat lima projek yang dilaksanakan, iaitu:

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Kerja-kerja Membaik Pulih Jambatan Serta Kerja-kerja Berkaitan di Simpang Hj Arsat bin Hj Bakar Kampung Patau-Patau 2, WP Labuan.	19,792.50
2.	Kerja-kerja Membaik Pulih Jambatan Serta Kerja-kerja Berkaitan di Jambatan Perhubungan Kawasan Parking C Kampung Bebuloh Laut, WP Labuan.	49,993.00
3.	Kerja-kerja Membaik Pulih Jambatan Serta Kerja-kerja Berkaitan di Simpang Naim bin Jikar di Kampung Bebuloh Laut, WP Labuan.	48,954.00

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)
4.	Kerja-kerja Membaik Pulih Culvert dan Jalan Simen Serta Kerja-kerja Berkaitan di Blok 3 Jalan Alidas, Kampung Layang-Layangan WP Labuan.	17,908.40
5.	Kerja-kerja Meroboh Serta Pembersihan Tapak Balai Raya Kampung Bukit Kalam WP Labuan.	19,840.00

Jadual 19: Senarai Projek Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dilaksanakan.



Gambar 41: Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil (P28000).

## 21. Peruntukan Khas Daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Bagi Sumbangan Tangki Air Di WP Labuan

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Kerja-kerja Membekal dan Menghantar Tangki Air di Wilayah Persekutuan Labuan.	456,375.00

Jadual 20: Senarai Projek Peruntukan Khas Daripada ICU Bagi Sumbangan Tangki Air di WP Labuan.

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Kg. Layang-Layangan	40 UNIT
2.	Kg. Kilan Pulau Akar/Kilan Kassim	39 UNIT
3.	Kg. Bukit Kuda	40 UNIT
4.	Kg. Sungai Labu	40 UNIT
5.	Kg. Sungai Bedaun	40 UNIT
6.	Kg. Ganggarak	40 UNIT
7.	Kg. Bukit Kalam	40 UNIT
8.	Kg. Batu Manikar	40 UNIT
9.	Kg. Lubok Temiang	40 UNIT
10.	Kg. Pohon Batu	40 UNIT
11.	Kg. Durian Tunjung	40 UNIT
12.	Kg. Sungai Lada	40 UNIT
13.	Kg. Belukut	40 UNIT
14.	Sg. Buton	40 UNIT
15.	Sg. Miri	40 UNIT
16.	Kg. Bebuloh	40 UNIT
17.	Kg. Lajau	42 UNIT
18.	Tambahan dari setiap kampung	69 UNIT
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>750 UNIT</b>

Jadual 21: Senarai Penerima Tangki Mengikut Kampung.



Gambar 42: Sumbangan Tangki Air di WP Labuan.

## 21. Peruntukan Khas Daripada Jwp Bagi Penyediaan Kaki Tangki/platform Dan Tambahan Tangki Air

Jumlah Anggaran Kos: RM 1,048,100.00

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	CATATAN
1.	Perolehan Membekal dan Menghantar Tangki Air di Wilayah Persekutuan Labuan.	156,250.00	100%
2.	Perolehan Kerja-kerja Membekal dan Menyiapkan Tiang Tangki Air di Wilayah Persekutuan Labuan.	891,850.00	Dalam Pelaksanaan

Jadual 22: Senarai Projek Peruntukan Khas daripada JWP Bagi Penyediaan Kaki Tangki / Platform dan Tambahan Tangki Air.

BIL.	KAWASAN	JUMLAH TANGKI (UNIT)
1.	Kg. Bukit Kuda	20
2.	Kg. Layang-Layangan	23
3.	Kg. Durian Tunjong	20
4.	Kg. Ganggarak/Merinding	18
5.	Kg. Lajau	23
6.	Kg. Pohon Batu	21
7.	Kg. Belukut	20
8.	Kg. Lubuk Temiang	31
9.	Kg. Bukit Kalam	21
10.	Kg. Sungai Bedaun	20
11.	Kg. Rancha-Rancha	1
12.	Kg. Sungai Labu	1
13.	Kg. Pantai	1
14.	Kg. Sungai Lada	2
15.	Kg. Tanjung Aru	1
16.	Kg. Sungai Keling	2
17.	Kg. Sungai Bangat	1
18.	Kg. Batu Arang	1
19.	Kg. Batu Arang	1
20.	Kg. Kilan/ Pulau Akar	2
21.	Kg. Batu Manikar	1
22.	Segumau	1
23.	Lain-lain Penerima	2
24.	Senarai Permohonan dari PL	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>250 UNIT</b>

Jadual 23: Senarai Penerima Tangki Mengikut Kampung.




Gambar 43: Penerima Tangki Mengikut Kampung.



# **PELABURAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KOMUNITI**

# 1. Inisiatif Meningkatkan Hasil



Carta 1: Sumbangan Hasil Perbadanan Labuan.



Carta 2: Pecahan Sumbangan Hasil.

Pada tahun 2023, sejumlah 18,880 hartanah (1,684 hartanah bangunan kerajaan persekutuan) yang layak telah dikenakan cukai taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar pada tahun semasa dengan anggaran pendapatan sebanyak RM22 juta. Peningkatan pendapatan ini diperoleh daripada peningkatan hartanah sebanyak 268 berbanding 18,612 hartanah yang layak di cukai pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah keseluruhan hartanah tersebut, sebanyak 810 hartanah yang mempunyai cukai di bawah RM5.00 dan hartanah ini terkecuali daripada bayaran sepertimana termaktub dalam undang-undang. Inisiatif ini secara tidak langsung juga bertujuan membantu golongan yang terkesan terutamanya golongan B40 untuk mengharungi cabaran pasca pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.


Sehubungan dengan itu, cukai yang telah dituntut pada tahun semasa adalah sebanyak RM15,014,082.00 bagi cukai taksiran dan sebanyak RM7,150,413.70 bagi Sumbangan Membantu Kadar. Jumlah keseluruhan bayaran yang berjaya dikutip oleh Perbadanan Labuan (PL) adalah sebanyak RM22,164,495.70

Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2023, jumlah hasil keseluruhan sewaan bagi rumah sewa dan premis niaga serta pajakan tanah yang berjaya dikutip ialah RM10,644,706.05. Pecahan hasil sewaan dan pajakan adalah seperti yang berikut:

BIL.	OPERASI	JUMLAH HASIL TAHUN 2023 (RM)
1.	Pajakan Tanah	6,870,625.45
2.	Rumah Sewa	1,813,261.40
3.	Premis Niaga	1,960,819.20
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>10,644,706.05</b>

Jadual 1: Pecahan Hasil Sewaan dan Pajakan bagi Tahun 2023.

### JUMLAH HASIL SEWAAN DAN PAJAKAN TANAH TAHUN 2023



Carta 3: Jumlah Hasil Sewaan dan Pajakan Tanah Tahun 2023.

## 2. Inisiatif Perkasa Peniaga Dan Penjaja Kecil

Peniaga dan penjaja kecil ialah “nadi” dalam ekosistem perkembangan ekonomi WP Labuan kerana khidmatnya dalam menawar pelbagai keperluan harian masyarakat. Impak hubungan itu memberi gambaran sumbangan peniaga dan penjaja kecil penting kerana membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi WP Labuan. PL telah memberi inisiatif berupa diskaun sewa selepas mengambil kira kesusahan dan beban kewangan yang ditanggung peniaga-peniaga kecil di bangunan Pasar Sentral. Inisiatif tambahan dan berterusan yang diperkenalkan ini merupakan usaha berterusan PL sejak dulu hingga kini dalam meringankan beban penjaja dan peniaga kecil di WP Labuan selain menyumbang kepada ekonomi setempat.



## 3. Inisiatif Naik Taraf Gerai Dan Premis Perniagaan Penjaja Dan Peniaga


Inisiatif menaik taraf fasiliti gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada di WP Labuan bukan sekadar memberi manfaat kepada kelompok itu malah kepada seluruh masyarakat umum. Tujuan inisiatif ini adalah menjadikan fasiliti gerai-gerai dan premis niaga lebih bersih, indah, moden, selesa, selamat dan tersusun. Pada tahun ini, PL berjaya menyiapkan kerja-kerja naik taraf di laman lokasi pusat penjaja serta gerai bagi penjaja dan peniaga kecil di seluruh WP Labuan untuk dinaiktarafkan dengan peruntukan RM4 juta.



Gambar 1: Poster Inisiatif Naik Taraf Gerai dan Premis Perniagaan Penjaja dan Peniaga Kecil WP Labuan 2023.



Gambar 2: Poster 7 Buah Projek Naik Taraf Melibatkan Peruntukan Sebanyak RM3,000,000.00.



Gambar 3: Poster Naik Taraf Pasar Sentral Labuan dengan Melibatkan Peruntukan Sebanyak RM1,000,000.00.

#### 4. Penjualan Unit Rumah Kos Sederhana Rendah Taman Mutiara, Kampung Sungai Bedaun

PL sedar bahawa isu rumah mampu milik semakin mendesak, dan tindakan segera diperlukan. Oleh itu, PL memperkenalkan penjualan Rumah Mampu Milik bagi membantu rakyat Malaysia khususnya warga WP Labuan membeli rumah pertama pada harga mampu milik. Rumah tersebut mempunyai empat bilik tidur dan dua bilik air dengan keluasan 850 kaki persegi. Harga seunit adalah di antara RM90,000.00 sehingga RM97,500.00 mengikut tingkat. Sepanjang tahun 2023, sebanyak tujuh rumah telah terjual yang mana PL memperoleh hasil perolehan sebanyak RM682,500.00.

#### 5. Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Bagi menjalankan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Labuan, setiap tahun program seminar pengurusan strata akan dilaksanakan oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) PL.

Pada 25 Oktober 2023 (Rabu), JPPH PL Labuan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Seminar Pengurusan Strata Tahun 2023 WP Labuan yang bertempat di Bilik Seminar Rafflesia, Ujana Kewangan Labuan.

Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk mewujudkan pengurusan strata yang lebih sistematik dan efisien. Selain itu, seminar ini juga diadakan setiap tahun bagi memastikan pendidikan berterusan kepada komuniti strata dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai pengurusan strata terhadap kehidupan di bangunan berstrata.

Seminar ini disertai oleh 70 orang peserta yang terdiri daripada badan pengurusan bersama (JMB), pemaju, agensi kerajaan, persatuan penduduk dan pemilik petak. Turut bersama-sama dalam majlis ini ialah Pengarah JPPH, Puan Norsiah binti Udin serta pegawai-pegawai PL.

Antara Koleksi Gambar Seminar Pengurusan Strata Tahun 2023 WP Labuan:




Gambar 4: Seminar Diadakan di Bilik Seminar Rafflesia, Ujana Kewangan Labuan.




Gambar 5: Turut Bersama-sama dalam Seminar, Pengarah JPPH, PL, Pegawai JPN, KPKT dan Konsultan.



Gambar 6: Penceramah Jemputan Encik Amirul Amir, JPN, KPKT.



Gambar 7: Penceramah Jemputan Encik Kama Azizi JPN, KPKT



Gambar 8: Penceramah Jemputan Puan Viviana, AIA.



Gambar 9: Penceramah Jemputan Encik Kuan You Wai.



Gambar 10: Peserta Seminar Pengurusan Strata Tahun 2023 WP Labuan.



Gambar 11: Peserta Seminar Pengurusan Strata Tahun 2023 WP Labuan.

## 6. Inisiatif Pelaburan

Pada tahun 2023, PL meneruskan penumpuan kepada pemulihan ekonomi pasca Covid-19. Unit Pelaburan bermula tahun 2022 telah mewujudkan pangkalan data berkaitan pelaburan agar harta tanah PL dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan ekonomi tempatan sekaligus memberi peluang kepada pelabur yang berpotensi memulakan perniagaan dengan kadar harta tanah yang berpatutan atau lebih rendah.

Unit ini masih meneruskan peranan untuk memproses dan melaksanakan projek berkaitan pembangunan yang melibatkan penswastaan, pajakan tanah dan Request for Proposal (RfP) bagi tanah milik PL dan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).

Tumpuan pelaburan juga memfokuskan penyelesaian masalah air, elektrik, telekomunikasi (infrastruktur asas) dan kemudahan selaras dengan halatuju pembangunan Labuan iaitu Sejahtera, Mampan dan Pintar berpandukan Labuan Blueprint 2030 dan Rancangan Struktur Labuan 2040.

Selaras dengan pengumuman peruntukan yang diumumkan dalam Bajet 2024 oleh YAB Perdana Menteri, beliau mengumumkan peruntukan untuk pembaikan paip air dan infrastruktur berkaitan air di seluruh Pulau Labuan dijangka dapat menyelesaikan masalah air di pulau ini nanti. Peruntukan yang dimaksudkan adalah sebanyak RM1.1 bilion untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Labuan, Sabah dan Kelantan.


Bagi pemulihan ekonomi secara holistik, YAB Perdana Menteri juga menyokong pembangunan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (IBFC) sebagai hab kewangan Islam yang mematuhi Syariah sepenuhnya dengan mengumumkan pengecualian cukai penuh akan diberikan selama lima (5) tahun kepada entiti yang menjalankan aktiviti kewangan atau perdagangan berkaitan Kewangan Islam di Wilayah Persekutuan Labuan.



Insentif ini pastinya akan meningkatkan potensi Labuan untuk menarik pelabur teknologi kewangan (fintech) yang pakar dalam kewangan Islam dan merupakan insentif yang terbaik bagi menarik pelabur ke Labuan untuk menjalankan aktiviti kewangan atau perdagangan yang berkaitan dengan Kewangan Islam.

### I. Delegasi Pelabur ke WP Labuan

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 24 syarikat/delegasi pelabur telah datang ke PL untuk membuat pembentangan dan berhasrat untuk meneroka peluang pelaburan di WP Labuan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menaiktaraf infrastruktur asas dan menjadikan Labuan sebagai Smart Island City, syarikat yang datang menawarkan projek-projek berkaitan:

- i. Infrastruktur Asas (Air, Elektrik, Telekomunikasi);
- ii. Pendigitalan (Kewangan/Financial Technology);
- iii. Penjagaan kesihatan(Hospital, Klinik);
- iv. Pertanian (Food Security);
- v. Blockchain;
- vi. Pendidikan (Pengajian Tinggi); dan
- vii. Pelancongan (Penerbangan Terus/Charter Flight)

BIL.	NAMA SYARIKAT	CADANGAN PELABURAN
1.	My Iskandar Sdn Bhd, Johor, Malaysia	Melihat potensi pelaburan dalam Industri Kewangan. Lawatan daripada IRDA bersama Kerajaan Negara Cambodia.
2.	China Construction Bank Corporation, Cawangan Labuan, Malaysia	Menawarkan PL untuk membuka akaun bank komersil dan boleh memberikan pinjaman untuk projek kerajaan.
3.	Harris Mohd Saleh Sabah, Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelancongan</li> <li>ii. Pemasangan kenderaan di kawasan Perindustrian Ranca-Ranca</li> <li>iii. Jambatan Labuan dan Pelabuhan Antarabangsa</li> </ul> 
4.	Ng Vai Kwang Labuan, Malaysia	Ingin menjadikan medan selera / restoran makan tradisional dan makanan laut di tapak Lot 6633 dan 6634.
5.	CMKC Consortium Co. Ltd, Korea	Cadangan Pelaburan Langsung Asing oleh GG56 Korea – "Labuan Blockchain Island".
6.	Municipal Government of Zhenjiang, Jiangsu Province, China	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan Perindustrian</li> <li>ii. Ingin meneruskan Kerjasama Friendly City Cooperation dengan Labuan</li> </ul>
7.	TellHow International (Malaysia) Sdn Bhd	<p>"Bandaraya pintar contoh menjelang 2033 :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Grid elektrik berkuasa tinggi secara G2G</li> <li>ii. Loji tenaga - Tenaga Hidro, Gabungan Kitaran Turbin Gas (Combined Cycle Gas Turbine - CCGT), Photovoltaic dan Pengagihan Kuasa</li> <li>iii. Loji Insinerator Pelupusan Sampah "Waste-to-Energy"</li> <li>iv. Bandar pintar "Smart City" dan penyelesaian penjimatan tenaga</li> <li>v. Modal teroka "Venture Capital" dan "Private Equity"</li> </ul>
8.	China Railway Engineering Corporation (M) Sdn Bhd, Kerjasama Negara China dan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cadangan jambatan dari Labuan ke Menumbok, Sabah</li> <li>ii. Cadangan penggantian paip air (saluran utama) yang diletakkan di bawah cadangan jambatan</li> <li>iii. Cadangan penggantian kabel dasar laut (elektrik) untuk diletakkan di bawah cadangan jambatan</li> <li>iv. Cadangan Pelabuhan Bersepadu Labuan di Ranca-Ranca</li> <li>v. Loji janakuasa gas kitaran gabungan bebas 200mw untuk ditempatkan di Labuan bagi memenuhi keperluan industri dan domestic</li> </ul>
9.	CN Eleco Engineering Sdn Bhd, Malaysia	Pusat tadahan air pesisir pantai dengan menapis air laut menjadi air tawar.
10.	UMS dan Universiti dari China	Membuka cawangan antarabangsa untuk pelajar dari China.
11.	IWS Enviro, Malaysia	Pengurusan sisa pepejal.
12.	Mudah Health Capital	Bertujuan untuk membina hospital di WP Labuan.
13.	WIPPD Pathway to Scale London	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membantu syarikat teknologi yang bercita-cita tinggi untuk memasuki pasaran baharu dalam masa yang singkat, dengan kos yang lebih rendah dan risiko yang lebih rendah.</li> <li>ii. Menyediakan kepakaran/pandangan kepada individu/ syarikat yang ingin berkembang dalam perniagaan antarabangsa.</li> </ul>

BIL.	NAMA SYARIKAT	CADANGAN PELABURAN
14.	AHW - Advance Heritage Work Company, Malaysia	Cadangan mengukur semula bangunan kerajaan dimulakan dengan bangunan PL secara digital.
15.	Green Area Technology Sdn. Bhd., Malaysia Private Finance Initiative (PFI)	Untuk membekal, memasang dan menyelenggara lampu jalan LED solar pintar (Smart Solar LED Street Light - SSLSL)
16.	Malaysia Inbound Tourism Association Sunflower Holidays Sdn Bhd	Kerjasama pembangunan pelancongan Labuan-kapal terbang sewa khas Moscow ke Labuan
17.	Seaview Assets Sdn Bhd., Johor, Malaysia	Perancangan Pembangunan di Pulau Papan. 
18.	Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd	Hasil daripada bengkel Bandar Pintar yang diadakan pada 21 Nov 2023, pihak syarikat telah membuat pembentangan dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), PL. Manakala Pengurusan Atasan Huawei Malaysia telah membuat pembentangan kepada Pengerusi PL di KL. 
19.	Symphonet Sdn Bhd., Malaysia	Pembangunan rangkaian kabel gentian optik untuk perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G dan 5G.
20.	L1 Bank, Malaysia	Membangunkan Pulau Papan sebagai pusat peranginan berkonsepkan pertanian dan berminat membangunkan resort/ chalet berhampiran padang golf. 

BIL.	NAMA SYARIKAT	CADANGAN PELABURAN
21.	Labuan Rusukan Besar Resort Sdn Bhd.	Labuan Rusukan Besar Resort - "Equity Crowdfunding"
22.	Sum V King Energy PTE.LTD	Pelaburan dan pembangunan strategik Labuan dalam satu projek bersepadu.
23.	Midwest Green Sdn. Bhd., Malaysia	Pelaksanaan Projek Bersepadu Lampu Jalanraya Jenis LED untuk Perbadanan Labuan bagi Program Penjimatan Elektrik, Naiktaraf Teknologi Pintar dan Inisiatif Teknologi Hijau.
24.	J8K Energy Sdn. Bhd., Malaysia	Pembangunan Tenaga Solar Berskala Besar sebanyak 60MWac di Ranche-Ranche - Offshore Solar.

Jadual 2: Senarai Delegasi Pelabur dan Cadangan Pelaburan.

## II. Program Unit Pelaburan

PL berusaha untuk menarik pelaburan baharu (dalam dan luar negara) dan sedaya upaya mengekalkan pelaburan sedia ada dengan menambahbaik SOP / TOR sedia ada. Antara program yang dianjurkan dan yang disertai oleh Unit Pelaburan untuk menambahbaik SOP / TOR dan promosi pelaburan di Labuan adalah seperti berikut:

- a) Bengkel bersama Huawei Malaysia pada 21 November 2023.



Gambar 12: Stakeholders Workshop And Consultation Meeting: Review And Assessment Of The BIMP-EAGA Economic Corridors Missions In Labuan, Malaysia, pada 31 Mac 2023.



Gambar 13: Sesi Libat Urus Bersama Dewan-Dewan Perniagaan pada 14 Julai 2023.



Gambar 14: Bengkel Dasar Strategik Pelaburan Perbadanan Labuan pada 25-27 Julai 2023.

### III. Penyertaan Unit Pelaburan PL



Gambar 15: Pameran Sabah Oil & Gas and Energy Conference Exhibition (SOGCE), SICC, Kota Kinabalu pada 8 dan 9 Jun 2023.



Gambar 16: Sesi Libat Urus Berkenaan Special Tourism Investment Zone (STIZ) di antara MIDA, MOTAC, JWP, DBKL, Labuan Corporation dan UPEN Pulau Pinang, pada 12 Jun 2023.



Gambar 17: Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) oleh Kementerian Ekonomi Bersama Jabatan Wilayah Persekutuan, 20 Jun 2023.



Gambar 18: Sabah International Expo (SIE), SICC, Kota Kinabalu pada 21-24 September 2023.



Gambar 19: BIMP-EAGA Trade Convention 2023, Brunei Darussalam (BETCON), 25-29 Oktober 2023.



Gambar 20: Sesi Libat Urus Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 Bersama Dewan Perniagaan di WP Labuan (Siri 2) pada 15 November 2023.

- a) Bengkel Pengemaskinian SOP Advertising Permit Development License (APDL) Di Bawah Akta Pemajuan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] Jabatan Wilayah Persekutuan pada 9-11 Julai 2023.
- b) Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan (HBPL) 2023, 29-30 Julai 2023;
- c) Sesi Libat Urus Pengerusi PL bersama Media Labuan pada 18 Ogos 2023.
- d) Mesyuarat Penyelarasan Pelaburan Labuan JWP (Engagement Session With MIDA Putrajaya) pada 26 September 2023.

- e) Mesyuarat Penyelarasan Isu Penerbangan, Feri Kenderaan dan Pelabuhan di Wilayah Persekutuan Labuan (Sesi libat urus bersama Kementerian Pengangkutan dan MAVCOM pada 10 Oktober 2023;
- f) Sesi Libat Urus Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 bersama Dewan Perniagaan di WP Labuan (Siri 1) pada 19 Oktober 2023.
- g) International Finance & Labuan : Cooperations and Challenges 2023 (Labuan Regional Conference) pada 31 Oktober 2023.

## 7. Inisiatif Kerjasama Serantau



**SEKRETARIAT BIMP-EAGA LABUAN**  
 Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines  
 East ASEAN Growth Area  
 (BIMP-EAGA)

Pada tahun 2023, Unit Perancang Ekonomi (EPU) selaku Sekretariat Nasional diletakkan di bawah Kementerian Ekonomi. Antara hala tuju BIMP-EAGA yang diputuskan di dalam MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6 Februari 2023 yang lalu adalah seperti berikut:

### I. BIMP-EAGA VISION 2025 (BEV)

- a) Jawatan Kuasa Kerja dalam perbincangan & latihan penyusunan strategi mereka hendaklah berpandukan saranan ACT BEV 2025 Mid Term Review (MTR);
- b) Mengukuhkan mekanisme penyelarasan & pemantauan BIMP-EAGA oleh Sekretariat Nasional dan Kluster/Jawatankuasa Kerja di peringkat serantau dan dalam negara; dan
- c) Menyediakan rangka kerja Agenda Pasca 2025 lebih awal, sejajar dengan Agenda Pasca ASEAN 2025 & cadangan daripada ACT BEV 2025 MTR.

### II. Connectivity Project in Progress (PiP)

- a) Mempercepatkan pelaksanaan dan mengembangkan Projek Infrastruktur Keutamaan; dan
- b) Pihak berkepentingan BIMP-EAGA untuk menggunakan sepenuhnya infrastruktur yang diwujudkan untuk memudahkan perdagangan, pelaburan dan pelancongan di sub-rantau, terutamanya untuk membantu SME memasuki rantai nilai serantau dan global.

### III. Connectivity Pillar (Transport)

- a) Memudahkan penubuhan/penyambungan semula perkhidmatan udara dan perhubungan laut;
- b) Langkah-langkah kemudahan pengangkutan pantas – insentif kawal selia yang lebih baik; dan
- c) Bertemu dengan agensi berkaitan/sektor swasta untuk memulakan aktiviti ekonomi bagi menyokong laluan.

#### **IV. Tourism Pillar**

- a) Memberi tumpuan kepada Socio Cultural and Education (SCE), ICT, Alam Sekitar dan Pertanian dengan mengeratkan kerjasama yang mengutamakan pembangunan dan pemasaran produk; dan
- b) Bekerjasama dengan ASEAN dalam KEMPEN PROMOSI DAN AKTIVITI PELANCONGAN (SUBREGIONAL GROUPING).

#### **V. Chief Ministers, Governors, and Heads of Local Government Forum (CMGLF)**

- a) Memperkukuh Sekretariat BIMP-EAGA negeri dan wilayah dalam negara untuk memastikan penglibatan aktif pemimpin tempatan mereka; dan
- b) Memulakan aktiviti bersama sektor swasta iaitu dialog/misi perniagaan di kalangan pemimpin tempatan.

#### **VI. Connectivity Pillar : Trade Facilitation**

- a) BIMP-EAGA mewujudkan satu panduan dengan langkah-langkah untuk mengekalkan perdagangan;
- b) Mempercepatkan proses menandatangani LOI One Borneo Quarantine;
- c) Kluster TIPC mengenal pasti aktiviti untuk dipromosikan di dalam Zon Ekonomi untuk pelengkap sumber, kepelbagaian produk dan skala ekonomi; dan
- d) BIMP-EAGA menyediakan sokongan dan kemudahan yang diperlukan untuk Kajian Koridor Ekonomi seperti yang diminta oleh ADB.

#### **VII. Food Basket Pillar**

- a) a) ICT membantu petani dan nelayan bersedia menghadapi revolusi digital (Climate-Smart Agriculture);
- b) b) Mengintegrasikan pendekatan rantai nilai sub serantau untuk menghasilkan projek subregional; dan
- c) c) Melihat potensi industri makanan halal dan organik.

#### **VIII. Environment Pillar**

- a) Bekerjasama rapat dengan kerajaan tempatan dan kerajaan pusat dalam melaksanakan tindakan utama yang dikenal pasti dalam GCAP (KK, General Santos dan Kendari)
  - menyediakan pembiayaan yang diperlukan;
- b) Mempercepatkan penyediaan GCAP di Bandar Seri Begawan, Pontianak, Kuching dan Labuan; dan
- c) Menggalakkan penyebaran, penerimaan dan mengenal pasti aktiviti mengenai amalan terbaik ekopelancongan, pertanian dan perikanan yang mampan.

#### **IX. Connectivity : Power and Energy Infrastructure Cluster (PEIC)**

- a) PEIC untuk bekerjasama rapat dengan Pusat Tenaga ASEAN untuk kajian "The Renewable Energy Certificate (RECAP) dalam BIMP-EAGA" yang mungkin membentuk rangka kerja mengenai potensi pasaran untuk tenaga boleh diperbaharu (Renewable Energy); dan
- b) Untuk membangunkan TOR pada cadangan untuk kesalinghubungan (interconnectivity) grid kuasa rentas sempadan.

## **X. Connectivity Pillar : ICT**

- a) Meneruskan inisiatif penumpuan dan sinergi yang lebih besar antara ICT dan sektor lain (iaitu HRD, Agri, Pelancongan, Pengangkutan, SCD & Alam Sekitar – bandar pintar); dan
- b) Merebut peluang dalam ekonomi digital – 4IR

## **XI. Socio Cultural and Education Pillar**

- a) Penubuhan rangkaian BIMP-EAGA TVET dan IPT yang boleh menjana minat berasaskan pengetahuan produk dan perkhidmatan; dan
- b) Penumpuan kepada sektor lain iaitu ICT, Pelancongan, Alam Sekitar.

## **XII. Business Council (BEBC)**

Memperkuh penyertaan BEBC (pemain industri dan pihak berkepentingan sektor) di peringkat substantif dan projek.

## **XIII. Facilitation Centre (BIMP FC)**

- a) Negara-negara anggota perlu menyelesaikan isu penginstitutionan dan kapasiti institusi dalam BIMP-FC dengan segera menjelang 2023; dan
- b) BIMP-NS perlu mengukuhkan dan menambah baik penyelarasan dalam negara masing-masing.

## **XIV. Asian Development Bank (ADB)**

- a) Terus komited memberikan bantuan teknikal dan sokongan pengetahuan dalam pengangkutan, tenaga, pelancongan, alam sekitar, kemudahan perdagangan, koridor ekonomi, pembangunan kawasan sempadan dan bandar hijau;
- b) Menyokong pelaksanaan BEV 2025; dan
- c) Untuk menyediakan pembinaan keupayaan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

## **XV. ASEAN and Subregion**

- a) Menjalankan mesyuarat perundingan antara Sekretariat ASEAN, ADB, CIMT dan Pusat Pemudahcara BIMP-EAGA, dan badan sektor berkaitan ASEAN dan BIMP-EAGA untuk menghasilkan projek/aktiviti tertentu.

## **XVI. Development Partners**

- a) Jawatan Kuasa Kerja mendapatkan sokongan pembiayaan daripada Rakan Pembangunan terutamanya BKCF dengan mengenal pasti projek/aktiviti; dan
- b) Memuktamadkan Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi / Framework of Economic Cooperation (FoEC) dengan Jepun dan Korea.

## 8. Sesi Libat Urus (SLU) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar/inisiatif Pendapatan Rakyat (BMT/IPR) Tahun 2023

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan matlamat untuk menektahi kemiskinan tegar di seluruh Malaysia pada akhir tahun 2023. Pelbagai inisiatif dan program holistik telah dirangka melalui pendekatan keseluruhan negara (whole of nation approach) bagi memastikan pencapaian sifar kemiskinan di negara ini dapat disegerakan. Selaras dengan sasaran ini, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2023 bagi Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) Miskin Tegar (MT) pada 7 Disember 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan. Sesi libat Urus (SLU) ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dengan melibatkan kerjasama agensi seperti JPM, JWP, PL, MAIWP, JKM, ICU JPM, PERKESO dan PPZ. Peruntukan keseluruhan berjumlah RM200,000.00 telah disalurkan kepada PL oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berjumlah RM107,400.00 dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) berjumlah RM92,600.00. Peruntukan ini disalurkan untuk PL melaksanakan program SLU BMT/IPR bagi tahun 2023. Program ini melibatkan penerima seramai 358 Ketua Isi Rumah (KIR) daripada golongan miskin tegar.



Gambar 21: Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT)/Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

## 9. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT)/ Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)

Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT)/Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) ialah program Kementerian Ekonomi (KE) yang dilaksanakan bagi membantu golongan kategori miskin tegar yang terpilih dan berdaftar dalam sistem e-kasih. Program ini telah bermula dari tahun 2022 dan dijangka berakhir pada tahun 2025. Jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Perbadanan Labuan (PL) ialah sebanyak RM 3,110,850.00 bagi pelaksanaan program sehingga tahun 2025.

Sehingga Jun 2023, program BMT Fasa 1 yang dilaksanakan melibatkan seramai 44 orang Ketua Isi Rumah (KIR) daripada dua (2) lokaliti, iaitu lokaliti Kampung Patau-Patau Satu dan lokaliti Kampung Sungai Bedaun yang melibatkan tiga kampung, iaitu Kampung Sungai Bedaun, Kampung Sungai Buton dan Kampung Bukit Kallam.

Program BMT Fasa 1 melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta bagi membantu meningkatkan pendapatan dan kemahiran sedia ada peserta-peserta yang terlibat.

Antara program yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti bantuan bahan mentah dan kursus kemahiran spesifik. Bahan mentah diberikan mengikut kategori perniagaan peserta, iaitu kategori kulineri, nelayan, jahitan, servis kenderaan, penyaman udara, kimpalan, percetakan dan membaiki telefon. Manakala kursus kemahiran spesifik melibatkan kategori kulineri, jahitan, nelayan serta kategori perkhidmatan servis kenderaan, penyaman udara dan kimpalan.



Gambar 22: Kursus Kemahiran Spesifik Jahitan di Pusat Daya Maju (PDM) Bengkel Jahitan Kemas, Kampung Layang-Layangan pada 26 sehingga 28 Februari 2023.



Gambar 23: Kursus Kemahiran Spesifik Nelayan di Kompleks Perikanan LKIM Kiamسام, WP Labuan pada 23 sehingga 25 Mei 2023.



Gambar 24: Kursus Kemahiran Spesifik Servis Kenderaan, Penyaman Udara dan Kimpalan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) WP Labuan pada 10 sehingga 11 Jun 2023.



Gambar 25: Bantuan Bahan Mentah.

## 10. Program Peningkatan Ekonomi

### I. Program Peningkatan Pendapatan

Program Peningkatan Pendapatan telah dilaksanakan sejak RMK Ke-8 di bawah SPKR oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan (BPK), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan akan diteruskan pelaksanaannya oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR). Bagi tahun 2023, seramai 10 peserta dengan peruntukan sebanyak RM37,002.00 serta penambahan seramai dua peserta bagi siri tiga kumpulan dua dengan peruntukan sebanyak RM5,036.00 telah digunakan. Kesemua peserta terdiri daripada golongan Miskin Tegar dan Miskin. Dari 12 peserta tersebut, 10 peserta menjalankan perniagaan berasaskan makanan manakala dua peserta lagi menjalankan perniagaan jahitan.



Gambar 26: Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi, Puan Ernie binti Mohamad sedang Melawat Premis Perniagaan Salah Seorang Peserta Program Peningkatan Pendapatan Siri 3 Kumpulan Pertama, iaitu Puan Aini binti Kadir yang Menjalankan Perniagaan Kuih Apam Balik di Kampung Layang-Layangan, WP Labuan.



Gambar 27: Lawatan ke Kediaman Puan Ernah binti Gitom, Peserta Program Peningkatan Pendapatan Siri 3 Kumpulan 2 di Simpang Bunga Raya 1, Kg. Sg. Miri.



Gambar 28: Antara Jualan Makanan Yang Dibuat Oleh Puan Ernah Binti Gitom, iaitu Laksa dan Mihun Goreng.

## 11. Program Mampan Dan Sejahtera

Sebanyak 14 program telah diluluskan pada tahun 2023 dengan kos peruntukan sebanyak RM100,000.00 oleh Jabatan Wilayah Persekutuan. Program ini melibatkan dua kluster, iaitu Kluster Sosial dan Kluster Alam Sekitar.

BIL.	PROGRAM	AGENSI / NGO	PENCAPAIAN	TARIKH PELAKSANAAN
<b>KLUSTER SOSIAL</b>				
1.	Kecemerlangan Akademik (SPM) Sekolah Menengah Sains, Sekolah Menengah ST Anne, dan Sekolah Menengah Mutiara.	Jabatan Pendidikan Labuan	100%	10 November & 12 November 2023 17 November 2023 20 November 2023
2.	Program Permataku Sayang	Labuan Society	100%	25 November 2023
3.	Pertandingan Robotik	Perpustakaan Awam	100%	17 - 18 November 2023
4.	Kejohanan Lawn Bowls Labuan Merdeka Open Four 2023	Persatuan Boling Padang	100%	30 Ogos 2023 - 3 September 2023
5.	Program Peningkatan Kemahiran Wanita Kursus Membuat Keropok Muruku dan Kursus Mengubah Bunga Orkid	PUSPANITA	100%	18 November 2023 & 2 Disember 2023
<b>KLUSTER ALAM SEKITAR</b>				
6.	Program Gotong-royong & Kem Bestari Solat Bil. 1/2023	Perpustakaan Awam	100%	2 Disember 2023
7.	Program Lestari Alam	Majlis Belia Labuan	100%	26 November 2023
8.	Penanaman Pokok Pinggir Pantai	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	100%	28 Oktober 2023
9.	Penanaman Pokok Renek Berbunga di kawasan Pusat Bandar Labuan		100%	7 November 2023
10.	Penanaman Pokok Herba dan Pokok Buah		100%	20 Januari 2023
11.	Sesi Libat Urus Pemerksaan Komuniti Labuan Geopark Kg. Bebuloh	Jabatan Perancangan & Kawalan Bangunan	100%	8 November 2023
12.	Sesi Taklimat dan Aktiviti Gotong-royong Komuniti Labuan Geopark di Geotapak Layangan		100%	13 November 2023
13.	Projek Menaik Taraf Galeri Geopark di Sekolah Angkat Labuan Geopark		100%	28 November 2023
14.	Kursus Pengukuhan Komuniti Geoguide Labuan Geopark		100%	18 November 2023

Jadual 3: Senarai Program Mampan dan Sejahtera yang Telah Diluluskan pada Tahun 2023.





Gambar 29: Kecemerlangan Akademik (SPM).



Gambar 30: Pertandingan Robotik.



Gambar 31: Program Permataku Sayang.



Gambar 32: Pertandingan Lawn Bowl.



Gambar 33: Kursus Membuat Muruku.



Gambar 34: Kursus Mengubah Orkid.



Gambar 35: Program Gotong-royong dan Kem Bestari Solat.



Gambar 36: Program Lestari Alam.



Gambar 37: Kursus Pengukuhan Komuniti Geoguide Labuan Geopark.



Gambar 38: Projek Menaik Taraf Galeri Geopark Di Sekolah Angkat Labuan Geopark.



Gambar 39: Sesi Taklimat dan Aktiviti Gotong-royong Komuniti Labuan Geopark di Geotapak Layangan.



Gambar 40: Sesi Libat Urus Pemerksaan Komuniti Labuan Geopark, Kampung Bebuloh.



Gambar 41: Penanaman Pokok Pinggir Pantai.



Gambar 42: Penanaman Pokok Renek Berbunga di Kawasan Pusat Bandar Labuan.



Gambar 43: Penanaman Pokok Herba dan Pokok Buah.

## 12. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Labuan (MPPWP)

Sebanyak 14 program telah diluluskan pada tahun 2023 dengan kos peruntukkan sebanyak RM100,000.00 oleh Jabatan Wilayah Persekutuan. Program ini melibatkan dua kluster, iaitu Kluster Sosial dan Kluster Alam Sekitar.

### I. Watikah Pelantikan Ahli MPPWP

Bagi tahun 2023 Watikah Pelantikan Ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Labuan (MPPWP) telah dilantik pada 1 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024 bagi tempoh satu tahun. Pelantikan watikah telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 25 Julai 2023 bertempat di Wilayah Persekutuan Putrajaya yang melibatkan seramai 85 orang untuk jawatan pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan ahli jawatankuasa.



Gambar 44: Majlis Penyampaian Watikah MPPWP Sesi 2023/2024.



Gambar 45: Sesi Bergambar Penerima Watikah Bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif PL.



Gambar 46: Sesi Bergambar Penerima Watikah Bersama-sama Ketua Setiausaha Negara.

## II. Fungsi MPPWP

- a) Menyelaras pelaksanaan dasar, strategi dan isu-isu berkaitan pembangunan komuniti.
- b) Menyelaras pelaksanaan program dan aktiviti kesejahteraan bandar di peringkat zon dan sub zon secara sistematik dan bersepadu selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.
- c) Menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk daripada peringkat akar umbi kepada Kementerian dan PBT.
- d) Mengesyorkan program dan aktiviti bagi meningkatkan kesejahteraan Masyarakat di Wilayah Persekutuan.
- e) Meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat bandar melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

## III. Mesyuarat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Labuan (MPPWP)

Bagi Mesyuarat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Peringkat Berkuasa Tempatan Bil.1/2023 telah diadakan pada 20 November 2023 bertempat di Bilik Cemerlang, Wisma PL dan dipengerusikan oleh Encik Ibrahim bin Tambi selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PL.



Gambar 47: Mesyuarat MPPWP Bersama PBT Bil.1/2023.

## IV. Program Anjuran PBT Bersama MPPWP

Antara program yang dilaksanakan oleh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Labuan (MPPWP) dengan kerjasama bersama PL seperti yang berikut:

BIL.	OPERASI	TARIKH
1.	Program Lawatan MPPWP Labuan ke Perbadanan Putrajaya dan Program Bersama-sama MPPWP Putrajaya.	26 Julai 2023
2.	Retreat Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Labuan Sesi 2023/2024.	14 -15 Ogos 2023
3.	Kejohanan Tarik Tali Lelaki Terbuka Borneo.	22 - 24 Sept 2023
4.	Program Sukan dan Rekreasi Kg Tanjung Aru Untuk Semakan Data Kemiskinan e-Kasih Peringkat Sub Zon 5 WP Labuan Tahun 2023.	8 Oktober 2023
5.	Program Tamu Berkelampar Kg. Patau-Patau 1 untuk Semakan Data Kemiskinan e-Kasih Peringkat MPPWP Sub Zon 2 WP Labuan Tahun 2023.	8 Oktober 2023

Jadual 4: Senarai Program Anjuran PBT Bersama MPPWP.



Gambar 48: Retreat Pengurusan dan Pentadbiran Kewangan Kepada Ahli Jawatankuasa MPPWP Labuan.



Gambar 49: Sesi Lawatan dan Taklimat di Perbadanan Putrajaya.

## 13. Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung

### I. Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Merangkap Ketua Kampung bagi Sesi 2023-2025

Penyampaian watikah Ketua Kampung untuk tempoh tiga tahun (2023-2025) telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan Simsudin bin Sidek pada 13 November 2023 di Hotel Tiara Labuan. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Perbadanan Labuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail bersama dua timbalannya Encik Ibrahim bin Tambi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Pembangunan dan Encik Fadzilah bin Mahmud Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Perbandaran. Pelantikan ini menyaksikan 10 muka baharu melibatkan Kampung Kerupang/Nagalang (Encik Rozlan bin Ibrahim), Kg. Belukut (Encik Asmadi bin Ahmad), Kg. Durian Tunjung (Encik Haris bin Sulaiman), Kg. Lubuk Temiang (Encik Mohd Alif bin Akhbar), Kg. Pantai (Encik Ramdan bin Abidin), Kg. Patau-Patau 2 (Encik Elmy bin Omar), Kg. Patau-Patau 1 Puan Fatimah binti Ahmad @ Tambak), Kg. Sungai Labu (Encik Anuar bin Matsum), Kg. Sungai Keling Puan Goh Siew Liang). Manakala 13 Ketua Kampung yang dikekalkan perkhidmatannya ialah Encik Kamal Ariffin bin Khalidin (Kg. Bebuloh), Encik Suhaimi bin Kula (Kg. Bukit Kalam), Encik Abdul Hassan bin Ghani (Kg. Ganggarak), Encik Haryadi bin Omar (Kg. Pohon Batu), Encik Rosman bin Hussien (Kg. Ranche-Ranche), Encik Adnan bin Ahad (Kg. Sungai Buton), Encik Jali bin Mumin (Kg. Sungai Lada), Encik Osman bin Dullah (Kg. Sungai Bangat), Encik Rosmani bin Puteh (Kg. Sungai Bedaun), Encik Harun bin Damit (Kg. Tanjung Aru), Encik Mahmud bin Asat (Kg. Sungai Miri), Encik Hasan bin Kapal (Kg. Kilan/Pulau akar), dan Encik Osman bin Kadir (Kg. Gersik/Saguking). Sementara itu, empat lagi muka lama yang kembali mengisi jawatan tersebut, iaitu Encik Mohamad bin (Jakob Kg. Lajau), Encik Faizal bin Lakat (Kg. Layang-Layangan), Encik Ismail bin Samad (Kg. Batu Manikar) dan Encik Jainudin bin Pati (Kg. Batu Arang).



Gambar 50: Timbalan Pengerusi PL, Encik Simsudin bin Sidek Bergambar Bersama-sama 27 Ketua kampung pada Majlis Penyampaian Watikah.

## 14. Sumbangan Wang Ehsan Kepada Mangsa Bencana Musibah

Seramai 23 penerima sumbangan bantuan bencana musibah telah disampaikan sepanjang tahun 2023 yang melibatkan bencana seperti banjir sebanyak 11 buah rumah, kejadian kebakaran yang melibatkan lima buah rumah manakala tujuh buah rumah yang mengalami kerosakan atap akibat angin kencang. Kadar pemberian wang ihsan adalah sebanyak RM500.00 hingga RM3,000.00 bergantung kepada kadar kerosakan yang dilaporkan berdasarkan kelayakan setiap penerima.



Gambar 51: YBrs Hj Rithuan bin Hj Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL Menyampaikan Sumbangan kepada Salah Seorang Mangsa Kebakaran.

## 15. Aktiviti-aktiviti Yang Dilaksanakan Di Perpustakaan Awam Labuan

### I. Program Gotong-Royong Di Kawasan Perumahan Awam Bukit Kuda pada 15 Oktober 2023

Perpustakaan Awam PL dengan kerjasama Kementerian Kemajuan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Sosio-Ekonomi Perbadanan Labuan, telah mengadakan gotong-royong di Surau Al-Ubudiyyah dan kawasan sekitar perumahan kakitangan awam Kampung Bukit Kuda. Seramai 200 orang penduduk Perumahan Awam Kampung Bukit Kuda, Penduduk Kampung Bukit Kuda dan kakitangan jabatan-jabatan Perbadanan Labuan telah menyertai gotong-royong tersebut.

Program gotong-royong tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan, Encik Fadhilah bin Haji Mahmud selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

Program di bawah kelolaan KPKT tersebut turut mendapat kerjasama daripada jabatan dan agensi kerajaan yang lain dengan mengadakan pameran serta khidmat nasihat kepada penduduk setempat. Program juga diselitkan dengan acara kitar semula, iaitu penduduk kawasan setempat dapat melupuskan barang-barang logam (besi, aluminium dan sebagainya) dan peralatan elektrik serta elektronik. Program sebegini perlu diteruskan agar kerjasama antara penduduk setempat, penduduk kawasan perumahan dan agensi-agensi kerajaan lebih erat selain bersama-sama menjaga kebersihan kawasan sekitar.




Gambar 52: Aktiviti Sekitar Program Gotong-royong.

## II. Lawatan Sambil Belajar dari Pengawas Pusat Sumber Sekolah SK Patau-Patau Pada 27 November 2023

Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan telah menerima lawatan sambil belajar dari Pengawas Pusat Sumber Sekolah SK Patau-Patau. Seramai 40 orang pelajar dan empat (4) orang guru dari sekolah tersebut telah datang berkunjung ke Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan. Rombongan tersebut telah diketuai oleh Guru Pusat Sumber Sekolah SK Patau-Patau, Cikgu Muhammad Halfae.

Pelbagai program telah diatur oleh Perpustakaan Awam Labuan dengan kerjasama kakitangan perpustakaan desa. Antara program yang diadakan ialah sesi taklimat mengenai Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan, kuiz, lawatan ke setiap bahagian Perpustakaan Awam Labuan. Dengan ada lawatan seperti ini, para pengawas pusat sumber sekolah dapat didedahkan kepada pelbagai fungsi dan tujuan perpustakaan, di samping meningkatkan pengetahuan, minat serta menggalakkan lebih ramai pelajar datang dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan awam dengan sebaik mungkin.



Gambar 53: Lawatan Sambil Belajar dari Pengawas Pusat Sumber Sekolah SK Patau-Patau.



Gambar 54: Persembahan Tiktok Daripada Pengawas Pusat Sumber Sekolah SK Patau-Patau Semasa Lawatan Dijalankan.

### III. Program Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) Bersama PL – Jerayawara Bahasa Jiwa Bangsa 2023

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan kerjasama Perpustakaan Awam Labuan dan PL telah mengadakan Jerayawara Bahasa Jiwa Bangsa 2023, bertempat di Arena Teratai, Ujana Kewangan. Acara yang berlangsung selama dua (2 hari), iaitu pada 4 dan 5 November 2023 mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga Labuan. Pelbagai acara telah berlangsung antaranya ialah Pertandingan Mencari Maklumat, Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Monodrama. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Simsudin bin Haji Sidek, Timbalan Pengerusi PL selaku wakil Pengerusi PL.



Gambar 55: Sekitar Jerayawara Bahasa Jiwa Bangsa 2023.

#### IV. Program Galak Guna Perpustakaan Awam Labuan (Robotik) Pada 17 Sehingga 18 November 2023

Perpustakaan Awam PL dengan kerjasama Chumbaka Miri, sebuah organisasi yang selalu melaksanakan program sains dan teknologi telah mengadakan Pertandingan Robotik. Pertandingan tersebut melibatkan pelajar-pelajar sekolah Menengah Rendah. Setiap sekolah menghantar dua (2) orang selaku peserta dan seorang guru pengiring sebagai pemerhati. Para peserta telah didedahkan dengan kaedah menghasilkan reka cipta berdasarkan barangan elektronik dan digabungkan dengan bahan-bahan terbuang. Program ini mendapat sokongan penuh daripada Jabatan Pendidikan Negeri WP Labuan dan mendapat kerjasama yang baik daripada setiap pengetua sekolah. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Fadhilah bin Haji Mahmud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) PL selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif PL.





Gambar 56: Penglibatan Pelajar-pelajar Sekolah Dalam Pertandingan Robotik.

## V. Kem Solat Bestari Pada 2 Disember 2023 di Surau Perumahan Ganggarak Permai

Perpustakaan Awam PL dan Perpustakaan Desa PNM WP Labuan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Surau Perumahan Ganggarak Permai, telah mengadakan Kem Solat Bestari untuk kanak-kanak berumur enam (6) hingga 12 tahun. Sambutan yang diterima amat memberangsangkan, iaitu seramai 44 orang kanak-kanak telah menyertai kem solat tersebut. Kem solat tersebut telah dibimbing oleh Ustaz Mohd Shafie bin Andul Ghani dan Ustazah Azliena binti Mohd Nor dari JAWI WP Labuan. Antara ilmu yang dikongsikan termasuklah cara-cara mengambil wuduk, solat, membaca niat yang betul dan memperbetulkan bacaan-bacaan dalam solat.





Gambar 57: Sekitar Aktiviti Kem Solat Bestari.

## VI. Program Galak Guna Perpustakaan Bilangan 4/2023 Pada 16 Disember 2023

Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan dengan kerjasama Perpustakaan Desa PNM telah mengadakan program Galak Guna Perpustakaan Bilangan 4/2023, bertempat di Bilik Perdana, Tingkat 11, Menara Perbadanan Labuan. Program ini merupakan program penutup bagi kalendar aktiviti perpustakaan bagi tahun 2023. Pelbagai program telah diatur bagi memeriahkan program tersebut.

Perpustakaan Awam Labuan telah mengadakan Pertandingan Melukis dan Mewarna, untuk ibu atau ayah dan anak, Golf Putting serta Pertandingan Mewarna untuk warga emas. Perpustakaan desa pula melaksanakan aktiviti Jejak Maklumat, i-play dan Pertandingan Teka Muka Surat Buku. Semua pertandingan ini melibatkan pelbagai peringkat umur, bermula daripada kanak-kanak sehingga golongan warga emas. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.





Gambar 58: Sekitar Program Galak Guna Perpustakaan Awam di Bilik Perdana, Menara PL.



# PERKHIDMATAN PERBANDARAN

# 1. Kebersihan Dan Kesehatan Persekitaran

## I. Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal di WP Labuan

Berdasarkan data kutipan sisa pepejal pada tahun 2023, jumlah kutipan yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan (PL) mengalami peningkatan drastik daripada 28,310.57 tan pada tahun 2022 kepada 38,125.80 tan pada tahun 2023 dan meningkat hampir 100% seperti statistik di Jadual 1:

TAHUN	JUMLAH SAMPAH/TAHUN (TAN)	PURATA SAMPAH/BULANAN (TAN)	PURATA SAMPAH/HARI (TAN)
2021	21,037.19	21,037.19	58.44
2022	28,310.57	2,359.22	78.64
2023	38,125.82	3,177.12	104.46

Jadual 1: Statistik Perbandingan Kutipan Sisa Pepejal Tahun 2021, 2022 dan 2023.



Gambar 1: Lori Kompaktor PL Sedang Menjalankan Operasi Harian Pungutan Sisa Pepejal.



Gambar 2: Para Petugas Lori Kompaktor Sedang Menjalankan Tugasan.



Gambar 3: Operasi Harian Kutipan Sisa Pepejal Oleh Lori Kompaktor.


## II. Perkhidmatan Pembersihan di Kawasan Awam

Perkhidmatan pembersihan kawasan awam merupakan bidang tugas utama Unit Perbandaran PL, selain membuat kutipan sisa pepejal. Antara kawasan awam yang diselenggarakan oleh PL termasuklah pantai-pantai awam, taman-taman perumahan, rumah kedai, gudang awam, bangunan milik PL dan lain-lain kawasan yang telah diserahkan kepada PL. Skop pembersihan kawasan awam meliputi perkhidmatan pemotongan rumput, pembersihan taman permainan, pembersihan longkang, pelupusan sampah yang terdampar di pantai dan melupuskan sampah kasar.

Pelaksanaan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor telah membantu PL dalam menjaga dan mengekalkan tahap kebersihan keseluruhan WP Labuan. Kekerapan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan adalah seperti berikut:

JENIS KAWASAN	KEKERAPAN PENYELENGGARAAN
Taman Perumahan	Setiap hari
Pantai Awam	Setiap hari
Gudang dan Rumah Kedai	Setiap hari
Bangunan Milik PL	Setiap hari
Kawasan/Jalan Awam	Setiap hari
Longkang Kawasan Bandar	2 bulan sekali

Jadual 2: Kekerapan jadual kerja-kerja penyelenggaraan oleh kontraktor pembersihan yang dilantik oleh PL.



Gambar 4: Pelaksanaan Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Di Pusat Bandar Labuan Oleh Kontraktor Yang Dilantik oleh PL.




Gambar 5: Pelaksanaan Kerja-Kerja Pembersihan Pantai Oleh Kontraktor Yang Telah Dilantik Oleh PL.



Gambar 6: Pelaksanaan Kerja-Kerja Pembersihan Kipas Angin di Pasar Sayur Labuan oleh Petugas Kontraktor yang Dilantik oleh PL.

III. Statistik Kutipan Barangan Kitar Semula dan *E-Waste* Hasil Program Bersama JAS Labuan, Labuan FM, Jabatan Pendidikan Negeri WP Labuan dan Petronas Chemical Methanol Sdn Bhd


i) *E-waste*



Sumber maklumat: Jabatan Alam Sekitar, WP Labuan.

Carta 1: Statistik Jenis Barangan *E-Waste* Yang Diperolehi Sepanjang Program Diadakan.

ii) Barangan Kitar Semula



Sumber Maklumat: Unit Kitar Semula, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Rex Transportation

Carta 2: Jumlah Kutipan Barangan Kitar Semula Sepanjang Program Diadakan.


#### IV. Pemeriksaan Premis Makanan

Unit Kesihatan PL menjalankan aktiviti pemeriksaan premis makanan dan menyediakan ulasan permohonan lesen perniagaan serta pemantauan berterusan secara berkala sepanjang tahun 2023. Antara langkah kawalan kebersihan yang berterusan adalah dengan pelaksanaan Sistem Penggredan Premis Makanan di restoran dan kedai kopi sekitar WP Labuan. Secara keseluruhannya, sebanyak 186 buah premis telah diperiksa dan digredkan. Berikut ialah jadual perbandingan peratusan penggredan premis makanan pada tahun 2021, 2022 dan 2023:

GRED	2021		2022		2023	
	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)
Gred A	97	60.6	93	51.7	109	58.6%
Gred B	63	39.4	87	48.3	77	41.4 %
Gred C	0	0	0	0	0	0
Tidak Ada Gred	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>160</b>	<b>100</b>	<b>180</b>	<b>100</b>	<b>186</b>	<b>100</b>

Jadual 3: Perbandingan Peratusan Penggredan Premis Makanan.

#### Perbandingan Jumlah Premis Makanan Mengikut Gred Dan Tahun



Carta 3: Perbandingan Jumlah Premis Makanan Mengikut Gred dan Tahun.

Dalam aktiviti penguatkuasaan kesihatan persekitaran, semua pengendali makanan diwajibkan untuk mendapatkan sijil kesihatan. Berikut ialah perbandingan statistik pemprosesan sijil kesihatan pada tahun 2021, 2022 dan 2023:

BIL.	BULAN	JUMLAH PERMOHONAN		
		2021	2022	2023
1.	Januari	103	144	251
2.	Februari	148	124	415
3.	Mac	399	274	371
4.	April	254	150	155
5.	Mei	51	140	222
6.	Jun	-*	221	195
7.	Julai	62	198	188
8.	Ogos	192	217	212
9.	September	262	182	226
10.	Oktober	246	167	218
11.	November	209	228	156
12.	Disember	173	216	198
<b>JUMLAH</b>		<b>2099</b>	<b>2261</b>	<b>2807</b>

Jadual 4: Perbandingan Statistik Pemprosesan Sijil Kesihatan.

Catatan:

(\*) pada bulan Jun 2021, tiada permohonan Sijil Kesihatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan perkhidmatan kaunter PL ditutup sepenuhnya.

Aktiviti penggredan dan pemeriksaan premis makanan dijalankan secara rawak di semua premis makanan meliputi restoran dan kedai kopi di WP Labuan. Pemeriksaan meliputi Sijil Kesihatan dan Sijil Kursus Latihan Pengendali Makanan serta tahap kebersihan tempat penyediaan makanan termasuklah tandas premis. Bagi pembaharuan lesen premis restoran dan kedai kopi untuk tahun 2024, kriteria tandas diambil kira. Setiap pemilik dan pemegang lesen hendaklah memastikan tandas premis masing-masing bertaraf 2 bintang ke atas.



Gambar 7: Pemeriksaan Dapur Premis Makanan di Sekitar Pusat Bandar.




Gambar 8: Pemeriksaan Dokumen Berkaitan dan Penerangan Aspek Kebersihan Premis Semasa Sesi Penggredan Premis Makanan Dijalankan.



Gambar 9: Pemeriksaan Peti Sejuk Beku di Dapur Premis Makanan.



Gambar 10: Pemeriksaan Tahap Kebersihan Pengendali Makanan.



Gambar 11: Pemeriksaan Kebersihan Tandas Premis Makanan serta Pemuatan Kriteria Tandas 2 Bintang.


## V. Kawalan Binatang (Pelesenan dan Kawalan Kacau Ganggu)

Unit Kesihatan PL bertanggungjawab untuk mendaftarkan anjing peliharaan melalui kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sebanyak 93 ekor anjing peliharaan telah didaftarkan pada tahun 2023 berbanding 121 ekor anjing pada tahun 2022. Pada tahun 2021 pula, sebanyak 121 ekor anjing peliharaan juga telah didaftarkan melalui kaunter pejabat serta kaunter klinik bergerak yang terdapat di pelbagai lokasi sepanjang tahun.

Melalui aktiviti kawalan kacau ganggu binatang yang tidak bertuan atau berkeliaran pula, Unit Kesihatan PL melaksanakan pemantauan harian di sekitar pusat bandar, taman perumahan dan kampung berdasarkan aduan awam yang diterima. Pada tahun 2023, sebanyak 1,834 ekor anjing telah berjaya ditangkap di sekitar WP Labuan melalui perangkap, penangkapan di lokasi aduan dan kempen ganjaran yang telah diperkenalkan bermula September 2022.

Manakala, bagi kacau ganggu kucing pula, sebanyak 254 ekor kucing telah berjaya ditangkap berdasarkan aduan yang diterima pada tahun 2023. Berikut ialah statistik perbandingan kawalan kacau ganggu pada tahun 2021, 2022 dan 2023:

### KATEGORI KACAU GANGGU



Jadual 5: Statistik Perbandingan Kawalan Kacau Ganggu.



Gambar 12: Pemasangan Perangkap Anjing di Sekitar Lokasi Aduan.




Gambar 13: Operasi Bersepadu Penangkapan Anjing di Lokasi Aduan.

## VI. Kempen Kawalan Anjing Melalui Pendekatan Memberi Ganjaran Kepada Masyarakat Terlibat

Pada 1 September 2022, “Kempen Kawalan Anjing Melalui Pendekatan Memberi Ganjaran Kepada Masyarakat Terlibat” telah diperkenalkan semula. Sebelum ini, kempen ganjaran ini telah dibuat namun kurang mendapat sambutan. Tujuan kempen ini adalah untuk mewujudkan kerjasama serta rasa bertanggungjawab dalam komuniti untuk bersama-sama menangani masalah anjing berkeliaran di sekitar WP Labuan. Sehubungan itu, melalui kempen ini, PL menawarkan bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap seekor tangkapan anjing yang berkeliaran dengan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Kaedah penangkapan yang digunakan hendaklah tidak menyakitkan atau tidak dikategorikan sebagai menzalimi binatang selaras dengan AKTA VETERINAR 1953 (PINDAAN 2006) SEKSYEN 44 (1) di bawah pencegahan kezaliman binatang.
- b) Anjing yang ditangkap perlulah dalam keadaan hidup dan PERLU DITEGASKAN bahawa PL TIDAK akan bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kecederaan fizikal terhadap individu terbabit. Sekiranya memerlukan bantuan perangkap, sila hubungi Unit Kesihatan PL.
- c) Anjing yang berjaya ditangkap hendaklah dilaporkan segera kepada Unit Kesihatan PL di talian 087-408666 (waktu pejabat) bagi mengelakkan ketegangan anjing tersebut.
- d) GANJARAN akan diberikan kepada individu yang menepati syarat-syarat penangkapan anjing seperti yang digariskan oleh pihak PL.



Gambar 14: Penyerahan Anjing Melalui Kempen Ganjaran.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 2,022 ekor anjing telah berjaya ditangkap melalui kempen ganjaran yang dijalankan dengan kerjasama warga WP Labuan. Ini menunjukkan sambutan yang menggalakkan daripada orang awam.

## VII. Kawalan Makhluk Perosak

Makhluk perosak seperti lipas, lalat dan tikus (LILATI) telah menyebabkan kesihatan masyarakat terjejas. Aktiviti kawalan didapati berkesan apabila sebanyak 17 ekor tikus telah dihapuskan melalui kawalan-kawalan yang telah dijalankan pada tahun 2023 berbanding 35 ekor tikus ditangkap pada tahun 2022 dan 120 ekor tikus pada tahun 2021.



Gambar 15: Semburan Racun Serangga dan Makhluk Perosak di Sekitar Terminal Feri Antarabangsa Labuan.



Gambar 16: Taburan Racun Tikus di Sekitar Terminal Feri Antarabangsa Labuan.




Gambar 17: Semburan Racun Serangga di Sekitar Medan Selera Labuan.



Gambar 18: Semburan Kabus (fogging) di Sekitar Medan Selera Labuan.



Gambar 19: Semburan Kabus (fogging) di Dataran Labuan.



Gambar 20: Semburan Racun Serangga dan MakhluK Perosak di Dewan Serbaguna PL.



Gambar 21: Semburan Kabus (fogging) di Sekitar Dewan Serbaguna PL.

## VIII. Pengurusan Tandas Awam

PL menguruskan 27 unit tandas awam di seluruh WP Labuan. Pemeriksaan tandas awam ini diperlukan untuk menilai kerja-kerja pembersihan yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik. Berikut ialah purata pencapaian tahap kebersihan kemudahan tandas awam PL mengikut lokasi pada tahun 2023:

BIL.	LOKASI TANDAS AWAM	PURATA MARKAH KEBERSIHAN (%)	GRED	CATATAN
1.	Taman Damai	90%	A	-
2.	Layang-Layangan	87%	A	-
3.	Panchur Hitam 1	89%	A	-
4.	Panchur Hitam 2	92%	A	-
5.	Pohon Batu	92%	A	-
6.	Batu Manikar	90%	A	-
7.	Anjung Selera Sg. Pagar	90%	A	-
8.	<i>Barter-Trade</i>	92%	A	-
9.	Pasar Lama	91%	A	-
10.	Taman Botani 1	89%	A	-
11.	Taman Botani 2	89%	A	-
12.	Medan Selera Labuan	89%	A	-
13.	Pantai Tg. Batu	88%	A	-
14.	Gelanggang Futsal PL	94%	A	-
15.	Dataran Labuan	96%	A	-
16.	Dewan Serbaguna PL	95%	A	-
17.	Pantai Kompleks Sukan Laut Antarabangsa (KSLA)	92%	A	-
18.	Anjung Selera Kompleks Sukan Laut Antarabangsa (KSLA)	93%	A	-
19.	Anjung Selera Durian Tunjong	88%	A	-
20.	Gerai Batu Manikar	89%	A	-
21.	Tugu Peringatan Perang Dunia ke-2/ <i>World War-2 (WW2)</i>	91%	A	-
22.	Arena Boling Padang	91%	A	-
23.	Terminal Bas WP Labuan	92%	A	-
24.	Anjung Ikan Bakar Lubok Temiang	89%	A	-
25.	Anjung Ketam	92%	A	Bermula 1 Oktober 2023 diselenggara oleh pihak Anjung Ketam.
26.	Pasar Sentral Labuan	91%	A	-
27.	Plaza Berpayung KSLA	96%	A	-
28.	Dewan Arena Bukit Kuda	90%	A	Bermula 1 Oktober 2023 dimasukkan dalam pakej pembersihan tandas

Jadual 6: Tahap Kebersihan Tandas Awam PL Mengikut Lokasi.

## IX. Aktiviti Disinfeksi Premis Awam

Pelaksanaan disinfeksi premis-premis awam diteruskan oleh Unit Kesihatan PL dengan kerjasama Unit Landskap dan Pengindahan Seni Taman PL. Dalam usaha mengekang penularan penyakit COVID-19, pelaksanaan disinfeksi ini amat perlu meskipun Malaysia khususnya WP Labuan kini berada di fasa endemik COVID-19. Tumpuan diberikan di lokasi-lokasi yang sering menjadi kunjungan orang awam contohnya di Terminal Feri Antarabangsa Labuan, Pasar Sentral Labuan dan lain-lain lagi.



Gambar 22: Disinfeksi di Terminal Feri Antarabangsa Labuan.



Gambar 23: Disinfeksi di Pasar Sentral Labuan.



Gambar 24: Disinfeksi Lobi Tingkat Bawah, Blok A, Wisma PL.



Gambar 25: Disinfeksi Bilik Makan Tingkat 4, Blok A, Wisma PL.







Gambar 26: Disinfeksi Gazebo Sekitar Bandar Labuan.

## 2. Keindahan Dan Keceriaan

### I. Program Penghijauan


Pelaksanaan program penghijauan melalui kempen penanaman 100 juta pokok di seluruh negeri di bawah RMK 12 diteruskan pada tahun ini dengan menyasarkan WP Labuan sebanyak 180,000 pokok dalam tempoh 5 tahun (2021-2025) atau sebanyak 20,000 pokok. Sehingga kini, PL telah mencapai 70% atau 125,557 pokok yang telah ditanam di WP Labuan. Pencapaian melebihi sasaran bagi tahun ini sebanyak 216% atau sebanyak 43,212 pokok daripada 20,000 pokok yang disasarkan. Bagi tahun ini, PL telah melaksanakan tujuh program kempen penanaman pokok dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), persatuan, komuniti kampung dan pelajar kolej atau universiti. Pelibatan dan usaha daripada 17 kontraktor penyelenggaraan landskap yang dilantik juga tidak terkecuali dalam menjayakan program ini.

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	10 Januari 2023 	Program Penanaman Pokok Bakau di Hutan Paya Bakau Kinabenuwa.
2.	18 Februari 2023 	Penanaman Pokok Bersempena dengan Program Mucang-Mucang Se Wilayah.
3.	15 Julai 2023 	Program Hari Alam Sekitar di Hotel Palm Beach Resort, Manikar.
4.	15 Oktober 2023 	Program Kemampanan Komuniti Bandar, Acara Gotong Royong Penanaman Pokok dan Kitar Semula di Kawasan Perumahan Bukit Kuda.

BIL.	TARIKH	PROGRAM
5.	23 Oktober 2023 	Program Penanaman Pokok dan Kempen Menanam 100 Juta Pokok Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di Padang Majal, Kg Batu Manikar.
6.	19 November 2023 	Program Penanaman Pokok di Geopark Layang-Layangan.
7.	13 Disember 2023 	Program Hari Sungai Sedunia tahun 2023 Jabatan Pengaliran dan Saliran Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Jadual 7: Pelaksanaan Program Kempen Penanaman Pokok.

## Jumlah Penanaman Pokok



Carta 4: Pencapaian Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bagi WP Labuan.


BIL.	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN
1.	2021	60,000	23,697	39.50%
2.	2022	60,000	58,648	97.74%
3.	2023	20,000	43,212	216%
<b>JUMLAH</b>		<b>180,000</b>	<b>125,557</b>	<b>70%</b>

Jadual 8: Pencapaian Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bagi WP Labuan.

## II. Penyelenggaraan Pokok

Keutamaan diberikan di kawasan pusat bandar bagi kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti melibatkan jalan protokol dan jalan-jalan utama. Pelaksanaan aduan awam yang diterima dari taman-taman perumahan dan taman-taman awam serta di kawasan pantai juga turut dilaksanakan dan diselesaikan mengikut kategori risiko pokok yang diadukan. Penyelenggaraan menggunakan kaedah cantasan dahan melibatkan sebanyak 841 pokok dan pelupusan pokok berisiko sebanyak 494 pokok termasuk pokok liar yang berada di tepi jalan. Hasil daripada penyelenggaraan yang dibuat setiap tahun telah berjaya mengurangkan tahap risiko kemalangan yang melibatkan pokok ameniti di bawah selenggaraan PL.

### Penyelenggaraan Pokok



Carta 5: Pencapaian Penyelenggaraan Pokok Berjadual.


BIL.	TAHUN	SASARAN KPI	PENCAPAIAN KPI
1.	2020	1,000	6,779
2.	2021	1,000	3,942
3.	2022	1,000	1,250
4.	2023	1,000	841

Jadual 9: Pencapaian Penyelenggaraan Pokok Berjadual.

Selain itu, pihak PL juga telah melantik dua kontraktor untuk melupuskan pokok yang telah dikategorikan sebagai pokok yang berisiko tinggi. Pelupusan ini melibatkan 570 pokok *Khaya Senegalensis* di sepanjang Jalan Tun Mustapha, Jalan Bukit Kuda, Jalan Ganggarak, Jalan Pohon Batu, Jalan Pancur Hitam dan Jalan Manikar. Pokok-pokok di kawasan ini dilupuskan kerana berlakunya kejadian pokok tumbang setiap tahun dan tahun ini juga sebanyak tiga pokok daripada jenis yang sama dilaporkan tumbang di Jalan Pancur Hitam dan Pohon Batu. Secara keseluruhan, sebanyak 21 pokok telah dilaporkan tumbang dan dahan patah di jalan-jalan utama Labuan. Daripada jumlah tersebut, empat kejadian dilaporkan melibatkan kerosakan kenderaan awam yang perlu dibayar ganti rugi oleh pihak insurans yang telah dilantik oleh PL.



Gambar 27: Kerja-kerja Penyelenggaraan Pokok.




Gambar 28: Kejadian Pokok Tumbang di Pusat Bandar dan Jalan Pancur Hitam.

### III. Penghasilan Benih Pokok

PL menghasilkan semaian sebanyak 234,814 polibeg daripada pelbagai spesies tanaman hiasan. Jumlah ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 100,000 sepanjang tahun. Pembenuhan ini digunakan untuk tujuan landskap di bahu jalan, taman awam dan kawasan lapang yang dilaksanakan oleh kontraktor landskap dan kumpulan khas daripada Unit Landskap. Selain itu, PL juga turut memberi sumbangan benih pokok kepada pihak sekolah, institusi pendidikan, jabatan kerajaan dan swasta bagi membantu menjayakan program penghijauan Labuan. Selain menaik taraf landskap di bahu jalan, pembenuhan juga dibuat bagi tujuan hiasan berpasu untuk memenuhi setiap tempahan termasuk sewaan majlis daripada jabatan kerajaan dan bukan kerajaan. Sebanyak 65 tempahan sewaan hiasan telah direkodkan tahun ini.

#### Jumlah Semaian Benih Pokok



Carta 6: Pencapaian Semaian Benih Pokok Bagi Tahun 2020 Sehingga 2023.

BIL.	TAHUN	SASARAN KPI	PENCAPAIAN KPI
1.	2020	100,000	90,342
2.	2021	100,000	156,994
3.	2022	100,000	246,421
4.	2023	100,000	234,814

Jadual 10: SKT Semaian Benih Pokok.





Gambar 29: Semaian Pokok Renek di Tapak Semaian PL.



Gambar 30: Anak Pokok yang digunakan untuk Penanaman di Bahu Jalan, Pusat Bandar dan Taman Awam.






Gambar 3l: Penanaman Pokok bagi Tujuan Hiasan.

#### IV. Penghasilan Baja Kompos

Baja kompos mempunyai peranan yang penting bagi tanah. Baja ini berupaya meningkatkan kesuburan sifat kimia, fizik dan biologi dalam tanah. Oleh itu, Unit Landskap PL menghasilkan baja kompos daripada daun-daun kering, potongan rumput, sisa-sisa cantasan dan sisa makanan atau sisa domestik. Sebanyak 42 tan baja kompos telah dihasilkan dan digunakan. Penghasilan baja kompos sedikit sebanyak telah menjimatkan pembelian penggunaan baja kimia selain memainkan peranan sebagai pendandan tanah dan menambahkan isi padu tanah.

### Jumlah Penghasilan Kompos



Carta 7: Pencapaian Penghasilan Kompos Bagi Tahun 2020 Sehingga 2023.

BIL.	TAHUN	SASARAN KPI	PENCAPAIAN KPI
1.	2020	25.0	25.0
2.	2021	25.0	25.0
3.	2022	25.0	30.0
4.	2023	25.0	42

Jadual 1l: SKT Penghasilan Kompos Sisa Tanaman.



Gambar 32: Penghasilan Baja Kompos di Tapak Semaian.



Gambar 33: Penggunaan Baja Kompos pada Pokok Hiasan.



# PELANCONGAN ACARA DAN PROGRAM

## 1. Pembangunan Infrastruktur Pelancongan

### I. Projek Menaik Taraf Kemudahan Rekreasi dan Pelancongan di Taman Paya Bakau Kina Benua (Fasa II)

Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL telah berjaya mendapatkan kelulusan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sebanyak RM1,750,000.00 untuk menaik taraf kemudahan rekreasi dan pelancongan di Taman Paya Bakau Kina Benua (Fasa II). Penaiktarafan ini adalah untuk menambah kemudahan pelancongan sedia ada dan menjadikan kawasan tersebut sebagai salah satu destinasi menarik yang mesti dikunjungi di WP Labuan.

Projek ini merupakan inisiatif Perbadanan Labuan (PL) untuk menambah baik kemudahan pelancongan dan memastikan fasiliti selamat untuk digunakan oleh pengguna dan pelancong yang datang ke kawasan tersebut. Projek ini telah diserahkan sepenuhnya ke Jabatan Kerja Raya Labuan (JKR) dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2025.

### II. Projek Menaik Taraf Anjung Budaya PL dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-Layangan

PL telah mendapat kelulusan peruntukan bagi Rancangan Malaysia ke-12 dari Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebanyak RM4,500,000.00 untuk Menaik Taraf Anjung Budaya PL dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-Layangan. Penaiktarafan ini adalah untuk memaksimumkan tahap penggunaan kemudahan pelancongan sedia ada dan menjadikan kawasan tersebut sebagai tumpuan pelancong dari dalam dan luar Labuan. Hal ini sekali gus dapat memperbanyakkan destinasi menarik yang wajib dikunjungi di WP Labuan. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun 2026 yang mengambil masa selama 36 bulan pelaksanaannya.

Pantai Layang-Layangan juga merupakan salah satu kawasan yang mendapat pengiktirafan COBSEA pada tahun 2008. Aktiviti ekonomi yang melibatkan komuniti di kawasan ini dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk sekitar melalui aktiviti promosi dan jualan hujung minggu. Lebih daripada 50 orang peniaga berdaftar telah mendapat manfaat daripada kemudahan pelancongan sedia ada yang disediakan oleh PL.

## 2. Program-program Tarikan Pelancong

### I. *Labuan International Sea Challenge (LISC) 2023*

*Labuan International Sea Challenge 2023 (LISC)* telah diadakan pada 9 hingga 14 Mei 2023 dan dimulakan dengan kategori Pertandingan Memancing Laut Dalam pada 9 Mei 2023. Manakala acara lain bermula pada 12 hingga 14 Mei 2023 yang bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan serta beberapa tempat di sekitar Labuan. Penganjuran acara-acara pelancongan yang dilaksanakan oleh PL setiap tahun adalah dengan kerjasama serta sokongan penuh dari JWP. LISC 2023 yang dianjurkan oleh PL pada tahun ini turut mendapat kerjasama strategik daripada badan kerajaan seperti Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Perikanan, Pangkalan Polis Marin, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penyiaran Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Labuan, Jabatan Laut, Jabatan Pelabuhan dan Demaga Sabah, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Kastam, Unit

Pengawasan Senggara TLDM Timur, Pusat Penerangan Pelancongan, Pejabat Rela Daerah Labuan dan LDA Holdings. LISC 2023 juga mendapat kerjasama daripada pihak swasta, persatuan, kelab dan pertubuhan dalam dan luar Labuan yang dilantik sebagai pengelola bersama dengan sasaran untuk mendapatkan penyertaan dari dalam mahupun luar negara.

Pada tahun 2023, sebanyak 10 acara diadakan yang terdiri daripada tiga acara utama dan tujuh acara sokongan. Acara utama LISC 2023 ialah Cabaran Memancing Laut Dalam (DAIWA Deep Sea Challenge), Cabaran Merentas Labuan (Labuan Cross Swimming Challenge) 2023 dan Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau Labuan (Labuan Round Island Kayak) 2023 yang melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara. Para peserta yang bertanding merebut hadiah wang tunai dengan jumlah keseluruhan melebihi RM250,00.00.

Acara Cabaran Memancing Laut Dalam atau DAIWA Deep Sea Challenge sentiasa mengungguli acara LISC setiap tahun. Tambahan pula, acara ini telah mendapat tajaan daripada Japanese Tackle Company yang lebih dikenali sebagai DAIWA yang menawarkan hadiah berupa barangan memancing seperti Fishing Reels (ril pancing), and Manual Reels (ril manual), Braided Lines (tali pancing braided), Goodie Bags (beg cenderamata), Caps (topi), T-shirts (kemeja-T), Water Bottles (botol air), Trade Logo Stickers dan pelbagai hadiah yang mampu menambat hati peserta dari pelbagai negara. Berdasarkan pencapaian prestasi acara ini, lebih 1,300 orang peserta telah menyertai acara-acara utama dan sokongan yang melibatkan peserta dari dalam dan luar Labuan. Pelancong dan pengunjung yang hadir ke Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan sempena Labuan International Sea Challenge 2023 dianggarkan seramai 15,000 hingga 20,000 orang.

Selain itu, LISC 2023 turut dimeriahkan dengan beberapa acara baharu yang dipertandingkan, iaitu Tiktok Most Creative Challenge LISC 2023, (Cabaran Tiktok Kreatif-cadangan untuk masa hadapan), Pertandingan Mencandat Sotong, Pertandingan BMAEX Semi Pro Edition 2023, Pertandingan Karaoke Duo/Berkumpulan dan Pertandingan Bot Laju sejajar dengan perkembangan semasa dan permintaan daripada komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, acara pertandingan seperti Sukaneka Pantai, Kejohanan Bola Tampar Pantai, Pertandingan Beach Rugby, LISC RUN 2023, Kejohanan Petanque Pantai LISC 2023, Pertandingan Memancing Pesisir Pantai dan pelbagai pertandingan lain turut dianjurkan dengan menawarkan hadiah yang lumayan dan mampu menarik lebih ramai penyertaan komuniti setempat. Malah pelibatan dari kepulauan Borneo dan semenanjung Malaysia termasuk dari negara luar seperti Eropah, Brunei Darussalam, Hongkong, Macau, Australia, Kanada dan negara-negara lain.

LISC 2023 tahun ini turut berkolaborasi dengan pihak Hospital Labuan dan Jabatan Kesihatan Negeri dalam penganjuran Karnival Kesihatan H.E.A.L 2023. Karnival Kesihatan yang dijalankan seperti pameran kesihatan dari pelbagai jabatan dan Unit Kesihatan PL untuk mewujudkan kesedaran dan memberikan perkhidmatan kepada pengunjung dan khususnya kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.



Gambar 1: Sesi Bergambar Peserta LISC Run bersama-sama Dif Jemputan.



Gambar 2: Flag Off DAIWA Deep Sea Fishing sempena LISC 2023 yang disempurnakan Oleh Encik Ibrahim bin Tambi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran), PL.

## II. Tunas Budaya Dan Pertandingan Tarian Rampai Tradisional

Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL telah mengadakan bengkel Tunas Budaya pada 14 hingga 16 Julai 2023 bertempat di Dewan Serbaguna PL. Objektif pelaksanaan Bengkel Tunas Budaya adalah menggalakkan dan memperkenalkan kebudayaan tarian tradisional kepada sekolah-sekolah sekali gus dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap budaya dan sejarah tari tradisional yang terdapat di Malaysia. Bengkel ini juga adalah untuk mendedahkan pelajar dan remaja kepada satu kaedah pembelajaran teknik Asas Asli, Inang, Joget dan Zapin yang sistematik. Selain itu, bengkel ini juga dapat mewujudkan kumpulan tarian di sekolah masing-masing sekali gus memastikan bahawa tarian tradisional dapat diteruskan dan dihargai demi memelihara dan memperkuatkan identiti budaya.

Bengkel Tunas Budaya terbuka kepada sekolah-sekolah di WP Labuan sahaja. Dua kategori bagi Tunas Budaya, iaitu kategori Murid Sekolah Rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan kategori Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 5). Setiap sekolah dihadkan kepada lapan orang pelajar sahaja yang boleh menyertai Tunas Budaya tersebut.

## III. Pertandingan Tarian Rampaian Tradisional

Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL telah mengadakan Pertandingan Tarian Rampaian Tradisional pada 21 hingga 22 Julai 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan.

Pertandingan Tarian Rampaian Tradisional ini diadakan susulan Bengkel Tunas Budaya yang dianjurkan oleh Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL. Pertandingan ini memberi peluang kepada peserta untuk mengasah bakat dan mengaplikasikan ilmu-ilmu pengetahuan dalam bidang kesenian asas tari yang telah disampaikan oleh jurulatih atau koreografer yang bertauliah. Program ini adalah untuk memberi pengalaman kepada murid dan pelajar sekolah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kesenian asas tari sebagai teras pembentukan masyarakat berbudaya. Pertandingan ini juga dapat mewujudkan semangat kesenian budaya, setia kawan dan persaingan secara sihat dengan mempersembahkan hasil karya dan meningkatkan kualiti penari-penari yang membawa hasil karya tersebut.

#### IV. *Borneo Arts Festival (BAF)*

Borneo Arts Festival 2023 atau lebih singkatnya BAF merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan. Acara ini berlangsung pada 29 September hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan WP Labuan. Acara ini berkonsepkan seni persembahan dan pertandingan yang merangkumi seni muzik, seni tarian, seni fesyen, seni lukis, seni kraf tangan yang merangkumi kebudayaan dan kesenian Borneo khususnya.

Festival ini bertujuan untuk memberi peluang kepada persatuan, pelajar sekolah dan institusi dalam menyerlahkan kehebatan mereka dalam kesenian dan kreativiti koreografi dalam menghasilkan gerak tari dan rekaan busana. BAF juga merupakan platform yang menghimpunkan karyawan-karyawan seni dan budaya di seluruh Borneo termasuk dari Semenanjung Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan Filipina. BAF 2023 ialah anjuran kali ke-10 yang diadakan oleh PL. Walau bagaimanapun BAF terpaksa ditangguhkan selama dua tahun pada tahun 2020 dan 2021 akibat kekangan pandemik COVID-19.

Terdapat tiga acara utama yang dipertandingkan dalam BAF, iaitu Pertandingan Tarian Kreatif Borneo, Pertandingan Tingkah Geruh dan Pertandingan Fesyen Nasional Kostum Kreatif Malaysia. Hadiah keseluruhan wang tunai bagi ketiga-tiga acara utama yang dipertandingkan adalah melebihi RM60,000.000. PL telah berjaya mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sebanyak RM47,500.00.

Terdapat beberapa acara sokongan dan pertandingan yang memeriahkan festival ini sepanjang tiga hari acara ini dijalankan antaranya seperti, Ekspresi Seni Lavista, Persembahan Mukun Seborneo, Lions International Peace Poster, Peragaan Busana Borneo & Demonstrasi Tanjak, Persembahan Artis Jemputan, DJ Corner Labuan FM, Pameran Kraf Tangan Labuan dan Borneo, TikTok Challenge, Wall of Fame & Video 360, Pameran Festival Buku @ BookFairs dan Chocolate Fair.

BAF pada kali ini turut dimeriahkan dengan kolaborasi bersama-sama Persatuan Seni Visual Labuan atau lebih dikenali dengan LAVISTA yang mengadakan beberapa pameran dan pertandingan seperti, Pameran Seni Visual, Pameran Seni Visual Kanak-kanak, Pameran Fotografi, Pameran Retro, Bazar Seni Pertandingan Doodle Sekolah Menengah, Pertandingan Coswalk Cosplay, Pertandingan Fesyen Kitar Semula, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak serta Bicara Seni dan Deklamasi Puisi.

YBrs. Tuan Simsudin Sidek, Timbalan Pengerusi PL telah merasmikan Malam Apresiasi Borneo Art Festival BAF 2023 dengan diiringi Pengerusi PL, YB Senator Datuk Bashir bin Alias dan juga Ketua Pegawai Eksekutif PL, YBrs. Tuan Haji Rithuan bin Haji Ismail.



Gambar 3: Malam Apresiasi *Borneo Art Festival* BAF 2023.

## V. Hari Memperingati Tamat Perang Dunia Kedua (WWII) WP Labuan 2023

Remembrance Day atau Hari Peringatan Perang ini akan disambut pada 11 November atau pada minggu kedua bulan November setiap tahun bertempat di Taman Peringatan Perang Jalan Tanjung Batu Labuan.

Upacara yang diadakan ini adalah bagi memperingati seramai 3,908 anggota tentera negara-negara Komanwel yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua Ketika menentang tentera Jepun di sekitar Borneo. Upacara ini juga turut diiringi dengan bacaan doa di tiga kawasan berasingan mengikut agama tentera yang disemadikan, iaitu tentera Islam, Kristian dan Hindu atau Sikh.

Selain itu, majlis ini juga dilengkapi dengan upacara ketenteraan, iaitu tatacara pertukaran Virgil Guard dan Last Post, Two Minutes Silence dan Reveille. Upacara kemuncak bagi majlis ini ialah adalah peletakan kalungan bunga oleh para tetamu kehormat dan diplomat luar dan dalam negara yang hadir.

Antara tetamu kehormat dan diplomat yang hadir ialah Panglima Markas Wilayah Udara 2 TUDM Labuan, Mejar Jeneral Dato' Wan Amin Hafiz Bin Wan Mahmud, Tuan Yang Terutama John Virgoe, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei dan Tuan Yang Terutama Simon Fellows, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia.

Hadir sama dalam majlis ini ialah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PL, iaitu Encik. Ibrahim bin Tambi mewakili ketua Pegawai Eksekutif PL.

Jabatan kerajaan yang hadir memeriahkan majlis ini ialah adalah Pegawai-pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia Labuan, Pegawai dari Tentera Laut Diraja Malaysia Labuan, Pegawai dari Pejabat Polis Diraja Malaysia Labuan, Pegawai dari Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Labuan, Pegawai Tourism Malaysia, Pegawai dari Jabatan Muzium Malaysia Labuan, Pegawai dari Angkatan Pertahanan Awam Labuan.

Turut hadir serta dalam majlis ini ialah Persatuan Bulan Sabit Merah Labuan, Persatuan Pengakap Labuan, pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Sains Labuan dan orang awam. Jumlah kehadiran pengunjung semasa majlis tersebut adalah seramai 2,000 orang.

Majlis ini bukan sahaja sebagai platform memperingati pejuang-pejuang yang telah gugur tetapi objektifnya adalah untuk kita bersama-sama menghargai sebuah kedamaian dan menghentikan peperangan.



Gambar 4: Hari Peringatan Perang Berlangsung pada 11 November 2023.

### 3. Pengurusan Majlis/Program/Acara Rasmi/Lawatan Kerja

PL telah dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat bagi acara-acara yang berikut:

#### I. Lawatan Kerja Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong ke Labuan

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong telah mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga (3) hari ke Labuan. Antara pengisian lawatan kerja baginda termasuklah Pemasysiran Masjid Sultan Abdullah di Kampung Sungai Bedaun, Program Nur Ramadan 2023 dan Penyerahan Rumah Asnaf Majlis Agama Islam di Taman Ganggarak Permai Labuan.



Gambar 5: Ketibaan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong di WP Labuan di Lapangan Terbang Labuan.



Gambar 6: Majlis Penyerahan Rumah Asnaf MAIWP Labuan dan Majlis Ramah Mesra bersama Komuniti Ganggarak Permai WP Labuan.



Gambar 7: Tinjauan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong di sekitar Bazar Labuan Walk.



Gambar 8: Majlis Berbuka Puasa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong bersama anak-anak yatim dan asnaf di Masjid Jamek An Nur, WP Labuan.

## II. Majlis Ramah Mesra Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengadakan lawatan sulungnya ke WP Labuan pada 7 Disember 2023 setelah dilantik menjadi Perdana Menteri. Beliau telah menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama komuniti di WP Labuan yang diadakan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan. Sekitar 5000 tetamu telah hadir memeriahkan program tersebut yang terdiri daripada pemimpin tempatan, ketua-ketua jabatan / agensi Kerajaan serta warga Labuan.

Turut hadir sama dalam program berkenaan adalah YB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman, Ahli Parlimen Labuan, YB Senator Tan Sri Dato' Seri Panglima Anifah bin Aman@ Haniff Amman, Senator merangkap Pengerusi PL, dan YBrs. Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd. Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL.

Perdana Menteri turut menghadiri Majlis Menyantuni Ketua Isi Rumah Miskin Tegar sebelum ke program berkenaan yang diadakan di tempat yang sama. Pada hari yang sama, beliau juga telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perancangan Wilayah Persekutuan Labuan dan berkesempatan menghadiri Majlis Makan Malam Bersama Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan di Hotel Grand Dorsett sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.



Gambar 9: Majlis Ramah Mesra YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bersama warga WP Labuan di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan Labuan.



Gambar 10: Sambutan Ketibaan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Lapangan Terbang Labuan.

### III. Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan dan Agensi Kerajaan di WP Labuan 2023

Sebanyak 46 agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menyertai pameran yang berlangsung selama dua (2) hari, iaitu pada 29 hingga 30 Julai 2023 bersempena dengan Hari Bertemu Pelanggan PL (HBPPPL) dan Agensi Kerajaan di WP Labuan 2023, bertempat di Kompleks Ujana Kewangan. YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan telah merasmikan program berkenaan yang turut dihadiri oleh Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL.

Pelbagai pengisian menarik diadakan bersempena dengan HBPPPL seperti Penyediaan Kaunter Khidmat Pelanggan, Segmen FB Live Talk, Pameran Kerjaya, Kuiz Kahoot, 360 Video Booth, Permainan Wheel of Fortune, Pertandingan Nyanyian Maksak, Explorace Race dan pelbagai lagi.

Sebanyak 430 respons diterima melalui Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilaksanakan pada program berkenaan. Sebanyak 98 peratus daripada respons yang diterima berpuas hati dengan perkhidmatan PL. Antara respons dan cadangan penambahbaikan ialah aspek pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan awam seliaan PL, aspek kualiti mutu perkhidmatan, pengurusan premis niaga milik PL dan lain-lain.



Gambar 11: Ucapan Perasmian yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan.



Gambar 12: Sesi Bergambar Ketua Pengarah, JWP bersama-sama Warga Kerja Perbadanan Labuan.



Gambar 13: Kunjungan Orang Awam yang Berurusan di Kaunter Pameran PL.



Gambar 14: Segmen FB Live Talk Merupakan Salah Satu Pengisian Program HBPL 2023.



Gambar 15: Salah Satu Peserta yang Mengambil Bahagian dalam Pertandingan Nyanyian MAKSAM bersempena dengan Program HBPL 2023.



Gambar 16: Sesi penyampaian Hadiah kepada Pemenang Kuiz Kahoot bersempena dengan Program HBPL 2023.

#### IV. Citra Belia Hari Malaysia Bersempena dengan Hari Malaysia 2023 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

Citra Belia Hari Malaysia bersempena dengan Hari Malaysia 2023 Peringkat WP Labuan yang berlangsung pada 16 September 2023, di Parkir Kereta Boling Padang, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan telah mencapai kejayaan dengan kehadiran lebih kurang 15,000 pengunjung dalam kalangan belia dan komuniti WP Labuan.

Program ini menampilkan 12 persembahan kesenian yang melibatkan pelbagai persatuan seni mempertahankan diri dan persatuan/kelab tarian tempatan, termasuk Persatuan Silat Cengkam Harimau Ghaib Labuan, Pertubuhan Silat Sendeng Malaysia, Persatuan Silat Cekak Pusaka Hanafi, Persatuan Seni Silat Gayung Malaysia, Taekwondo Academy, Persatuan Wushu WP Labuan, Persatuan Anak Seni Wilayah Persekutuan Labuan (ASWILA), Sekolah Menengah St. Anne, Sekolah Menengah Ranche-Ranche, Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan, Labuan International School dan Rumpun Anak Seni.

Program bermula pada pukul 8.00 malam dengan persembahan sambut tamu tarian singa untuk dif-dif kehormat, diikuti dengan persembahan tarian, seni mempertahankan diri, dan nyanyian oleh artis jemputan, iaitu Encik Afieq Shazwan dari Kuala Lumpur. Upacara menaikkan jalur gemilang dan laungan merdeka dilakukan tujuh (7) kali, diikuti dengan persembahan bunga api, dan program berakhir pada sekitar jam 11.30 malam. Program tersebut diakhiri dengan upacara menaikkan jalur gemilang, laungan merdeka, dan persembahan bunga api, berakhir pada pukul 11.30 malam.



Gambar 17: Upacara Menaikkan Jalur Gemilang dan Laungan Merdeka bersama-sama Dif Jemputan.



Gambar 18: Persembahan Pentas Citra Belia Hari Malaysia.



Gambar 19: Persembahan Seni Pertahanan Diri.



Gambar 20: Persembahan Kesenian yang ditampilkan oleh Taekwondo Academy.

## V. Karnival Sukan Rakyat Hari Malaysia 2023 Peringkat WP Labuan

Karnival Sukan Rakyat bersempena dengan Hari Malaysia 2023 peringkat WP Labuan telah mencapai kejayaan besar dengan penyertaan seramai 1,000 orang dalam kalangan para belia dan komuniti di WP Labuan. Program ini bukan sahaja menjadi platform untuk bersukan tetapi juga menonjolkan potensi belia luar bandar dalam kepimpinan dan bakat sukan melalui pelbagai acara yang dipertandingkan.

Penganjuran karnival ini memberi penekanan kepada peliharaan warisan sukan tradisional dalam kalangan penduduk setempat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Ini memberi peluang untuk meneruskan dan memperkukuh identiti sukan tradisional.

Melalui pelaksanaan karnival ini, amalan bersukan secara sihat telah diterapkan dan meningkatkan kesihatan komuniti setempat. Ini merupakan langkah positif dalam mewujudkan gaya hidup aktif dalam kalangan penduduk WP Labuan.

Penganjuran Karnival Sukan Rakyat ini tidak hanya mencerminkan semangat patriotik bersempena dengan Hari Malaysia tetapi juga memberikan impak positif kepada komuniti setempat melalui penyertaan yang aktif dalam aktiviti sukan dan penyelenggaraan acara yang merangsang semangat kebersamaan.



Gambar 21: Sesi Penyampaian Hadiah kepada Juara Karnival Sukan Rakyat Hari Malaysia 2023 yang dimenangi oleh Kampung Bebuloh Laut, WP Labuan.

## VI. Program Mucang-Mucang Se Wilayah

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) PL telah dilantik menjadi urus setia bagi penganjuran program ini secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan pada 18 Februari 2023 bermula jam 7.30 pagi bertempat di Jalan Pesisir, WP Labuan. Seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan, ahli-ahli masyarakat bersama staf-staf PL telah menjayakan program ini. Aktiviti yang dijalankan seperti penanam pokok dan aktiviti kutipan sampah di sepanjang 2 km di persekitaran lokasi. Program ini telah dirasmikan oleh YBr. Tuan Haji Rithuan bin Hj. Mohd Ismail selaku Ketua Pegawai Eksekutif PL.



Gambar 22: YBr. Tuan Hj. Rithuan bin Hj. Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL Berucap Merasmikan Program.



Gambar 23: YBr. Tuan KPE Menanam Pokok Simbolik Pelancaran Program.



Gambar 24: Para Peserta Yang Hadir Bagi Memeriahkan Program.



Gambar 25: Para Peserta Yang Hadir Sedang Melakukan Aktiviti Memungut Sampah Di Kawasan Pantai Jalan Pesisir.

## VII. Majlis Pelancaran Pusat Pengumpulan *E-Waste* di WP Labuan

Majlis pelancaran Pusat Pengumpulan *E-Waste* WP Labuan bertempat di Terminal Teksi Pasar Sentral Labuan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Rithuan bin Hj. Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL pada 21 Mac 2023. Seramai 100 orang yang terdiri daripada staf-staf dari Jabatan Alam Sekitar Labuan, ketua-ketua masyarakat, ahli-ahli Majlis Penasihat PL termasuk staf-staf PL telah hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh PL ini diharap dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran kepada rakyat di wilayah ini tentang kepentingan membuang barangan sisa *E-waste* di tempat yang telah disediakan oleh PL dan tidak dibuang di tepi jalan raya seperti kelaziman sebelum ini.



Gambar 26: YBhg. Dato' Dr. Hj. Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PL bersama-sama Encik Amir Hamzah bin Musa, Pengarah Jabatan Alam Sekitar WP Labuan dan Tuan Hj. Rithuan, Ketua Pegawai Eksekutif PL Berada di atas Pentas Sempena Pelancaran Majlis.



Gambar 27: Antara Para Tetamu Jemputan Yang Hadir bagi Memeriahkan Majlis.



Gambar 28: Gimik Pelancaran yang disempurnakan oleh Tuan Hj Rithuan bin Hj Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL.

## VIII. Program Sinergi *E-waste 'Go Green'* Labuan FM

Labuan FM dengan kerjasama PL dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Labuan telah mengadakan program ini pada 5 Ogos 2023 di Dewan Homestay, Kampung Sungai Labu bermula pukul 8:00 pagi hingga 1:00 tengah hari.

Pelbagai barangan sisa *E-waste* telah berjaya dikumpulkan hasil kerjasama penduduk setempat yang sadar akan keperluan melupuskan sisa *E-waste* dengan cara yang betul.

Selain itu, aktiviti lain yang melibatkan para pelajar dari Sekolah Menengah Ranca-Ranca telah memeriahkan program tersebut.



Gambar 29: Program Sinergi *E-waste 'Go Green'* Labuan FM di Dewan Homestay Kampung Sungai Labu, WP Labuan.



Gambar 30: Para pelajar SMK Ranca-Ranca Sedang Menjalankan Aktiviti.



Gambar 31: PL Menyediakan Tong Roro Bagi Menjayakan Program Tersebut.

## IX. Program PCG Be Green

Petronas Chemical Group (PCG) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Labuan, JAS Labuan dan PL telah menganjurkan program 3R dan *E-waste* bagi mendidik dan menyebarkan maklumat tentang kepentingan 3R dan *E-waste* dalam mewujudkan persekitaran yang seimbang dan bebas pencemaran.

Pertandingan Pengumpulan 3R dan *E-waste* bermula pada 14 September hingga 21 Oktober 2023 itu telah menetapkan bilangan berat yang tertinggi daripada 3R (kitar semula) dan *E-waste* akan dinobatkan sebagai pemenang.

Sebanyak empat (4) buah sekolah di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan WP Labuan telah menyertai pertandingan 3R dan *E-waste* yang terdiri daripada SMK Labuan, SMK Taman Perumahan Bedaun, SM St. Anne dan SM St. Anthony.

SM St. Anthony telah menjuarai dan membawa pulang hadiah bernilai RM5,000.00, manakala SM St. Anne pula muncul naib juara dan memperoleh RM3,000.00, sementara SMK Labuan mendapat tempat ketiga dengan hadiah bernilai sebanyak RM1,000.00 serta SMK Taman Perumahan Bedaun di tempat keempat dengan hadiah bernilai RM500.00.

Program penutupan telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Hiffani bin M Jalli, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemical Methanol Sdn Bhd.



Gambar 32: Encik Gilbert Chin, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL Menerima Cenderamata Daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Petronas Chemical Group.



Gambar 33: SM St. Anthony telah Dinobatkan Sebagai Juara Dalam Pertandingan Pengumpulan 3R dan E-waste, dan membawa pulang hadiah bernilai RM5,000.00.

## X. Program One Hour Malaysia Clean Up Gotong Royong Mega 2.0 Peringkat WP Labuan

Program ini merupakan anjuran Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan bersama PL yang telah dilancarkan pada 27 Ogos 2023 bertempat di Kolej Matrikulasi Labuan (KML) bermula jam 7:00 pagi. Seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada pelajar KML, masyarakat setempat dan staff JPP PL telah turut serta untuk menjayakan program tersebut dan program ini telah dirasmikan oleh YBrs Tuan Simsudin Sidek selaku Timbalan Pengerusi PL.



Gambar 34: Para Peserta Yang Terlibat Bersama-sama Encik Simsudin Sidek, Timbalan Pengerusi PL Bertempat Di Dewan Mutiara, Kolej Matrikulasi Labuan.



Gambar 35: Antara Aset PL yang terlibat Dalam Menjayakan Program tersebut.

## 5. Memantapkan Promosi Pelancongan

Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan acara-acara, produk-produk pelancongan dan keindahan panorama Labuan sama ada promosi di dalam negara mahupun luar negara.

Terdapat beberapa pameran dan promosi yang telah berjaya disertai oleh Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL pada tahun 2023. Pameran-pameran yang disertai sepanjang tahun ini merupakan batu loncatan dalam memperkenalkan dan memberi penerangan tentang produk pelancongan baharu dan sedia ada serta keunikan Labuan kepada pengunjung yang hadir dan singgah di reruai Pameran Labuan.

Antara pameran yang disertai pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

- i. Pameran MATTA Fair Sabah yang diadakan di Sabah International Convention Centre (ITCC) Kota Kinabalu pada 19 hingga 23 Mei 2023. Penyertaan pameran ini adalah bagi mempromosikan pakej, produk pelancongan, keunikan yang terdapat di WP Labuan.
- ii. Pameran Malaysian International Dive Expo (MIDE) yang diadakan di Malaysia International Trade and Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Mei 2023. Penyertaan pameran ini adalah bagi mempromosikan pantai 4 Ship Wreck dan keindahan pulau di sekitar WP Labuan.
- iii. Pameran MATTA Fair Kuala Lumpur yang diadakan bertempat di Malaysia International Trade and Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 September 2023. Penyertaan pameran ini bertujuan untuk mempromosikan acara-acara utama dan produk pelancongan di WP Labuan.
- iv. Pameran BIMP-EAGA Trade Convention (BETCON) yang diadakan di Dewan Bridex, Jerudong Brunei Darussalam pada 25 hingga 29 Oktober 2023. Penyertaan pameran ini adalah bagi mempromosikan, memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu dan sedia ada warga Brunei Darussalam.
- v. Pameran Sabah Community Base Tourism Fair (SCBTF) 2023 yang diadakan di Sabah Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu Sabah pada 17 hingga 19 November 2023. Penyertaan pameran ini adalah bagi memperkenalkan produk-produk Industri Kecil dan Sederhana Labuan kepada pasaran yang terdapat Sabah.

## 6. Pengurusan Media Dan Publisiti

### I. Majlis Iftar Bersama-sama Pengamal Media Labuan

YBrs Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL telah meraikan kira-kira 21 orang pengamal media dalam Majlis Iftar yang diadakan di Palm Beach Resort, pada 14 April 2023. Hadir sama ialah Encik Rasil bin Hajatil, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan. Majlis seumpama ini menunjukkan tanda penghargaan PL terhadap segala sokongan dan komitmen serta kerjasama yang diberikan pengamal media Labuan dalam membuat liputan dan publisiti program-program anjuran PL selama ini.

Sememangnya, media memainkan peranan penting sebagai penyalur utama maklumat kepada masyarakat, bukan sahaja berkaitan dasar-dasar kerajaan malah menyalurkan publisiti dan hebahan membabitkan PL.

## II. Bengkel Pengurusan Media 2023

Seramai lebih kurang 40 orang peserta menghadiri Bengkel Pengurusan Media yang diadakan di Menara PL pada 10 Januari 2023. Para peserta yang terdiri daripada kakitangan jabatan kerajaan/swasta, dewan-dewan perniagaan dan NGO di Labuan berpeluang menimba ilmu yang disampaikan oleh penceramah program berkenaan, iaitu Encik Jailani bin Hassan. Program ini mendapat respons yang positif daripada para peserta kerana melalui program ini dapat membantu mempermudah urusan penganjaran majlis dan program organisasi pada masa hadapan selain memberi pendedahan dan pengetahuan asas tentang kaedah pengurusan media.

Program anjuran PL bersama-sama Persatuan Penggiat Media Labuan dan Majlis Perwakilan Penduduk WP Labuan ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL. Turut hadir ke program penutupan ialah Encik Rasil Hajatil, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan merangkap Penasihat Persatuan Penggiat Media Labuan, Puan Hajah Niswati binti Tarji, Mantan Pengerusi Zon Majlis Perwakilan Penduduk WP Labuan, Encik Jainuddin Djimin, Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan merangkap pengarah program berkenaan.



Gambar 36: Sesi Bergambar Peserta Bengkel Pengurusan Media bersama-sama Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PL.



Gambar 37: Bengkel Pengurusan Media yang dihadiri oleh Jabatan Kerajaan/ Swasta, Dewan-dewan Perniagaan dan NGO Labuan.



# **PENGURUSAN KEWANGAN ASET DAN KUTIPAN HASIL**

# 1. Analisis Prestasi Kewangan

## I. Pendapatan Mengurus

Pendapatan mengurus PL pada tahun 2023 adalah sebanyak RM87,949,938.31. Daripada keseluruhan pendapatan tersebut, sebanyak RM43,110,361.92 (49.02%) ialah peruntukan kerajaan yang direalisasikan. Manakala, pendapatan dijana sendiri oleh PL adalah terdiri daripada cukai taksiran, pendapatan sewa, lesen, denda kompaun, pelbagai yuran perkhidmatan, hasil pelupusan aset serta pendapatan lain. Perbandingan jumlah pendapatan mengurus bagi tempoh tiga (3) tahun terkini iaitu dari tahun 2021 hingga 2023 ditunjukkan dalam Jadual yang berikut.


TAHUN	2021	2022	2023
SUMBER	RM	RM	RM
Pemberian Kerajaan	42,148,605.43	39,698,489.42	43,110,361.92
Cukai Taksiran	21,578,267.12	21,843,217.81	22,112,738.72
Sewaan	10,991,316.12	11,931,039.88	12,345,112.36
Lesen	800,221.88	1,984,718.11	2,016,832.10
Denda Kompaun	195,266.50	337,739.11	308,186.57
Hasil Faedah	1,733,758.72	1,449,365.56	2,071,375.87
Pelbagai Yuran	111,356.82	205,633.64	319,018.19
Hasil Pelupusan Aset	6,823,085.18	636,228.75	4,987,131.96
Pendapatan Lain	928,645.45	2,509,447.84	679,180.62
<b>JUMLAH</b>	<b>85,310,523.22</b>	<b>80,595,880.12</b>	<b>87,949,938.31</b>

Jadual 1: Perbandingan Jumlah Pendapatan Mengurus bagi Tahun 2021 hingga 2023.

Pendapatan mengurus PL bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak RM7,354,058.19 (9.12%) berbanding tahun 2022. Antara faktor peningkatan hasil tahun 2023 ialah peningkatan hasil pelupusan aset sebanyak RM4,350,903.21. Hasil pelupusan aset ini daripada penjualan 140 unit rumah di Taman Perumahan Ganggarak Permai kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang bernilai RM30,616,000.00 untuk tujuan perumahan Asnaf MAIWP.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah memberikan tambahan geran mengurus sebanyak RM4,800,000.00. Geran mengurus daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM49,156,061.00. Jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM42,607,788.00 (termasuk geran tertunda tahun sebelumnya) dengan baki awal RM5,599,080.08 yang diiktiraf sebagai hasil geran direalisasi pada tahun 2023. Manakala sebanyak RM12,147,353.40 diiktiraf sebagai pendapatan tertunda.

Selain itu, beberapa sumber pendapatan mengurus yang menyumbang kepada peningkatan hasil keseluruhan ialah hasil sewa meningkat sebanyak +3.47%, hasil cukai taksiran +1.23%, kutipan lesen +1.62%, hasil faedah +42.92%, dan pelbagai yuran +55.14%. Tren perbandingan hasil pemberian kerajaan dan hasil yang dijana sendiri bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti dalam Carta 1.



Carta 1: Trend Perbandingan Hasil Pemberian Kerajaan dan Hasil Dijana Sendiri Tahun 2021 hingga 2023.

## II. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus PL terdiri daripada belanja emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaikan tetap, belanja susut nilai aset, belanja operasi pengurusan, dan belanja sosio-ekonomi. Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus PL menunjukkan peningkatan sebanyak 0.93% pada tahun 2023 kepada RM103,437,726.44 berbanding RM102,488,784.90 pada tahun 2022.


Peningkatan ketara dalam perbelanjaan mengurus melibatkan belanja perkhidmatan dan bekalan yang meningkat sebanyak RM4,238,651.98 berbanding belanja tahun 2022 sebanyak RM44,628,519.14. Salah satu belanja perkhidmatan dan bekalan ialah belanja penyelenggaraan dan pembaikan yang meningkat sebanyak RM2,471,693.18. Peningkatan ini disebabkan pihak pengurusan PL yang komited dalam menjaga kemudahan awam dengan membuat penyelenggaraan berkala untuk kemudahan warga WP Labuan. Perbandingan perbelanjaan untuk tempoh tiga (3) tahun terkini adalah seperti dalam Jadual 2.

TAHUN	2021	2022	2023
SUMBER	RM	RM	RM
Emolumen	29,733,244.77	30,572,127.54	31,609,421.37
Perkhidmatan dan Bekalan	38,344,876.40	44,628,519.14	48,867,171.12
Pemberian dan Kenaan Tetap	1,650,824.59	4,433,978.99	2,525,746.53
Susut Nilai	19,225,059.32	19,709,087.53	17,307,671.13
Belanja Operasi Pengurusan	31,874,700.58	2,386,712.85	2,440,629.56
Belanja Sosioekonomi	1,715,837.27	758,358.85	687,086.73
<b>JUMLAH</b>	<b>122,544,542.93</b>	<b>102,488,784.90</b>	<b>103,437,726.44</b>

Jadual 2: Perbandingan Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2021 hingga 2023.

Perbandingan komposisi perbelanjaan mengurus mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti dalam Carta 2.

### Komposisi Perbelanjaan Mengurus



Carta 2: Komposisi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023.

Kurangan bersih bagi Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM15,487,788.13 berbanding kurangan bersih sebanyak RM21,892,904.78 pada tahun 2022. Penurunan kurangan bersih sejajar dengan pendekatan berhemat warga PL bagi pengurusan kos perbelanjaan dalam penyampaian perkhidmatan dalam persekitaran kos yang semakin meningkat.

### III. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan ialah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) untuk melaksanakan projek berkaitan pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur di WP Labuan. Geran Pembangunan PL terdiri daripada peruntukan projek Rancangan Malaysia (RMK) dan peruntukan projek-projek lain.

Bagi tahun 2023, PL telah menerima sebanyak RM22,900,000.00 geran projek pembangunan RMKe-12. Manakala, sebanyak RM8,472,800.00 peruntukan projek-projek lain iaitu sebanyak RM2,160,000.00 untuk peruntukan MARRIS dan RM6,312,800.00 bagi Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan (PKWP) dan Projek Kecil.

Sebanyak RM39,051,043.62 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2023 dan diiktiraf sebagai hasil pelunasan geran pembangunan, sebanyak RM1,276.00 lebih peruntukan telah dikembalikan iaitu pampasan tanah dibawah projek RMKe-12, manakala baki peruntukan yang belum dibelanjakan adalah sebanyak RM335,405,132.99 Jadual 3 menunjukkan ringkasan geran pembangunan bagi tahun 2023.

JENIS PERUNTUKAN	BAKI AWAL (RM)	TERIMAAN (RM)	BELANJA (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Geran Pembangunan				
1. RMK	304,959,189.48	22,900,000.00	33,222,898.24	294,636,291.24
2. Peruntukan Projek-Projek Lain	38,118,487.13	8,478,500.00	5,828,145.38	40,768,841.75
<b>JUMLAH</b>	<b>343,077,676.61</b>	<b>31,378,500.00</b>	<b>39,051,043.62</b>	<b>335,405,132.99</b>

Jadual 3: Ringkasan Geran Pembangunan bagi Tahun 2023.

## 2. Analisis Penyata Kedudukan Kewangan


Pada 31 Disember 2023, jumlah aset PL adalah sebanyak RM660,338,769.18, berkurang sebanyak RM7,704,349.82 (1.15%) diwakili oleh pengurangan dalam aset hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM39,356,561.00 (10.37%) disebabkan pembersihan data aset bukan semasa PL hasil keputusan Lembaga Pemeriksa Aset dan juga Audit Dalam PL. Selain itu, penjualan aset hartanah pelaburan, iaitu 140 unit rumah di Taman Perumahan Ganggarak Permai kepada MAIWP pada tahun 2023.

Manakala, deposit dalam akaun simpanan tetap menunjukkan peningkatan ketara iaitu RM170,500,000.00 berbanding RM147,500,000.00 pada tahun 2022, meningkat sebanyak RM23,000,000.00 (15.59%) sejajar dengan aktiviti pelaburan PL dalam menyokong peningkatan hasil dalaman PL. Pembinaan dalam kemajuan juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM11,861,291.00 kerana beberapa projek pembangunan di WP Labuan yang masih dalam pembinaan.

Pada 31 Disember 2023, jumlah liabiliti PL adalah sebanyak RM384,874,608.00 berbanding RM381,556,943.00 pada tahun 2022. Jumlah liabiliti PL meningkat sebanyak RM3,317,665.00 disebabkan terimaan deposit jualan rumah di Taman Perumahan Ganggarak Permai, tambang diskaun 50% penumpang feri dan bot laju, serta pemiutang pelbagai. Selain itu, peruntukan geran mengurus atau pendapatan tertunda yang belum dilunaskan sebanyak RM12,147,353.00 berbanding RM5,599,081.00 pada tahun 2022.

Graf 1 menunjukkan perbandingan nilai aset dan liabiliti PL bagi tahun 2021 hingga 2023.

### Perbandingan Nilai Aset Dan Liabiliti Tahun 2021 Hingga 2023



Carta 3: Perbandingan Nilai Aset dan Liabiliti Tahun 2021 hingga 2023.

Nisbah kecairan atau nisbah semasa menunjukkan PL masih berkemampuan untuk membayar setiap ringgit hutang dan semua jenis kemungkinan ekonomi yang mungkin timbul dalam jangka pendek, PL perlu mengambil langkah-langkah penjimatan dengan serius memandangkan sumber dalaman terkumpul yang semakin berkurangan.

Secara keseluruhan, prestasi kewangan PL untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2023 masih berada dalam keadaan positif berasaskan kepada indikator kewangan yang menunjukkan nilai aset bersih dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### 3. Pengurusan Aset Dan Stor

Tugas-tugas Unit Pengurusan Aset dan Stor PL termasuklah menyelaras urusan perolehan, pergerakan, pinjaman, pemeriksaan, pelupusan dan hapus kira aset mengikut tatacara pengurusan aset atau pekeliling perbendaharaan yang telah ditetapkan.

Selain itu, Stor Bekalan Alat Tulis di Wisma PL diletakkan di bawah jagaan unit ini juga perlu diuruskan selaras dengan tatacara pengurusan stor yang diguna pakai.

#### I. Laporan Pengurusan Aset Alih

Sepanjang tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) PL telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu:

BIL.	SUSUNAN	TARIKH
1.	Mesyuarat JKPAK PL Bil. 1/2023	10 Januari 2023
2.	Mesyuarat JKPAK PL Bil. 2/2023	11 April 2023
3.	Mesyuarat JKPAK PL Bil. 3/2023	11 Julai 2023
4.	Mesyuarat JKPAK PL Bil. 4/2023	11 Oktober 2023

Jadual 3: Ringkasan Geran Pembangunan bagi Tahun 2023.

Laporan kedudukan aset alih bagi tahun 2023 mengikut suku tahun:

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN HARTA MODAL		KEDUDUKAN ASET BERNILAI RENDAH	
	BILANGAN KEW.PA -3	NILAI PEROLEHAN (RM)	BILANGAN KEW.PA -4	NILAI PEROLEHAN (RM)
Suku Pertama (Januari - Mac)	22	1,039,789.00	132	57,931.10
Suku Kedua (April - Jun)	40	435,332.00	31	9,024.00
Suku Ketiga (Julai - September)	20	634,769.00	89	28,743.72
Suku Keempat (Oktober - Disember)	12	79,718.00	41	35,484.79

Jadual 4: Kedudukan Aset Alih bagi Tahun 2023.

## II. Pemeriksaan Aset Alih

Sepanjang tahun 2023, Pegawai Pemeriksa Aset PL telah melaksanakan pemeriksaan aset alih sebanyak dua (2) kali iaitu pada 27 Jun hingga 28 Jun 2023; dan 26 September hingga 27 September 2023. Sebanyak 4,680 aset alih telah diperiksa bagi tahun 2023.



Gambar 1: Aktiviti Pemeriksaan Aset Alih oleh Pegawai Pemeriksa Aset PL.

## III. Pelupusan Aset Alih

Mesyuarat Lembaga Pemeriksa Pelupusan PL berperanan mengesyorkan kaedah pelupusan aset alih milik PL berdasarkan perakuan Ahli Lembaga Pemeriksa Pelupusan PL dan akan diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, PL. Pada tahun 2023, Mesyuarat Lembaga Pemeriksa Pelupusan PL telah diadakan sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 13 Jun 2023 dan 27 November 2023.

Sebanyak 2,865 unit aset alih telah diputuskan untuk dilupuskan dan hasil yang diperolehi bagi aset lupus adalah sebanyak RM93,734.69.

TAHUN SEMASA	BILANGAN ASET YANG DILUPUSKAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
Suku Tahun Pertama (Januari - Mac)	25	1,380.73
Suku Tahun Kedua (April - Jun)	-	-
Suku Tahun Ketiga (Julai - September)	2,288	14,529.46
Suku Tahun Keempat (Oktober - Disember)	552	77,824.50
<b>JUMLAH</b>	<b>2,865</b>	<b>93,734.69</b>

Jadual 5: Perincian Pelupusan bagi Tahun 2023.



Gambar 2: Aktiviti Pelupusan Aset Alih (Kiosk) secara Jualan Sisa (Besi Buruk) di Tanjung Batu, WP Labuan.



Gambar 3: Taklimat Pelupusan Aset Alih (Kenderaan PL) secara Jualan Sebut Harga di Stor Sepusat PL.



Gambar 4: Aktiviti Pelupusan Sangkar Anjing Secara Jualan Sisa (Besi Buruk) di Rumah Tahanan Binatang Kesayangan Bukit Kalam.

#### IV. Laporan Pengurusan Stok

Terdapat dua (2) laporan kedudukan semasa stok yang perlu dilaporkan dalam Mesyuarat JKPAK PL, iaitu Stok Bekalan Alat Tulis dan Stok Alat Ganti. Berikut adalah laporan kedudukan stok bagi tahun 2023 mengikut suku tahun:

a) Stok Bekalan Alat Tulis

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK
	SEDIA ADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	
Baki Dibawa ke Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2022			91,510.83	
Suku Pertama (Januari - Mac)	91,510.83	89,127.46	171,110.25	9,528.04	3.39
Suku Kedua (April - Jun)	9,528.04	50,117.80	42,727.66	16,918.18	3.23
Suku Ketiga (Julai - September)	16,918.18	82,517.55	63,887.52	35,548.21	2.44
Suku Keempat (Oktober - Disember)	35,548.21	181,804.16	151,609.70	65,742.67	2.99
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>153,505.26</b>	<b>403,566.97</b>	<b>277,725.43</b>	<b>Kadar Pusingan Stok Tahunan</b>	<b>5.46</b>

Jadual 6: Kedudukan Stok Bekalan Alat Tulis bagi Tahun 2023.

b) Stok Alat Ganti

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK
	SEDIA ADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	
Baki Dibawa ke Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2022			9,027.00	
Suku Pertama (Januari - Mac)	9,027.00	16,897.50	21,728.25	4,196.25	3.29
Suku Kedua (April - Jun)	4,196.25	14,699.50	14,208.30	4,687.50	3.19
Suku Ketiga (Julai - September)	4,687.50	0.00	0.00	4,687.50	0.00
Suku Keempat (Oktober - Disember)	4,687.50	0.00	0.00	4,687.50	0.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>22,598.25</b>	<b>31,597.00</b>	<b>35,936.55</b>	<b>Kadar Pusingan Stok Tahunan</b>	<b>5.24</b>

Jadual 7: Kedudukan Stok Alat Ganti bagi Tahun 2023.

Seperti yang ditetapkan di dalam Tatacara Pengurusan Stor, verifikasi stor perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun bagi tujuan yang berikut:

- i. Memastikan ketetapan rekod dan fizikal stok
- ii. Memastikan pelarasan stok diambil tindakan
- iii. Memastikan stok usang atau tidak boleh guna atau rosak atau tidak bergerak atau hampir luput tempoh penggunaan diambil tindakan pelupusan; dan
- iv. Memastikan kehilangan stok diambil tindakan hapus kira.

Bagi Tahun 2023, verifikasi stor telah dilaksanakan pada 14 Disember dan 15 Disember 2023. Sebanyak 11,608 stok bekalan alat tulis dan 30 stok alat ganti telah diperiksa oleh dua (2) orang Pegawai Verifikasi Stor yang telah dilantik. Manakala prestasi penilaian stor bagi kedua-dua stor ialah 93.6%.



Gambar 5: Aktiviti Verifikasi Stor di Stor Bekalan Alat Tulis dan Stor Sepusat PL.

## 4. Pengurusan Kemudahan Awam

Sepanjang tahun 2023, PL telah menyediakan perkhidmatan penyewaan kemudahan awam kepada warga Labuan seperti dalam jadual yang berikut:

JENIS KEMUDAHAN AWAM	JUMLAH PENGGUNAAN	JUMLAH HASIL (RM)
Dewan Serbaguna	1,960	144,165.00
Dewan Arena Perumahan Kerajaan Bukit Kuda	1,506	35,557.00
Dewan Serbaguna Taman Perumahan Sg. Bedaun	3,105	39,270.00
Dewan Arena Boling Padang Jalan Tanjung Purun	597	1,815.00
Gelanggang Futsal Tanjung Purun	1,753	114,115.00
Gelanggang Tenis Jalan Tenaga	129	1,236.00

Jadual 8: Penyewaan Kemudahan Awam Tahun 2023.



# LAPORAN PENYATA KEWANGAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN LABUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIESEMBER 2023**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN LABUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Labuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Perbadanan Labuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Labuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Perbadanan Labuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Labuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Labuan dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Labuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Labuan atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Labuan berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

30 OKTOBER 2024





**PERBADANAN LABUAN**  
**PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**


**PERBADANAN LABUAN**

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH  
(AKAUN KUMPULAN)**

---

Kami, **Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman @ Haniff Amman** dan **Dato' Sri Liew Shan Wen** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Labuan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga,



(**Tan Sri Datuk Seri Panglima  
Anifah Bin Aman @ Haniff Amman**)  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Perbadanan Labuan

Tarikh: 26 JUN 2024  
Tempat: Wilayah Persekutuan Labuan

Bagi pihak Lembaga,



(**Dato' Sri Liew Shan Wen**)  
Ahli Lembaga Pengarah  
Perbadanan Labuan


Tarikh: 26 JUN 2024  
Tempat: Wilayah Persekutuan Labuan

**PERBADANAN LABUAN**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN LABUAN**

Saya, **Haji Rithuan B. Haji Mohd. Ismail**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Labuan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )  
oleh **Haji Rithuan B. Haji Mohd. Ismail** )  
di Wilayah Persekutuan Labuan )  
pada **26 JUN 2024** )



Di hadapan saya,



**(PESURUHJAYA SUMPAAH)**  
Unit 3-21, Level 3,  
Labuan Times Square, Jalan Merdeka  
87000 Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel/Fax: 087-410 477

**PERBADANAN LABUAN**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2023**

NOTA	KUMPULAN		PL		
	2023 RM	2022 RM <i>Dinyatakan Semula</i>	2023 RM	2022 RM <i>Dinyatakan Semula</i>	
<b>ASET</b>					
<b>Aset Semasa</b>					
	Tunai di Tangan dan di Bank	8,569,035	13,484,863	8,567,800	13,483,644
	Deposit Tetap di Institusi Kewangan	170,500,000	147,500,000	170,500,000	147,500,000
4	Urusniaga Pertukaran Belum Terima	3,538,914	2,309,490	3,536,251	2,305,237
5	Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	2,050,485	2,033,082	2,050,485	2,033,082
6	Pinjaman Kakitangan	209,154	260,196	209,154	260,196
7	Stok	33,371,504	7,800,000	33,371,504	7,800,000
		<b>218,239,092</b>	<b>173,387,631</b>	<b>218,235,194</b>	<b>173,382,159</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
8	Hartanah, Loji dan Peralatan	340,096,300	379,455,835	340,086,779	379,443,340
9	Aset Tak Ketara	485,252	1,084,604	485,252	1,084,604
10	Pembinaan Dalam Kemajuan	23,716,233	11,854,942	23,716,233	11,854,942
11	Hartanah Pelaburan	77,389,365	101,705,019	77,389,365	101,705,019
12	Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	-
6	Pinjaman Kakitangan	425,946	573,055	425,946	573,055
		<b>442,113,096</b>	<b>494,673,455</b>	<b>442,103,575</b>	<b>494,660,960</b>
<b>JUMLAH ASET</b>					
		<b>660,352,188</b>	<b>668,061,086</b>	<b>660,338,769</b>	<b>668,043,119</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti Semasa</b>					
13	Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	25,829,431	19,114,856	25,787,325	19,098,132
14	Penerimaan Terdahulu	564,197	661,224	564,197	661,224
15	Pendapatan Tertunda	12,147,353	5,599,081	12,147,353	5,599,081
16	Peruntukan Manfaat Kakitangan	1,142,261	1,536,872	1,142,261	1,536,872
		<b>39,683,242</b>	<b>26,912,033</b>	<b>39,641,136</b>	<b>26,895,309</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
16	Peruntukan Manfaat Kakitangan	2,761,310	2,358,021	2,761,310	2,358,021
17	Kumpulan Wang Pembangunan	335,405,133	343,077,677	335,405,133	343,077,677
18	Kumpulan Wang Peningkatan Perkhidmatan	6,189,803	6,193,524	6,189,803	6,193,524
19	Tabung Penyelenggaraan Perumahan	877,226	3,032,412	877,226	3,032,412
		<b>345,233,472</b>	<b>354,661,634</b>	<b>345,233,472</b>	<b>354,661,634</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>					
		<b>384,916,714</b>	<b>381,573,667</b>	<b>384,874,608</b>	<b>381,556,943</b>
<b>ASET BERSIH</b>					
		<b>275,435,474</b>	<b>286,487,419</b>	<b>275,464,161</b>	<b>286,486,176</b>
<b>EKUITI / ASET BERSIH</b>					
Lebihan Berkumpul:					
17	Kumpulan Wang Pembangunan	109,832,748	105,366,976	109,832,748	105,366,976
	Kumpulan Wang Mengurus	165,602,726	181,120,443	165,631,413	181,119,200
<b>JUMLAH EKUITI / ASET BERSIH</b>					
		<b>275,435,474</b>	<b>286,487,419</b>	<b>275,464,161</b>	<b>286,486,176</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN LABUAN**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

NOTA	KUMPULAN		PL	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>HASIL</b>				
<b>Urusniaga Bukan Pertukaran</b>				
	22,112,739	21,843,218	22,112,739	21,843,218
Cukai Taksiran				
Denda dan Kompaun	400,464	378,639	400,464	378,639
Geran Mengurus Direalisasi	43,110,362	39,698,489	43,110,362	39,698,489
Geran Pembangunan Direalisasi	39,046,620	52,652,289	39,046,620	52,652,289
Lesen	2,016,832	1,984,718	2,016,832	1,984,718
Lain-lain Hasil	484,381	2,457,889	484,181	2,454,189
	<b>107,171,398</b>	<b>119,015,242</b>	<b>107,171,198</b>	<b>119,011,542</b>
<b>Urusniaga Pertukaran</b>				
	319,018	205,634	319,018	205,634
Pelbagai Yuran				
Hasil Faedah	6,020,195	3,524,461	6,020,195	3,524,461
Sewaan	12,345,112	11,931,040	12,345,112	11,931,040
Keuntungan Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	4,987,127	636,524	4,987,127	636,524
Pertukaran Aset Hartanah Pelaburan	-	-	-	-
Hutang Ragu Dikutip	-	22,759	-	22,759
Hasil Jualan Rumah	585,000	97,500	585,000	97,500
<i>Tolak : Kos Jualan</i>	<i>(390,000)</i>	<i>(65,000)</i>	<i>(390,000)</i>	<i>(65,000)</i>
7				
	<b>23,866,452</b>	<b>16,352,918</b>	<b>23,866,452</b>	<b>16,352,918</b>
<b>Jumlah Pendapatan</b>				
	<b>131,037,850</b>	<b>135,368,160</b>	<b>131,037,650</b>	<b>135,364,460</b>
<b>Tolak : PERBELANJAAN</b>				
	29,438,132	28,504,189	29,438,132	28,361,283
Emolumen				
Elaun Lebih Masa Kakitangan	2,171,289	2,210,845	2,171,289	2,210,845
Perkhidmatan dan Bekalan	51,610,624	47,166,574	51,588,105	47,098,758
20				
Pemberian dan Kenaan Tetap	2,525,649	4,217,028	2,525,746	4,433,979
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	47,237,513	55,508,166	47,234,539	55,504,408
8				
Susut Nilai Aset Tak Ketara	431,444	678,845	431,444	678,845
9				
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	2,777,204	3,674,640	2,777,204	3,674,640
11				
Peruntukan Jejas Nilai Penghutang	104,976	70,830	103,386	70,830
Perbelanjaan Operasi Pengurusan	2,336,427	2,344,649	2,333,283	2,315,984
Perbelanjaan Sosio-ekonomi	3,456,537	4,414,577	3,456,537	4,414,577
	<b>142,089,795</b>	<b>148,790,343</b>	<b>142,059,665</b>	<b>148,764,149</b>
<b>KURANGAN SEBELUM CUKAI</b>				
	<b>(11,051,945)</b>	<b>(13,422,183)</b>	<b>(11,022,015)</b>	<b>(13,399,689)</b>
<b>LEBIHAN CUKAI</b>				
	-	1,262	-	-
<b>KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN</b>				
	<b>(11,051,945)</b>	<b>(13,420,921)</b>	<b>(11,022,015)</b>	<b>(13,399,689)</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN LABUAN**  
**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH / EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	KUMPULAN WANG MENDURUS		KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		JUMLAH	
	KUMPULAN RM	PL RM	KUMPULAN RM	PL RM	KUMPULAN RM	PL RM
PADA 1 JANUARI 2023	181,120,443	181,119,200	105,366,976	105,366,976	286,487,419	286,486,176
(KURANGAN) / LEBIHAN BAGI TAHUN	(15,517,717)	(15,487,787)	4,465,772	4,465,772	(11,051,945)	(11,022,015)
<b>PADA 31 DISEMBER 2023</b>	<b>165,602,726</b>	<b>165,631,413</b>	<b>109,832,748</b>	<b>109,832,748</b>	<b>275,435,474</b>	<b>275,464,161</b>
PADA 1 JANUARI 2022	202,995,207	202,972,732	96,873,760	96,873,760	299,868,967	299,846,492
PELARASAN TAHUN SEBELUM	39,373	39,373	-	-	39,373	39,373
(KURANGAN) / LEBIHAN BAGI TAHUN	(21,914,137)	(21,892,905)	8,493,216	8,493,216	(13,420,921)	(13,399,689)
<b>PADA 31 DISEMBER 2022</b>	<b>181,120,443</b>	<b>181,119,200</b>	<b>105,366,976</b>	<b>105,366,976</b>	<b>286,487,419</b>	<b>286,486,176</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN LABUAN  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

NOTA	KUMPULAN		PL	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>				
Kurangan Sebelum Cukai	(11,051,945)	(13,422,183)	(11,022,015)	(13,399,689)
Pelarasan:				
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	47,237,513	55,508,166	47,234,539	55,504,408
Susut Nilai Aset Tak Ketara	431,443	678,845	431,443	678,845
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	2,777,204	3,674,640	2,777,204	3,674,640
Geran Pembangunan Direalisasi	(39,046,620)	(52,652,289)	(39,046,620)	(52,652,289)
Peruntukan Hutang Ragu	103,386	48,071	103,386	48,071
Belanja Pelunasan Anak Syarikat	(97)	(216,951)	-	-
Keuntungan Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(4,987,127)	(635,375)	(4,987,127)	(636,524)
Kerugian Pelupusan Subsidiari	-	2	-	-
Pelupusan Hutang Lapuk	1,590	-	-	-
Pelunasan ISF	(210,048)	(210,048)	(210,048)	(210,048)
Pelunasan Tabung Penyelenggaraan Perumahan	(115,108)	(64,792)	(115,108)	(64,792)
Hasil Faedah	(6,020,195)	(3,524,461)	(6,020,195)	(3,524,461)
Hasil Pelupusan Deposit	-	17,400	-	-
Kerugian dari Kendalian Sebelum Perubahan kepada Modal Kerja	(10,880,004)	(10,798,975)	(10,854,541)	(10,581,839)
Perubahan dalam:				
Urusniaga Belum Terima	176,185	(144,001)	176,185	(149,751)
Stok	390,000	65,000	390,000	65,000
Urusniaga Belum Bayar	6,714,671	1,350,388	6,689,192	1,347,050
Penerimaan Terdahulu	(97,028)	(975,034)	(97,028)	(975,034)
Pendapatan Tertunda	6,548,272	1,274,274	6,548,272	1,274,274
Peruntukan Manfaat Kakitangan	8,677	(912,420)	8,677	(912,420)
<b>Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi</b>	<b>2,860,773</b>	<b>(10,140,769)</b>	<b>2,860,757</b>	<b>(9,932,721)</b>
Cukai Dikembalikan	-	569	-	-
Cukai Dibayar	-	(29,679,468)	-	(29,676,597)
<b>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi</b>	<b>2,860,773</b>	<b>(39,819,668)</b>	<b>2,860,757</b>	<b>(39,609,318)</b>
<b>Aliran Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>				
Faedah Diterima	5,591,208	3,828,066	5,591,208	3,828,066
Pengeluaran/(Tambahan) Deposit Tetap Jangka Pendek (Lebih 3 Bulan)	(10,000,000)	91,000,000	(10,000,000)	91,000,000
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(6,243,243)	(4,083,861)	(6,243,243)	(4,083,861)
Pembelian Aset Tak Ketara	(581,753)	(973,274)	(581,753)	(973,274)
Terimaan Dari Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	28,046	644,175	28,046	644,175
Bayaran Pembinaan Dalam Kemajuan	(13,370,736)	(10,762,260)	(13,370,736)	(10,762,260)
Pinjaman Kakitangan	-	-	-	-
Bayaran Dalam Pinjaman Kakitangan	(112,500)	(321,300)	(112,500)	(321,300)
Terimaan Daripada Dalam Pinjaman Kakitangan	310,650	320,197	310,650	320,197
<b>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(24,378,328)</b>	<b>79,651,743</b>	<b>(24,378,328)</b>	<b>79,651,743</b>
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Geran Pembangunan Diterima	31,378,500	34,265,895	31,378,500	34,265,895
Geran Diterima Dari Syarikat Induk	-	44,509	-	-
Penambahan Sumbangan Tabung Peningkatan Perkhidmatan (ISF)	378,412	91,967	378,412	91,967
Pengurangan Tabung Penyelenggaraan Perumahan	(2,155,185)	(1,738,155)	(2,155,185)	(1,738,155)
<b>Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>29,601,727</b>	<b>32,664,216</b>	<b>29,601,727</b>	<b>32,619,707</b>
<b>Pertambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>8,084,172</b>	<b>72,496,291</b>	<b>8,084,156</b>	<b>72,662,132</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari</b>	<b>160,984,863</b>	<b>88,488,572</b>	<b>160,983,644</b>	<b>88,321,512</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember</b>	<b>169,069,035</b>	<b>160,984,863</b>	<b>169,067,800</b>	<b>160,983,644</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada:</b>				
Tunai di Tangan dan di Bank	8,569,035	13,484,863	8,567,800	13,483,644
Deposit Tetap di Institusi Kewangan (Kurang 3 Bulan)	160,500,000	147,500,000	160,500,000	147,500,000
	<b>169,069,035</b>	<b>160,984,863</b>	<b>169,067,800</b>	<b>160,983,644</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN LABUAN**  
**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR PADA 31 DISEMBER 2023**

**KUMPULAN WANG MENGURUS**

Kod Objek Am	Deskripsi	Bajet RM )	Sebenar RM	Peratusan Perbandingan (%)
11000	Gaji / Emolumen	17,411,000	17,410,794	100.00%
12000	Elaun Tetap	6,838,000	6,837,672	100.00%
13000	Sumbangan Berkanun Majikan	3,087,000	3,086,227	99.97%
14000	Elaun Kerja Lebih Masa	2,171,300	2,171,289	100.00%
15000	Emolumen Lain	2,108,100	2,107,517	99.97%
21000	Perjalanan Dan Sara Hidup	2,628,000	2,627,136	99.97%
22000	Pengangkutan Barang-Barang	33,000	32,550	98.64%
23000	Perhubungan Dan Utiliti	5,623,000	5,622,158	99.99%
24000	Sewaan	1,151,000	1,150,577	99.96%
26000	Bekalan Bahan Mentah	729,000	728,597	99.94%
27000	Bekalan Dan Bahan Lain	2,063,615	2,062,756	99.96%
28000	Penyelenggaraan & Pembaikan	21,042,285	21,036,864	99.97%
29000	Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	10,879,327	10,841,566	99.65%
A30000	Aset	846,495	845,697	99.91%
42101	Pemberian Kepada KSKK / Puspanita / MAKSAK	150,000	150,000	100.00%
42000	Aktiviti Pelancongan	1,712,000	1,667,507	97.40%
47000	Ganjaran Dan Gantian Cuti Rehat	640,000	639,899	99.98%
52000	Perbelanjaan Lain	2,336,004	2,332,081	99.83%
<b>JUMLAH</b>		<b>81,449,126</b>	<b>81,350,887</b>	<b>99.88%</b>

**KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

Kod Projek	Nama Projek	Bajet RM	Sebenar RM	Peratusan Perbandingan (%)
190001	Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1	2,210,000	826,477	37.40%
190005	Menaiktaraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan	12,000,000	10,085,381	84.04%
650002	Projek <i>Smart City</i> Labuan Fasa 1	5,200,000	4,158,648	79.97%
650009	Naiktaraf Kemudahan Infrastruktur dan Rekreasi Awam Dataran Labuan, WP Labuan	2,650,000	2,162,411	81.60%
1592020	Pembinaan <i>Cell Sanitary Landfill</i> dan Naiktaraf <i>Leachate Treatment Plan</i>	15,850,000	7,707,076	48.63%
1712021	Menaiktaraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan	2,902,500	1,079,402	37.19%
1752021	Menaiktaraf Anjung Selera Milik PL	2,700,000	1,838,287	68.08%
1772021	Menaiktaraf Pasar Sentral Labuan	750,000	966,626	128.88%
6112000	Pembinaan Jalan Pesisir Pantai Dari Membedai Ke Tanjung Aru, WP Labuan	149,640,100	147,891,517	98.83%
1802022	Menaiktaraf Anjung Budaya Perbadanan Labuan dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-Layangan	300,000	74,900	24.97%
<b>JUMLAH</b>		<b>194,202,600</b>	<b>176,790,725</b>	<b>93.02%</b>

Nota:

- Kesemua projek tersebut di atas merupakan projek RMKe-12 termasuk projek sambungan RMKe-11.
- Penyata Perbandingan Bajet ini disediakan berdasarkan asas tunai. Rujuk Nota 3 bagi penjelasan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar.

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **1. MAKLUMAT UMUM**

- i) Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 1 Julai 2001, di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. Ia adalah hasil penggabungan dua agensi utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. Objektif PL adalah:
  - (a) Menjadikan PL sebagai sebuah agensi yang terunggul dan berwibawa;
  - (b) Menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan sukan di WP Labuan;
  - (c) Membangunkan industri pelancongan dan aktiviti komersial di WP Labuan;
  - (d) Menjadikan WP Labuan sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia; dan
  - (e) Menjadikan PL sebagai agensi perancang dan pihak berkuasa tempatan yang cekap, berkesan dan berdikari.
- ii) Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama Perbadanan dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan.
- iii) Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM").
- iv) Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Anggota Perbadanan Labuan pada 26 Jun 2024.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN**

### **(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Kumpulan terdiri daripada penyata kewangan PL dan entiti yang dikawalinya telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS-*Malaysian Public Sector Accounting Standard*) yang diluluskan di Malaysia. Penyata kewangan entiti yang dikawal pula telah disediakan menurut *Malaysian Private Entities Reporting Standard* ("MPERS").

Transaksi dan rekod-rekod dibuat dalam asas akruan dan persembahan penyata kewangan adalah dalam bentuk asas akruan. Semua perbelanjaan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa berdasarkan invoice bertarikh pada tahun yang sama kecuali untuk perbelanjaan projek-projek pembangunan.

### **(b) Asas Penyatuan**

#### ***Syarikat-syarikat subsidiari***

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Perbadanan dan syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga penghujung tahun. Syarikat subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada kegiatannya.

Syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan. Keputusan bagi syarikat subsidiari yang diperoleh atau dilupuskan sepanjang tahun ini dimasukkan dalam penyata pendapatan disatukan mulai tarikh pemerolehannya atau hingga tarikh pelupusan.

Semua urusan niaga, baki dan keuntungan belum terealisasi antara syarikat daripada urusan niaga dengan dan antara syarikat Kumpulan dihapuskan. Kerugian belum terealisasi juga dihapuskan melainkan kos tidak boleh dipulih. Kepentingan minoriti dalam kunci kira-kira disatukan merangkumi bahagian minoriti bagi aset ketara bersih syarikat-syarikat subsidiari selepas pemerolehan.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Polisi rosot nilai adalah selaras dengan polisi penjejasaan aset seperti yang dinyatakan dalam nota 2(e).

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **(c) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan**

Pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk mengenalpasti dan mengawal risiko yang terdedah bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan. Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya dan supaya tidak terlibat dengan transaksi yang berbentuk spekulatif.

#### **(i) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai**

Kumpulan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

#### **(ii) Risiko Kredit**

Kumpulan terdedah kepada kerugian berkaitan dengan risiko kredit sekiranya instrumen pihak ketiga tidak membayar. Kumpulan tidak menjangka sebarang pihak ketiga yang mempunyai kontrak dengan Kumpulan gagal memenuhi obligasi mereka, kerana Kumpulan berpegang kepada dasar memilih hanya pihak ketiga yang berwibawa dari segi kredit sahaja. Prosedur pemantauan terhadap penghutang dibuat dari masa ke semasa melalui laporan-laporan pengurusan.

#### **(iii) Risiko Kadar Faedah**

Pendedahan Kumpulan kepada risiko kadar faedah timbul sebahagian besarnya melalui aset dan tanggungan. Pemantauan terhadap kadar faedah dibuat dan mengambil tindakan sewajarnya jika perlu.

### **(d) Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susut Nilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Dasar perakaunan Kumpulan berkenaan penjejasan aset ditunjukkan dalam nota 2(e) kepada penyata kewangan. Hartanah bukan milik Perbadanan tidak diasetkan dan diiktiraf sebagai belanja.

Tanah Milik Bebas dan Pembinaan Dalam Kemajuan tidak disusutnilaikan. Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan telah diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menurunkan kiraan kos harta tersebut sepanjang anggaran hayat kegunaan mereka. Susut nilai telah diperuntukkan pada kadar-kadar berikut:

<u>Butiran Harta</u>	<u>Kadar Susut nilai</u>
Tanah Milik Pajak	Mengikut Tempoh Pajak
Mesin dan Peralatan	20%
Perabot dan Kelengkapan	10%
Kenderaan, Jentera & Kapal	20%
Aset Tetap Lain	33.33%
Kemudahan Awam	10%
Bangunan	5%

Mesin dan Peralatan, Perabot dan Kelengkapan, Jentera, Komputer serta Alat Pejabat bagi kos kurang atau RM2,000.00 seunit disusutnilai sepenuhnya pada tahun perolehan. Keuntungan/kerugian dari pelupusan aset dicajkan terus kepada penyata kewangan.

Dalam mengukur kos hartanah, loji, dan Peralatan, PL menggunakan **MPSAS 17 para 43 (Hartanah, Loji dan Peralatan)** iaitu Model Kos yang mengiktiraf aset dibawa pada kosnya ditolak susut nilai terkumpul. PL tidak menilai semua aset tanah milik pajak kerana tanah tersebut diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran dari pihak kerajaan. Aset tersebut telah direkod sebagai nilai saksama pada tarikh perolehan (**MPSAS 17 para 29**).

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **(e) Penjejasan Aset**

Nilai dibawa aset akan dikaji semula untuk penjejasan apabila terdapat sebarang tanda aset mungkin terjejas. Penjejasan dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah yang lebih tinggi di antara nilai boleh realis bersih dan nilai dalam guna, yang dikira merujuk kepada aliran tunai terdiskaun.

Jumlah boleh pulih dijangka untuk aset individu, atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit janaan tunai. Kerugian akibat penjejasan dicaj serta merta kepada penyata pendapatan, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai.

Penambahan berikutan dalam jumlah boleh pulih aset adalah dianggap sebagai penarikbalikan kerugian ditolak penjejasan sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset yang akan ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian akibat penjejasan diiktiraf. Penarikbalikan ini diiktiraf serta merta di dalam penyata pendapatan, kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula di dalam kes ini, kebalikan bagi kerugian penjejasan atas aset yang dinilai semula dikreditkan terus kepada lebihan penilaian semula. Walau bagaimanapun, kebalikan bagi kerugian penjejasan diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan, setakat kerugian penjejasan atas aset yang dinilai semula diambil kira terdahulunya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

### **(f) Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh kumpulan. PL menggunakan model kos bagi pernyataan Hartanah Pelaburan, kerugian penurunan nilai terkumpul jika ada, kecuali tanah hak milik bebas. Susut nilai telah diperuntukkan pada kadar-kadar berikut:

<u>Butiran Harta</u>	<u>Kadar Susut nilai</u>
Bangunan	5%
Tanah Pajak	Mengikut Tempoh Pajak

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusan niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusan niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

### **(g) Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusan niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer disusutnilai berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun dengan kadar 33.33% setahun.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **(g) Aset Tak Ketara (Sambungan)**

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### **(h) Projek-Projek Pembangunan Jangka Panjang**

Projek-projek pembangunan jangka panjang adalah tanah-tanah yang diperuntukkan untuk pembangunan pada masa depan. Harta-harta ini dinyatakan pada harga kos dan termasuk perbelanjaan permulaan dan perancangan sehingga tarikh penyata kedudukan kewangan.

### **(i) Pembinaan Dalam Kemajuan**

Pembinaan dalam kemajuan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah semua perbelanjaan yang terlibat dengan projek berkaitan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

### **(j) Cukai**

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktirafkan di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia timbul dari urusniaga yang diiktirafkan secara langsung di dalam ekuiti, yang mana ianya diiktirafkan sebagai ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi permulaan pengiktirafan aset dan liabiliti, yang pada masa urusniaga tidak memberi kesan kepada perakaunan atau pendapatan. Nilai cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuat kuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap keuntungan cukai boleh diperolehi yang mana aset tersebut boleh digunakan. Perbadanan Labuan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas hasilnya berdasarkan perenggan 6, Jadual Ke-6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **(k) Stok**

Stok dinyatakan pada kos dan nilai realis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang berkaitan.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **(l) Penghutang Dan Peruntukan Hutang Lapuk / Hutang Ragu**

Penghutang dinyatakan pada nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan disediakan bagi hutang ragu berasaskan kepada kajian khusus baki tertunggak pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Hutang lapuk dihapuskan pada tahun kewangan di mana ia dikenal pasti.

Peruntukan tertentu diambilkira untuk hutang-hutang yang telah dikaji dengan terperinci dan dikenalpasti sebagai lapuk dan ragu. Perbadanan Labuan memperuntukan hutang ragu bagi hutang yang melebihi 1 hingga 3 tahun sebanyak 30%, melebihi 3 hingga 4 tahun sebanyak 50%, melebihi 4 hingga 5 tahun sebanyak 75%; dan 100% bagi hutang melebihi 5 tahun.

### **(m) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta deposit dengan institusi kewangan. Wang mudah tunai adalah pelaburan yang mudah cair, iaitu mudah ditunaikan dalam jangka masa matang yang singkat dan hanya menghadapi risiko perubahan-perubahan nilai yang kecil.

### **(n) Pemiutang**

Pemiutang perlu dibayar dinyatakan pada kos.

### **(o) Pajakan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindah sebahagian besar risiko dan manfaat atas pemilikan aset. Pajakan lain adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

#### **(i) Pajakan kewangan**

Pada permulaan pajakan, aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajakan kewangan adalah dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dengan nilai semasa bagi bayaran pajakan minima, ditolak peruntukan susut nilai dan kerugian kemerosotan. Liabiliti yang sama akan diperuntukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan sebagai sewa beli. Dalam perkiraan nilai semasa bayaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, apabila ia adalah praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pinjaman menokok Kumpulan digunakan.

#### **(ii) Pajakan Kewangan (sambungan)**

Bayaran pajakan dibahagikan antara kos kewangan dengan pengurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan yang merupakan perbezaan di antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diperolehi diiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan sepanjang tempoh pajakan supaya menghasilkan caj kadar berkala yang malar pada tempoh pajakan yang masih ada bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai untuk aset pajakan adalah selaras dengan polisi susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam nota 2(d).

#### **(iii) Pajakan operasi**

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

### **(p) Pendapatan Tertunda**

Pendapatan Tertunda merupakan geran yang diterima bagi tujuan tertentu tetapi masih berbaki pada akhir tempoh tahun kewangan. Baki geran tersebut dinyatakan sebagai pendapatan tertunda dan akan dilunas atau direalisasikan berdasarkan perbelanjaan yang dibuat.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **(q) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan ialah kumpulan wang yang diberikan oleh Kerajaan bagi menampung perbelanjaan untuk urus niaga aktiviti pembangunan. Geran kerajaan untuk projek pembangunan diiktirafkan sebagai liabiliti dan akan direalisasikan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.

### **(r) Kumpulan Wang Peningkatan Perkhidmatan**

Kumpulan Wang Peningkatan Perkhidmatan terdiri daripada apa-apa sumbangan oleh mana-mana individu atau syarikat yang mendirikan bangunan di WP Labuan mengikut kadar yang ditetapkan oleh peraturan.

Kumpulan Wang Peningkatan Perkhidmatan hendaklah dibelanjakan bagi maksud melaksanakan kerja untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur yang sedia ada.

### **(s) Manfaat Kakitangan**

#### **(i) Manfaat Jangka Pendek**

Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktirafkan apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar pada masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktirafkan apabila cuti berlaku.

#### **(ii) Manfaat Jangka Panjang**

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran pada masa hadapan. Selaras dengan kehendak **MPSAS 25 (Manfaat Pekerja)**, PL telah memperuntukkan pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) dan dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan.

### **(t) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan**

#### **(i) Pendapatan**

Pemberian daripada kerajaan bagi maksud belanja mengurus adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam tahun berkenaan untuk memadamkan pemberian tersebut secara sistematik dengan belanja mengurus yang perlu ditanggung.

Pendapatan pelbagai lesen diiktiraf berdasarkan asas tunai. Pendapatan cukai taksiran dan sewaan diiktiraf atas dasar akruan. Diskaun yang diberi diambil kira sebagai pengurangan hasil.

Pendapatan daripada jualan barangan diukur pada nilai berpatutan apabila barangan diterima dan juga risiko pemilikan telah dipindah milik kepada pembeli.

Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi kewangan diiktiraf berasaskan kepada akruan mengikut kadar faedah yang berkuatkuasa ketika itu. Pendapatan faedah daripada akaun semasa diiktirafkan apabila bayaran diterima dari bank.

#### **(ii) Perbelanjaan**

Perbelanjaan diiktirafkan dalam akaun apabila barangan atau perkhidmatan telah diterima dan Invois serta dokumen berkaitan lengkap diterima pada 31 Disember tahun semasa.

**3. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET SEBENAR**

- (i) Bajet mengurus diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah tempoh bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 untuk semua jabatan di bawah PL.
- (ii) Geran mengurus PL bagi Dasar Sedia Ada dibentang di Parlimen pada 7 Oktober 2022 dan 24 Februari 2023. Penggunaan sumber dalaman bajet mengurus PL diluluskan dalam Mesyuarat Anggota PL pada 14 Julai 2023.
- (iii) Bagi belanja mengurus, PL hampir belanja 100% disebabkan oleh perbelanjaan penyelenggaraan yang semakin meningkat dan sumber peruntukan yang terhad.
- (iv) Bagi geran pembangunan, PL telah menerima 100% bajet tahun 2023 yang telah diluluskan di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Rolling Plan 3 (RP3). Pada tahun 2023, bajet terbesar yang diterima adalah bagi projek Pembinaan *Cell Sanitary Landfill* dan Naiktaraf *Leachate Treatment Plan* iaitu sebanyak RM11 juta.

**PERBADANAN LABUAN**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA**

	KUMPULAN		PL	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Penghutang Sewaan	2,098,939	2,447,503	2,098,939	2,447,503
Penghutang Pelbagai	66,919	25,595	64,256	21,342
Penghutang Jualan Rumah	1,099,000	-	1,099,000	-
Hasil Faedah Terakru	789,008	360,022	789,008	360,022
Pendahuluan Kakitangan	148,694	60,301	148,694	60,301
Pelbagai Cagaran	388,809	388,809	388,809	388,809
<i>Tolak: Peruntukan penjejasan nilai</i>	<i>(1,052,455)</i>	<i>(972,740)</i>	<i>(1,052,455)</i>	<i>(972,740)</i>
	<b>3,538,914</b>	<b>2,309,490</b>	<b>3,536,251</b>	<b>2,305,237</b>

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:

Belum tertunggakan dan tidak dijejasnilai	2,701,145	1,625,785	2,698,482	1,621,532
Tertunggak dan tidak dijejasnilai (1 Tahun ke atas)	537,502	408,351	537,502	408,351
Tertunggak dan dijejasnilai (1 Tahun ke atas)	300,267	275,354	300,267	275,354
	<b>3,538,914</b>	<b>2,309,490</b>	<b>3,536,251</b>	<b>2,305,237</b>

**5. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA**

	KUMPULAN DAN PL	
	2023	2022
	RM	RM
Penghutang Cukai Taksiran	2,889,237	2,848,163
<i>Tolak: Peruntukan penjejasan nilai</i>	<i>(838,752)</i>	<i>(815,081)</i>
	<b>2,050,485</b>	<b>2,033,082</b>
<u>Analisis pengumuran adalah seperti berikut:</u>		
Belum tertunggakan dan tidak dijejasnilai	1,450,150	1,372,269
Tertunggak dan dijejasnilai (1 Tahun ke atas)	600,335	660,813
	<b>2,050,485</b>	<b>2,033,082</b>

**6. PINJAMAN KAKITANGAN**

	KUMPULAN DAN PL	
	2023	2022
	RM	RM
Pinjaman Kakitangan terdiri daripada:		
i) Pinjaman Kenderaan		
Baki Awal	588,487	608,031
Tambahan Pinjaman	34,900	178,400
Bayaran Pinjaman	(179,576)	(197,944)
	<b>443,811</b>	<b>588,487</b>
ii) Pinjaman Komputer dan Telefon Pintar		
Baki Awal	244,764	224,116
Tambahan Pinjaman	77,600	142,900
Bayaran Pinjaman	(131,075)	(122,252)
	<b>191,289</b>	<b>244,764</b>
	<b>635,100</b>	<b>833,251</b>
<u>Diterakan sebagai:</u>		
Aset semasa (kurang dari tempoh 12 bulan)	209,154	260,196
Aset bukan semasa (melebihi tempoh 12 bulan)	425,946	573,055
	<b>635,100</b>	<b>833,251</b>

**PERBADANAN LABUAN****Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)****bagi tahun berakhir 31 Disember 2023****7. STOK**

Pada tahun 2015, PL telah memutuskan untuk menjual 150 unit rumah kos rendah di Taman Mutiara, Kampung Sungai Bedaun, WP Labuan. Sebanyak 114 unit rumah kos rendah di Taman Mutiara masih belum berjaya dijual pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Pada tahun 2023, PL juga telah bersetuju untuk menjual sebanyak 140 unit rumah di Taman Perumahan Ganggarak Permai (Blok Jasmine) kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan nilai keseluruhan sebanyak RM30,616,000.00.

Sebanyak 5 unit rumah telah diserahkan kepada asnaf MAIWP pada tahun 2023, manakala sebanyak 135 unit rumah akan diserahkan pada tahun 2024 apabila kerja-kerja pembaikan selesai dilaksanakan.

	KUMPULAN		PL	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Stok Jualan Rumah</b>				
- Taman Mutiara	7,410,000	7,800,000	7,410,000	7,800,000
- Taman Ganggarak Permai (Blok Jasmine)	25,961,504	-	25,961,504	-
	<u>33,371,504</u>	<u>7,800,000</u>	<u>33,371,504</u>	<u>7,800,000</u>
<i>Stok yang diiktiraf sebagai perbelanjaan :</i>				
<b>Kos Jualan Rumah</b>				
- Taman Mutiara	390,000	65,000	390,000	65,000
	<u>390,000</u>	<u>65,000</u>	<u>390,000</u>	<u>65,000</u>

**PERBADANAN LABUAN**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

**KUMPULAN**

KOS	Tanah Milik		Mesin & Peralatan		Perabot & Kelengkapan		Kenderaan		Aset Tetap Lain		Kemudahan Awam		Aset Infrastruktur		Bangunan		Jumlah	
	RM	Pajak	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1 Januari	52,293,020	-	16,440,094	5,023,434	20,782,854	5,986,126	128,495,698	264,703,186	381,197,668									874,922,079
Tambahan	-	1,480	595,260	135,972	1,921,290	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,652,522
Aset dipermodalkan	-	-	-	-	-	-	3,386,700	651,700	1,206,385									5,246,265
Pelupusan	-	-	(3,555,092)	(741,175)	(3,114,282)	(214,441)	-	(2,137,257)	(866,661)									(10,628,908)
<b>31 Disember</b>	<b>52,294,500</b>	<b>-</b>	<b>13,480,262</b>	<b>4,418,231</b>	<b>19,589,862</b>	<b>5,771,685</b>	<b>131,882,398</b>	<b>263,217,629</b>	<b>381,537,392</b>									<b>872,191,958</b>
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>																		
1 Januari	9,087,752	-	15,469,750	3,783,654	19,196,610	5,986,049	118,959,060	75,250,640	247,732,730									495,466,244
Susutnilai	649,607	-	424,085	228,576	875,191	-	4,936,737	24,721,037	15,402,280									47,237,513
Pelupusan	-	-	(3,546,793)	(730,440)	(3,114,178)	(214,404)	-	(2,136,096)	(866,188)									(10,608,099)
<b>31 Disember</b>	<b>9,737,359</b>	<b>-</b>	<b>12,347,042</b>	<b>3,281,790</b>	<b>16,957,623</b>	<b>5,771,645</b>	<b>123,895,797</b>	<b>97,835,581</b>	<b>262,268,822</b>									<b>532,095,658</b>
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>																		
<b>31 Disember 2023</b>	<b>42,557,141</b>	<b>-</b>	<b>1,133,220</b>	<b>1,136,441</b>	<b>2,632,239</b>	<b>40</b>	<b>7,986,601</b>	<b>165,382,048</b>	<b>119,268,570</b>									<b>340,096,300</b>
31 Disember 2022	43,205,268	-	970,344	1,239,780	1,586,244	77	9,536,638	189,452,546	133,464,938									379,455,835
Susutnilai bagi tahun berakhir																		
<b>31 Disember 2022</b>	<b>653,812</b>	<b>-</b>	<b>364,248</b>	<b>221,958</b>	<b>636,387</b>	<b>-</b>	<b>6,657,483</b>	<b>24,665,700</b>	<b>22,308,578</b>									<b>55,508,166</b>

**PERBADANAN LABUAN**  
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

**8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)**

**PERBADANAN LABUAN**

KOS	Tanah Milik		Mesin & Peralatan		Perabot & Kelengkapan		Kenderaan		Aset Tetap Lain		Kemudahan Awam		Aset Infrastruktur		Bangunan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
1 Januari	52,293,020	-	16,896,312	4,826,424	20,669,528	5,986,126	128,495,698	264,703,186	380,896,060	874,766,353								
Tambahan	-	1,480	595,260	135,972	1,921,290	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,652,522
Aset dipermodalkan	1,480	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,386,700	651,700	1,206,385	5,246,265				
Pelupusan	-	-	(3,555,092)	(741,175)	(3,114,282)	(214,441)	-	-	(214,441)	-	-	(2,137,257)	(866,661)	(10,628,908)				
<b>31 Disember</b>	<b>52,294,500</b>	<b>1,480</b>	<b>13,936,480</b>	<b>4,221,221</b>	<b>19,476,536</b>	<b>5,771,685</b>	<b>131,882,398</b>	<b>263,217,629</b>	<b>381,235,784</b>	<b>872,036,232</b>								
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>																		
1 Januari	9,087,752	-	15,864,222	3,485,966	19,083,286	5,986,049	118,959,060	75,250,641	247,606,038	495,323,013								
Susutnilai	649,607	-	422,525	227,162	875,191	-	4,936,737	24,721,037	15,402,280	47,234,539								
Pelupusan	-	-	(3,546,793)	(730,440)	(3,114,178)	(214,404)	-	-	(866,188)	(10,608,099)								
<b>31 Disember</b>	<b>9,737,359</b>	<b>-</b>	<b>12,739,954</b>	<b>2,982,688</b>	<b>16,844,299</b>	<b>5,771,645</b>	<b>123,895,797</b>	<b>97,835,582</b>	<b>262,142,130</b>	<b>531,949,453</b>								
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>																		
<b>31 Disember 2023</b>	<b>42,557,141</b>	<b>-</b>	<b>1,196,526</b>	<b>1,238,533</b>	<b>2,632,237</b>	<b>40</b>	<b>7,986,601</b>	<b>165,382,047</b>	<b>119,093,654</b>	<b>340,086,779</b>								
31 Disember 2022	43,205,268	-	1,032,090	1,340,458	1,586,242	77	9,536,638	189,452,545	133,290,022	379,443,340								
Susutnilai bagi tahun berakhir																		
<b>31 Disember 2022</b>	<b>653,812</b>	<b>-</b>	<b>361,904</b>	<b>220,544</b>	<b>636,387</b>	<b>-</b>	<b>6,657,483</b>	<b>24,665,700</b>	<b>22,308,578</b>	<b>55,504,408</b>								

**PERBADANAN LABUAN**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**9. ASET TAK KETARA**

	KUMPULAN DAN PL	
	2023	2022
	RM	RM
Perisian Sistem Komputer		
<b>KOS</b>		
Baki Pada 1 Januari	2,296,102	1,322,828
Pembelian	581,753	973,274
Pelupusan	(1,178,234)	-
Baki Pada 31 Disember	1,699,621	2,296,102
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>		
Baki Pada 1 Januari	1,211,498	532,653
Belanja Susutnilai	431,443	678,845
Pelupusan	(428,572)	-
Baki Pada 31 Disember	1,214,369	1,211,498
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>	485,252	1,084,604

**10. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN**

	KUMPULAN DAN PL	
	2023	2022
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	11,854,942	1,092,682
Tambahan	16,792,752	11,879,507
Diklasifikasikan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(4,931,462)	(1,117,247)
Baki Pada 31 Disember	23,716,233	11,854,942
Pembinaan dalam kemajuan terdiri daripada:		
1. Menaiktaraf Rumah Kakitangan Perbadanan Labuan	10,081,260	7,507,791
2. Projek Smart City Labuan Fasa 1	4,727,158	2,676,479
3. Pembinaan Cell Sanitary dan Naiktaraf Leachate Treatment Plan	7,331,635	161,227
4. Naiktaraf Kemudahan Infrastruktur dan Rekreasi Awam Dataran Labuan	-	1,509,445
5. Menaiktaraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan	1,077,100	-
6. Menaiktaraf Anjung Selera Milik PL	449,179	-
7. Menaiktaraf Anjung Budaya PL dan Pencahayaan Tapak Pesta Pantai Layang-layangan	49,900	-
	23,716,233	11,854,942

**PERBADANAN LABUAN**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**11. HARTANAH PELABURAN**

	Pajakan RM	Pejabat RM	Kediaman RM	Jumlah RM
<b>KOS</b>				
1 Januari	51,851,477	14,100,000	49,999,976	115,951,453
Pelupusan	-	-	(26,923,065)	(26,923,065)
<b>31 Disember</b>	<b>51,851,477</b>	<b>14,100,000</b>	<b>23,076,911</b>	<b>89,028,388</b>
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>				
1 Januari	2,259,768	2,820,000	9,166,666	14,246,434
Susutnilai	469,640	705,000	1,602,564	2,777,204
Pelupusan	-	-	(5,384,615)	(5,384,615)
<b>31 Disember</b>	<b>2,729,408</b>	<b>3,525,000</b>	<b>5,384,615</b>	<b>11,639,023</b>
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>				
<b>31 Disember 2023</b>	<b>49,122,069</b>	<b>10,575,000</b>	<b>17,692,296</b>	<b>77,389,365</b>
31 Disember 2022	49,591,709	11,280,000	40,833,310	101,705,019
<b>NILAI SAKSAMA</b>				
<b>31 Disember 2023</b>	<b>123,281,700</b>	<b>14,400,000</b>	<b>60,000,000</b>	<b>197,681,700</b>
31 Disember 2022	123,281,700	14,200,000	60,000,000	197,481,700
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2022	469,640	705,000	2,500,000	3,674,640

Hartanah Pelaburan adalah bertujuan untuk disewakan, dijual pada masa akan datang atau dimajukan secara usahasama dengan syarikat yang berminat.

**12. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI**

	KUMPULAN		PL	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<u>Saham tidak disebut harga pada kos:</u>				
Labuan Halal Hub Sdn. Bhd.	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Tolak: Kerugian Rosot Nilai Terkumpul	(2,000,000)	(2,000,000)	(2,000,000)	(2,000,000)
	-	-	-	-

Butiran syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat Subsidiari	Kegiatan Utama	Tahun Kewangan	Peratus Ekuiti Dipegang	
			2023	2022
Labuan Halal Hub Sdn. Bhd. (967978-A)*	Operator perniagaan Labuan Halal Hab	31 Disember	100%	100%

\* Syarikat ini tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

**13. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR**

	KUMPULAN		PL	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Deposit Diterima	3,759,240	3,634,125	3,759,240	3,634,125
Diskaun Tambang 50%	13,186,284	11,575,640	13,186,284	11,575,640
Nadma	-	616,403	-	616,403
Pemiutang Pelbagai	8,883,907	3,288,687	8,841,801	3,271,963
	<b>25,829,431</b>	<b>19,114,856</b>	<b>25,787,325</b>	<b>19,098,132</b>

**PERBADANAN LABUAN**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**14. PENERIMAAN TERDAHULU**

	<b>KUMPULAN DAN PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 1 Januari	<b>661,224</b>	1,636,258
Hasil Direalisasi Pada Tahun Semasa	<b>(97,027)</b>	(975,034)
	<b>564,197</b>	661,224

Penerimaan terdahulu adalah prabayar cukai taksiran dan sewa. Prabayar cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil cukai taksiran apabila bil cukai taksiran dikeluarkan pada tahun berikutnya. Manakala, prabayar sewa diiktiraf sebagai hasil sewa mengikut tempoh sewaan.

**15. PENDAPATAN TERTUNDA**

	<b>KUMPULAN DAN PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 1 Januari	<b>5,599,081</b>	4,324,806
Penambahan	<b>49,658,634</b>	40,972,764
Geran Direalisasi Pada Tahun Semasa	<b>(43,110,362)</b>	(39,698,489)
Baki Pada 31 Disember	<b>12,147,353</b>	5,599,081

**16. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN**

	<b>KUMPULAN DAN PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada 1 Januari	<b>3,894,893</b>	4,807,314
Peruntukan Tahun Semasa	<b>657,255</b>	648,804
Pembayaran Tahun Semasa	<b>(648,577)</b>	(1,561,225)
	<b>3,903,571</b>	3,894,893
<u>Diterakan sebagai:</u>		
Liabiliti semasa (kurang dari tempoh 12 bulan)	<b>1,142,261</b>	1,536,872
Liabiliti bukan semasa (melebihi tempoh 12 bulan)	<b>2,761,310</b>	2,358,021
	<b>3,903,571</b>	3,894,893

Peruntukan manfaat pekerja merujuk kepada Ganti Cuti Rehat (GCR) yang dikumpul dari cuti tahunan yang boleh ditukar kepada wang tunai yang dibayar pada tarikh persaraan wajib atau tamat tempoh kontrak (bagi kakitangan kontrak) atau lebih awal melalui persaraan pilihan, atas sebab kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan bagi kakitangan tetap. Selain itu, peruntukan manfaat kakitangan juga termasuk bayaran ganjaran bagi kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh kontrak.

Mulai tahun 2023, peruntukan manfaat kakitangan telah dinyatakan pada nilai semasa bersih (NPV) dengan kadar diskaun 3% setahun.

**PERBADANAN LABUAN**

**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

**17. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

	KUMPULAN DAN PL	
	2023	2022
	RM	RM
<b><u>Lebih pendapatan</u></b>		
Baki pada 1 Januari	105,366,976	96,873,760
Lebih Tahun Semasa:		
Faedah Simpanan Tetap	3,924,559	2,034,008
Faedah Akaun Semasa	24,260	41,087
Pendapatan Pelbagai	92,273	41,195
Pelarasan Baki Geran	424,680	6,376,926
	<b>4,465,772</b>	<b>8,493,216</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>109,832,748</b>	<b>105,366,976</b>
<b><u>Geran Pembangunan</u></b>		
<b><u>A. Peruntukan Projek Di Bawah Rancangan Malaysia</u></b>		
Baki Pada 1 Januari	304,959,190	323,710,661
Pemberian Kerajaan Persekutuan	22,901,276	26,252,500
	<b>327,860,466</b>	<b>349,963,161</b>
<i>Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan:</i>		
Perbelanjaan Operasi	881,490	265,799
Susut nilai	32,570,356	39,972,520
Pelarasan Baki Geran	-	4,765,652
	<b>33,451,846</b>	<b>45,003,971</b>
<b>Baki Peruntukan Pada 31 Disember</b>	<b>294,408,620</b>	<b>304,959,190</b>
<b><u>B. Peruntukan Projek-Projek Lain</u></b>		
Baki Pada 1 Januari	38,118,487	37,753,410
Pemberian Kerajaan Persekutuan	8,478,500	8,013,395
	<b>46,596,987</b>	<b>45,766,805</b>
<i>Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan:</i>		
Perbelanjaan Operasi	4,604,895	5,860,558
Susut nilai	565,159	176,285
Pelarasan Baki Geran	424,720	1,611,475
Baki Geran Dikembalikan	5,700	-
	<b>5,600,474</b>	<b>7,648,318</b>
<b>Baki Peruntukan Pada 31 Disember</b>	<b>40,996,513</b>	<b>38,118,487</b>
<b><u>Jumlah Geran Pembangunan</u></b>		
Baki Pada 1 Januari	343,077,677	361,464,071
Pemberian Kerajaan Persekutuan	31,379,776	34,265,895
	<b>374,457,453</b>	<b>395,729,966</b>
<i>Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan:</i>		
Perbelanjaan Operasi	5,486,385	6,126,357
Susut nilai	33,135,515	40,148,805
Pelarasan Baki Geran	424,720	6,377,127
Baki Geran Dikembalikan	5,700	-
<b>Jumlah Pelunasan Geran</b>	<b>39,052,320</b>	<b>52,652,289</b>
<b>Baki Peruntukan Pada 31 Disember</b>	<b>335,405,133</b>	<b>343,077,677</b>
<b>Baki Keseluruhan Kumpulan Wang Pembangunan</b>	<b>445,237,881</b>	<b>448,444,653</b>

**PERBADANAN LABUAN****Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)****bagi tahun berakhir 31 Disember 2023****18. KUMPULAN WANG PENINGKATAN PERKHIDMATAN**

Kumpulan Wang Peningkatan Perkhidmatan (ISF) merupakan satu sumbangan yang dikenakan terhadap pihak kontraktor sesuatu bangunan untuk tujuan penyelenggaraan sekiranya terdapat kerosakan di kawasan pembangunan tersebut.

	<b>KUMPULAN DAN PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki Pada 1 Januari	<b>6,193,524</b>	6,311,605
Penerimaan Dalam ISF	<b>378,412</b>	366,677
Pembayaran Dari ISF	<b>(172,085)</b>	(274,710)
	<b>6,399,851</b>	6,403,572
Tolak: Pelunasan ISF (Susutnilai Aset Infrastruktur)	<b>(210,048)</b>	(210,048)
	<b>6,189,803</b>	6,193,524

**19. TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN**

Tabung penyelenggaraan adalah merupakan tabung yang digunakan bagi penyelenggaraan perumahan awam di WP Labuan.

	<b>KUMPULAN DAN PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki Pada 1 Januari	<b>3,032,412</b>	4,835,360
Penerimaan	<b>368,873</b>	6,741,919
Pembayaran	<b>(2,408,951)</b>	(8,480,075)
	<b>992,334</b>	3,097,204
Tolak: Pelunasan Susutnilai Aset Kemudahan Awam	<b>(115,108)</b>	(64,792)
	<b>877,226</b>	3,032,412

**20. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>PL</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	<b>2,655,264</b>	2,587,617	<b>2,655,264</b>	2,584,627
Pengangkutan Barang-Barang	<b>32,550</b>	21,350	<b>32,550</b>	21,350
Perhubungan dan Utiliti	<b>5,626,585</b>	5,017,789	<b>5,626,585</b>	5,014,044
Sewaan	<b>1,217,479</b>	1,132,231	<b>1,217,479</b>	1,105,831
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	<b>728,814</b>	1,276,350	<b>728,814</b>	1,276,350
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	<b>2,446,669</b>	2,047,399	<b>2,446,669</b>	2,045,902
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	<b>25,038,568</b>	22,341,543	<b>25,038,568</b>	22,340,503
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	<b>12,197,188</b>	11,190,388	<b>12,174,669</b>	11,158,244
Perbelanjaan Aktiviti Pelancongan	<b>1,667,507</b>	1,551,907	<b>1,667,507</b>	1,551,907
	<b>51,610,624</b>	<b>47,166,574</b>	<b>51,588,105</b>	<b>47,098,758</b>

**PERBADANAN LABUAN****Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2023****21. KOS KAKITANGAN**

	PL	
	2023	2022
	RM	RM
Caruman Majikan - KWSP	3,374,193	327,627
Caruman Majikan - Pencen	2,710,169	2,648,631
Lain-Lain Kos Kakitangan (termasuk kakitangan kontrak)	32,960,316	32,119,955
	<b>39,044,678</b>	<b>35,096,213</b>

Bilangan pekerja Perbadanan Labuan pada 31 Disember 2023 adalah 553 (2022:554). Manakala anak syarikat iaitu Labuan Halal Hub Sdn Bhd masih berstatus tidak aktif pada tahun semasa (2022:1 orang).

**22. KOMITMEN MODAL DAN KONTRAK**

	2023	2022
	RM	RM
<b>Perbelanjaan Modal</b>		
Diluluskan dan telah/belum dikontrakkan	<b>3,922,400</b>	11,413,281

Komitmen modal dan kontrak merupakan kos projek pembangunan di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dan telah/belum dikontrakkan pada tahun semasa.

**23. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN**

Pihak berkaitan terdiri daripada pengurusan utama iaitu entiti yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan, mengawal aktiviti-aktiviti PL sama ada secara langsung atau tidak langsung dan memberi perkhidmatan pengurusan utama kepada PL. Kos bagi pengurusan utama adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		PL	
	2023	2022	2023	2022
	RM	RM	RM	RM
Jumlah Ganjaran	188,686	340,172	188,686	243,550
Bilangan Orang	6	5	6	4



## PERBADANAN LABUAN LABUAN CORPORATION

Wisma Perbadanan Labuan,  
Peti Surat 81245, 87022 WP Labuan

☎ 087 - 408 600    📠 087 - 419 400

✉ [webmaster@pl.gov.my](mailto:webmaster@pl.gov.my)



[www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)